

**PENGUNAAN PARTIKEL BAHASA MANDARIN “LE”
DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU: SATU KAJIAN KES**

CHAN MAY LENG

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

**PENGUNAAN PARTIKEL BAHASA MANDARIN “LE”
DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU: SATU
KAJIAN KES**

CHAN MAY LENG

**DISERTASI DISERAHKAN
UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA LINGUISTIK**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Chan May Leng**

(No. K.P/Pasport: **850217-05-5012**)

No. Pendaftaran/Matrik: **TGC090038**

Nama Ijazah: **Sarjana Linguistik**

Tajuk ~~Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis~~ ("Hasil Kerja ini"):

**Penggunaan Partikel Bahasa Mandarin "Le" Dalam Kalangan Pelajar Melayu:
Satu Kajian Kes**

Bidang Penyelidikan: **Bahasa Mandarin Sebagai Bahasa Kedua**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon:

Tarikh: 30 April 2013

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi:

Tarikh: 30 April 2013

Nama: **Dr. David Yoong Soon Chye**

Jawatan: **Penyelia**

ABSTRAK

Penemuan awal menunjukkan partikel 了-*le* yang mempunyai struktur tatabahasa rumit sering mengelirukan pelajar-pelajar Melayu dalam pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Oleh kerana itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan memahami keadaan penggunaan partikel 了-*le* dengan berfokus kepada 40 orang pelajar Melayu yang telah tamat mempelajari kursus bahasa Mandarin di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Melalui ujian bertulis, kajian meninjau keadaan penggunaan partikel 了-*le* dari aspek pengelasan kata kerja 了-*le* dan akhir ayat 了-*le* serta jenis-jenis ayat partikel 了-*le*. Kajian juga mengenal pasti jenis-jenis kesilapan yang wujud dalam penggunaan partikel 了-*le*. Melalui soal selidik dan temubual berstruktur, cara pembelajaran penggunaan partikel 了-*le* dikaji. Hubungan korelasi di antara cara pembelajaran penggunaan partikel 了-*le* dengan keputusan markah ujian bertulis juga dibincangkan. Hasil dapatan kajian menunjukkan kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah adalah lebih mahir dalam penggunaan kata kerja 了-*le* berbanding dengan akhir ayat 了-*le*. Kajian mendapati masalah akan timbul sekiranya pelajar Melayu memindahkan pengetahuan bahasa ibundanya dalam pemerolehan partikel 了-*le* dan seterusnya wujud kesilapan dalam penggunaannya.

Kata-kata kunci: partikel 了-*le*, pelajar Melayu, bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua, cara pembelajaran, pemindahan bahasa ibunda

ABSTRACT

Preliminary findings indicate that 了-*le* particles with complex grammatical structures often confuse Malay students in learning Mandarin language as a second language. This research aims to study and understand the production of the 了-*le* particle by examining 40 Malay students who have completed the Mandarin language course at Universiti Malaysia Pahang (UMP). Through written tests, this research investigates the production of 了-*le* particles using the classification aspects of verb and sentence-end 了-*le* particles from the aspects of 了-*le* particles sentence types. This research also identifies the types of errors inherent in the production of 了-*le* particles. Through the questionnaires and structured interviews, this research studies the students' ways in learning 了-*le* particles and it discusses the correlation between the learning methods and the written test score results. Results show that the excellent and weak students groups are more skillful in the production of verb 了-*le* as opposed to sentence-end 了-*le*. This research also reveals that there is problems will occur if Malay students transfered their mother tongue knowledge in the acquisition of 了-*le* particles because it will cause errors in their production of 了-*le* particles.

Keywords: particle 了-*le*, Malay students, Mandarin language as second language, the way of learning particle 了-*le*, mother language transfer

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. David Yoong Soon Chye, penyelia utama, yang telah meluangkan masa yang emas dengan penuh kesabaran untuk memberikan bimbingan dengan penuh dedikasi dan nasihat yang baik dan bernas, menyumbang idea yang pelbagai dan meluas, menjana buah fikiran yang kreatif dan memberi kritikan yang kritis, membina dan memotivasikan serta menjadi perangsang dan penyokong moral kepada saya untuk melengkapkan tesis ini dengan penuh keyakinan, kompetensi, ketrampilan, sistematik dan sempurna.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada penyelaras kursus bahasa Mandarin di Universiti Malaysia Pahang, Encik Chong Ah Kow, dan guru bahasa Mandarin di Universiti Malaysia Pahang, Cik Yong Ying Mei, yang turut membantu saya untuk mengutip data kajian ini. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada 40 pelajar Melayu dari Universiti Malaysia Pahang selaku sampel kajian atas kerjasama yang diberikan semasa kajian ini dijalankan. Setinggi-tinggi terima kasih saya lafazkan kepada Dr. Wong Yoke Nyen kerana beliau telah memberi sokongan moral yang sepenuhnya kepada saya sejak daripada permulaan proposal sehingga penulisan disertasi akhirnya. Tanpa sokongan dan nasihat beliau, saya tidak akan mendapat ketabahan dan keyakinan yang sepenuhnya untuk menghabiskan disertasi ini.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan ribuan terima kasih kepada suami saya Encik Choo Suan Han di atas segala pengorbanan, dorongan dan kesabaran beliau mengiringi saya mengharungi segala cabaran sepanjang tempoh pengajian ini. Akhir sekali, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya dan ahli keluarga saya yang telah memberi dorongan dan galakan sepanjang kajian ini dijalankan.

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI CARTA	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
DEFINISI ISTILAH	xvi

BAB 1: PENGENALAN 1

1. Pengenalan	1
1.1. Objektif dan Persoalan Kajian	4
1.2. Kepentingan Kajian	7
1.3. Batasan Kajian	9
1.4. Latar Belakang Kajian	11

BAB 2: KAJIAN LITERATUR 15

2. Pengenalan	15
2.1. Pemerolehan Bahasa Kedua	15
2.1.1. Konsep Bahasa Kedua dan Bahasa Asing	15
2.1.2. Tinjauan Mengenai Pemerolehan Bahasa Kedua	20

2.2.	Pemindahan Bahasa Dalam Pemerolehan Bahasa Kedua	23
2.2.1.	Definisi Pemindahan Bahasa	23
2.2.2.	Fenomena Pemindahan Bahasa Ibunda Dalam Pemerolehan Bahasa Kedua	27
2.3.	Partikel 了 <i>-le</i> Dalam Bahasa Mandarin	33
2.3.1.	Konsep Partikel 了 <i>-le</i>	33
2.3.2.	Makna Tatabahasa Partikel 了 <i>-le</i>	37
2.3.3.	Jenis-jenis Ayat Partikel 了 <i>-le</i> Dan Syarat-syarat Penggunaannya	46
2.4.	Struktur Tatabahasa Bahasa Melayu Yang Serupa Dengan Partikel 了 <i>-Le</i>	60
2.5.	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Pemerolehan Partikel 了 <i>-le</i> Dalam Kalangan Pelajar Bahasa Kedua	64

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN74

3.	Pengenalan	74
3.1.	Reka Bentuk Kajian	74
3.2.	Sampel Kajian	76
3.3.	Instrumen Kajian	80
3.3.1.	Ujian Bertulis	80
3.3.2.	Soal Selidik	88
3.3.3.	Temubual Berstruktur	90
3.4.	Prosedur Pengumpulan Data	92

3.5.	Analisis Data	94
------	---------------------	----

BAB 4: ANALISIS DATA.....96

4.	Pengenalan	96
4.1.	Prestasi Pelajar-pelajar Melayu Dalam Penggunaan Partikel ㄟ-le	97
4.2.	Keadaan Penggunaan Partikel ㄟ-le Dalam Kalangan Pelajar-pelajar Melayu	102
4.2.1.	Keadaan Penggunaan Dari Aspek Pengkelasan Partikel ㄟ-le	103
4.2.1.1.	Keadaan Penggunaan Kata Kerja ㄟ-le	105
4.2.1.2.	Keadaan Penggunaan Akhir Ayat ㄟ-le	110
4.2.2.	Keadaan Penggunaan Dari Aspek Jenis-jenis Ayat Partikel ㄟ-le.....	115
4.2.2.1.	Jenis Ayat 1: ‘Kata Kerja + Partikel ㄟ-le + Objek’	118
4.2.2.2.	Jenis Ayat 2: ‘Kata Kerja + Objek + Partikel ㄟ-le’	124
4.2.2.3.	Jenis Ayat 3: ‘Kata Kerja + Partikel ㄟ-le’	127

4.2.2.4.	Jenis Ayat 4: ‘Kata Adjektif + Partikel ㄟ -le’	130
4.2.2.5.	Jenis Ayat 5: ‘Kata Nama + Partikel ㄟ -le’	133
4.3.	Kesilapan Pelajar-pelajar Melayu Apabila Menggunakan Partikel ㄟ -le	138
4.3.1.	Partikel ㄟ -le ditinggalkan atau diabaikan.....	141
4.3.2.	Partikel ㄟ -le digunakan walaupun tidak diperlukan	146
4.3.3.	Kedudukan partikel ㄟ -le tidak tepat.....	150
BAB 5: PERBINCANGAN.....		158
5.	Pengenalan	158
5.1.	Cara Pembelajaran Pelajar-pelajar Melayu Dalam Penggunaan Partikel ㄟ -le.....	159
5.1.1.	Hasil Dapatan Borang Soal Selidik	159
5.1.2.	Hasil Dapatan Temubual Berstruktur	165
5.1.3.	Hubungan Kolerasi Cara Pembelajaran Penggunaan Partikel ㄟ -le Dengan Keputusan Markah Ujian Bertulis.....	176
5.2.	Faktor-Faktor Mempengaruhi Pelajar-pelajar Melayu Dalam Penggunaan Partikel ㄟ -le	186
5.2.1.	Pengaruh Pemindahan Bahasa Ibunda	187
5.2.2.	Syarat-syarat Penggunaan Partikel ㄟ -le Yang Rumit	191
5.2.3.	Pengaruh Bahan Pengajaran Dan Cara Pengajaran	194

5.2.4.	Masalah Pelajar Sendiri.....	196
5.3.	Keadaan Penggunaan Partikel 了 <i>-le</i> Dalam Kalangan Pelajar-pelajar Melayu	198
BAB 6: KESIMPULAN		203
6.	Pengenalan	203
6.1.	Rumusan Kajian.....	203
6.2.	Implikasi Dapatan Dan Cadangan Kajian	209
6.3.	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	214
Rujukan		216
Lampiran		225

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Hubungan di antara <i>degree of markedness</i> dengan <i>degree of difficulty</i> oleh Eckman (1987)	28
2.2	Hubungan di antara teori ' <i>markedness</i> ' dengan pemindahan bahasa oleh Hyltenstam (1986)	29
2.3	Peratusan kesilapan gangguan dalam kajian bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua	30
2.4	Jenis-jenis ayat partikel 了- <i>le</i> yang dicadangkan oleh Teng (1999)	47
2.5	Jenis-jenis ayat bagi kata kerja 了- <i>le</i> yang dicadangkan oleh Zheng <i>et al.</i> (1996)	48
2.6	Jenis-jenis ayat bagi akhir ayat 了- <i>le</i> yang dicadangkan oleh Zheng <i>et al.</i> (1996)	54
2.7	Jenis-jenis ayat mempunyai kedua-dua kata kerja 了- <i>le</i> dan akhir ayat 了- <i>le</i> yang dicadangkan oleh Zheng <i>et al.</i> (1996)	59
2.8	Rumusan tentang jenis-jenis ayat partikel 了- <i>le</i>	60
2.9	Perbandingan kata bantu aspek 'sudah/telah' dengan kata kerja 了- <i>le</i> dan akhir ayat 了- <i>le</i>	63
3.1	Latar belakang pelajar-pelajar Melayu dalam Kumpulan A	77-78
3.2	Latar belakang pelajar-pelajar Melayu dalam Kumpulan B	78
3.3	Senarai varibel yang dikawal dalam kajian	80
3.4	Penerangan keputusan markah keseluruhan ujian bertulis dalam bentuk ' <i>rubrics</i> '	87
3.5	Taburan item-item dalam borang soal selidik tentang cara pembelajaran penngunaan partikel 了- <i>le</i>	89
3.6	Contoh soalan temubual berstruktur yang direka berdasarkan item dalam borang soal selidik	91

4.1	Kekerapan betul Kumpulan A dan Kumpulan B dari aspek makna kata kerja 了-le	106-107
4.2	Kekerapan betul Kumpulan A dan Kumpulan B dari aspek akhir ayat 了-le	112
4.3	Kekerapan betul Kumpulan A dan Kumpulan B dari aspek jenis-jenis ayat partikel 了-le	116
4.4	Penerangan mengenai tahap pencapaian Kumpulan A dan Kumpulan B dalam penggunaan dari aspek jenis-jenis ayat partikel 了-le	118
4.5	Kekerapan kesilapan jenis ‘partikel 了-le ditinggalkan atau diabaikan’ dalam Kumpulan A dan Kumpulan B	141
4.6	Kekerapan kesilapan jenis ‘partikel 了-le digunakan walaupun tidak diperlukan’ dalam Kumpulan A dan Kumpulan B	147
4.7	Kekerapan kesilapan jenis ‘kedudukan partikel 了-le tidak tepat’ dalam Kumpulan A dan Kumpulan B	150
5.1	Ringkasan statistik deskriptif tentang cara pembelajaran pelajar-pelajar Melayu dalam penggunaan partikel 了-le	160
5.2	Cara pembelajaran paling menepati keadaan penggunaan partikel 了-le Kumpulan A	163
5.3	Cara pembelajaran paling menepati keadaan penggunaan partikel 了-le Kumpulan B	164
5.4	Korelasi <i>Pearson</i> di antara cara pembelajaran penggunaan partikel 了-le dengan keputusan markah ujian bertulis bagi Kumpulan A dan Kumpulan B	177

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Keputusan markah keseluruhan Kumpulan A dan Kumpulan B dalam ujian bertulis	98
4.2	Peratusan betul Kumpulan A dan Kumpulan B mengikut bahagian dalam ujian bertulis	100
4.3	Purata jumlah markah keseluruhan ujian bertulis partikel 了- <i>le</i>	101
4.4	Kekerapan betul Kumpulan A dan Kumpulan B dari aspek pengkelasan partikel 了- <i>le</i>	104
4.5	Kekerapan kesilapan Kumpulan A dan Kumpulan B dalam penggunaan partikel 了- <i>le</i>	139

SENARAI CARTA

NO. CARTA	TAJUK	MUKA SURAT
Carta Aliran 1	Prosedur pengumpulan data	94
Carta 1	Purata kekerapan kesilapan pelajar-pelajar Melayu dalam penggunaan partikel ㄟ-le secara keseluruhan	156

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	PENERANGAN	MUKA SURAT
A	Kajian Rintis	225
B	Kandungan kursus dalam buku teks <i>Beginners Mandarin</i> (Chong, 2007) dan <i>Mandarin for Intermediate</i> (Chong, 2009) di Universiti Malaysia Pahang (UMP)	226
C	Contoh-contoh ayat partikel 了 <i>-le</i> dalam buku teks <i>Beginners Mandarin</i> (Chong, 2007) dan <i>Mandarin for Intermediate</i> (Chong, 2009) di Universiti Malaysia Pahang (UMP)	227-228
D	Ujian Bertulis	229-232
E	Borang Soal Selidik	233-235
F	Ayat-ayat yang mempunyai kata kerja 了 <i>-le</i> dan akhir ayat 了 <i>-le</i> dalam soalan ujian bertulis	236-238
G	Ayat-ayat partikel 了 <i>-le</i> yang dikategorikan dari aspek makna kata kerja 了 <i>-le</i> dan akhir ayat 了 <i>-le</i> berdasarkan konteks ayat soalan ujian bertulis	239-241
H	Ayat-ayat partikel 了 <i>-le</i> yang dikategorikan dari aspek jenis-jenis ayat partikel 了 <i>-le</i> berdasarkan konteks ayat soalan ujian bertulis	242-244
I	Contoh jawapan yang mempunyai kesilapan daripada pelajar-pelajar Melayu dalam penggunaan partikel bahasa Mandarin 了 <i>-le</i>	245-246
J	Maklumat latar belakang bahasa pelajar-pelajar Melayu	247-248

DEFINISI ISTILAH

Bahasa Mandarin – merupakan bahasa moden yang standard dalam pertuturan dan penulisan bahasa Cina. Ia juga dikenali sebagai “Putonghua” di China atau “Guoyu” di Taiwan. Bahasa ini merupakan bahasa rasmi kerajaan dan bahasa pendidikan di negara tersebut masing-masing.

Hanyu Pinyin – sebutan bahasa Mandarin yang ditulis dalam abjad *Roman*.

Bahasa sasaran – satu bahasa yang dipelajari oleh seseorang pelajar dan juga bahasa yang mereka ingin mempelajari, atau bahasa yang guru ingin mereka mempelajari.

Partikel 了 *-le* – biasanya terbahagi kepada dua jenis, iaitu sama ada digunakan selepas kata kerja secara langsung atau digunakan di akhir ayat.

Kata kerja 了 *-le* – merujuk kepada partikel 了 *-le* yang digunakan selepas kata kerja yang menunjukkan tindakan berlaku pada masa yang lalu dan membawa makna ‘tamat’ atau ‘selesai’.

Akhir ayat 了 *-le* – merujuk kepada partikel 了 *-le* yang digunakan di akhir ayat dan biasanya menunjukkan makna ‘modal’. Ia juga menunjukkan sesuatu situasi sama ada telah berlaku perubahan atau akan berlaku perubahan.

BAB 1

Pengenalan

1. Pengenalan

Bahasa Mandarin tidak mempunyai sistem tatabahasa yang boleh menunjukkan tanda kala (*tense*) dengan jelas (Xiong, 1997, hlm. 294). Sebaliknya, terdapat tiga jenis ‘imbuan akhiran’ bagi kata kerja yang serupa dengan konsep aspek (*aspect*) dan kala (*tense*), iaitu “过-*guo*”, “了-*le*” dan “着-*zhe*”. Partikel “过-*guo*” menyampaikan makna ‘mengalami’, partikel “了-*le*” menandakan ‘perbuatan telah selesai’, dan partikel “着-*zhe*” lebih kurang sama dengan tanda ‘berterusan’.

Partikel 了-*le* merupakan tanda aspek (*aspect*) jika wujud selepas kata kerja bahasa Mandarin. Ia bukannya petunjuk kala lampau (*past tense*) dan amat berbeza dengan partikel 了-*le* yang wujud di akhir ayat (Fu, 2007, hlm. 195-197). Ini menunjukkan bahawa partikel 了-*le* adalah kurang serupa dengan ‘*past tense*’ atau ‘*perfect tense*’ dalam bahasa Inggeris (Wen, 2008, hlm. 108). Begitu juga dalam bahasa Melayu, partikel 了-*le* adalah kurang sama dengan kata bantu aspek seperti ‘sudah’ atau ‘telah’.

Berdasarkan *Xiandai Hanyu Cipi Cidian* (Beijing Language & Culture University, 1986, hlm. 492), partikel 了-*le* mempunyai frekuensi penggunaan yang kedua tinggi di antara 8000 patah perkataan bahasa Mandarin yang kerap digunakan. Partikel 了-*le* merupakan salah satu tatabahasa yang mempunyai struktur yang amat rumit dalam pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua (Fu, 2007, hlm. 195; Teng, 2010, hlm. 326-330; Ma, 2010, hlm. 1). Kajian Chen (2004, hlm. 174) juga

membuktikan bahawa partikel 了 *-le* merupakan salah satu bentuk tatabahasa yang mempunyai kekerapan kesilapan yang amat tinggi dalam golongan kata adverba (*adverbial word*) yang lain.

Seperti yang dijelaskan oleh Li (1996, hlm. 92) tentang kesulitan pelajar bukan natif, bilangan kali melakukan kesilapan dalam penggunaan partikel 了 *-le* adalah tinggi dan jenis kesilapannya juga agak banyak. Apabila bahasa kedua lebih rumit daripada bahasa pertama, maka pelajar bukan natif akan menghadapi kesulitan dalam pembelajaran sesuatu bahasa sasaran (Teng, 1998, hlm. 42). Hal yang demikian mendatangkan pelbagai masalah sama ada dalam pengajaran atau pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua.

Dari segi makna dan penggunaan, partikel 了 *-le* adalah serupa dengan bahasa ibunda bagi pelajar masing-masing, namun ini tidak bermakna partikel 了 *-le* adalah sama sepenuhnya dengan bahasa ibunda pelajar masing-masing (Li, 1996, hlm. 92). Maka, masalah mungkin timbul sekiranya pelajar bukan natif menggunakan pengetahuan bahasa ibundanya dalam penggunaan partikel 了 *-le*. Kemudian, keadaan tersebut mungkin menyebabkan berlakunya fenomena gangguan bahasa ibunda (*ibid*).

Pemerhatian awal melalui kajian rintis yang telah dilakukan menunjukkan bahawa pelajar Melayu di Universiti Malaysia Pahang (UMP) sering berkeliru dengan penggunaan partikel 了 *-le* dalam ayat bahasa Mandarin.¹ Sebagai contoh, mereka menghadapi kesukaran dalam struktur kata adverba “已经 *-yǐ jīng*..... 了 *-le*” yang unik ini. Hal ini berlaku adalah disebabkan struktur tatabahasa sebegini tidak wujud dalam tatabahasa bahasa Melayu. Maka, pelajar Melayu cenderung mengabaikan partikel 了 *-le* yang wujud di akhir ayat. Penemuan awalan ini menunjukkan bahawa pelajar Melayu di

¹ Penemuan awal ini telah dilakukan dalam kajian rintis sebelum penyelidikan dijalankan. Untuk maklumat lanjut tentang kajian rintis tersebut, sila merujuk kepada Lampiran A.

UMP masih lemah dalam penguasaan partikel 了 *-le*. Daripada penemuan ini, adalah dipercayai bahawa bahasa ibunda pelajar-pelajar Melayu mungkin mempengaruhi mereka dalam pembelajaran bahasa Mandarin.

Untuk mengetahui sama ada penemuan ini adalah fenomena yang biasa berlaku dalam kalangan pelajar bukan natif, kajian ini memberi fokus terhadap penggunaan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar Melayu yang pernah mempelajari bahasa Mandarin di UMP. Kebanyakan kajian mengenai pembelajaran bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu di Malaysia memberi fokus secara umum kepada analisis kesilapan dari aspek tulisan Cina (Cheun, 1998), dari aspek sebutan (Cheun & rakan-rakan, 2005; Wang, L. Y., 2011)², dari aspek urutan kata (Cheun & rakan-rakan, 2008), dari aspek sintaksis (Saw, 1997; Lee, 2007), dan banyak lagi. Kajian-kajian mengenai sikap pelajar juga dikaji seperti analisis sikap pembelajaran tulisan Cina (Cheun & rakan-rakan, 2002) dan analisis persepsi pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin (Ang, 2008). Untuk kajian mengenai pemerolehan partikel 了 *-le*, ramai penyelidik mengkaji pelajar dari negara Barat yang mempelajari bahasa Mandarin di negara China. Namun, kajian tentang partikel ini terhadap pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin di Malaysia masih terhad.

Sehubungan dengan itu, kajian mengenai keadaan penggunaan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar Melayu secara terperinci dan sistematik adalah penting untuk dijalankan. Oleh yang demikian, satu kajian kes yang berfokus kepada pelajar Melayu di UMP dalam penggunaan partikel 了 *-le* merupakan satu usaha yang penting untuk mengetahui fenomena pelajar Melayu apabila menggunakan partikel 了 *-le* dalam ayat bahasa Mandarin.

² Bagi pengarang Cina yang mempunyai nama keluarga Wang dengan tahun penerbitan 2011 akan ditulis dalam bentuk *Pinyin* seperti Wang, L. Y. atau Wang, Y. untuk membezakan pengarang Cina lain yang mempunyai nama keluarga yang sama dalam kajian ini.

Seksyen berikutnya menjelaskan objektif kajian serta persoalan-persoalan yang akan dijawab dalam kajian ini.

1.1. Objektif dan Persoalan Kajian

Secara amnya, objektif utama bagi kajian ini adalah untuk mengkaji keadaan sebenar penggunaan partikel 了 *-le*³ dalam kalangan pelajar Melayu yang telah tamat mempelajari kursus bahasa Mandarin di UMP.⁴ Pelajar tersebut dikaji kerana mereka telah tamat mengikuti kursus bahasa Mandarin dan sepatutnya telah menguasai kemahiran bahasa Mandarin yang asas. Untuk meninjau keadaan spesifik penggunaan partikel 了 *-le* yang dapat membuat perbandingan, hanya kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah sahaja dipilih sebagai sampel kajian ini.

Antara perkara yang dibincangkan dalam kajian ini adalah:

- i. Untuk mengkaji keadaan penggunaan partikel 了 *-le* bagi kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah;
- ii. Untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah dalam penggunaan partikel 了 *-le* dari segi jawapan yang diberikan;
- iii. Untuk meninjau cara pembelajaran kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah dalam penggunaan partikel 了 *-le* serta hubungan di antara cara pembelajaran dengan keputusan markah ujian bertulis;
- iv. Untuk mengenal pasti faktor-faktor pelajar-pelajar Melayu tidak dapat menggunakan partikel 了 *-le* dengan tepat.

³ Partikel 了 *-le* yang dirujuk dalam kajian ini adalah tertumpu kepada kata kerja 了 *-le* dan akhir ayat 了 *-le* sahaja. Untuk maklumat yang lebih terperinci, sila rujuk kepada Seksyen 1.3 mengenai batasan kajian.

⁴ Pelajar-pelajar Melayu yang telah mengikuti kursus bahasa Mandarin tahap *Beginners* (tahap pertama) dan tahap *Intermediate* (tahap kedua) telah tamat mengikuti kursus bahasa Mandarin di UMP.

Berteraskan objektif ini, persoalan-persoalan yang dibincangkan dalam kajian ini adalah:

- i. Adakah kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah dapat menggunakan partikel 了 *-le* dengan tepat? (Bab 4)
- ii. Bagi penggunaan partikel 了 *-le* yang tidak tepat, apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah dari segi jawapan yang diberikan? (Bab 4)
- iii. Bagaimana cara pembelajaran penggunaan partikel 了 *-le* bagi kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah? Adakah terdapat hubungan korelasi di antara cara pembelajaran penggunaan partikel 了 *-le* dengan keputusan markah ujian bertulis? (Bab 5)
- iv. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu tidak dapat menggunakan partikel 了 *-le* dengan tepat? Adakah faktor pemindahan bahasa ibunda merupakan faktor utama? Mengapa? (Bab 5)

Soalan pertama dikaji melalui ujian bertulis untuk mengenal pasti keadaan penggunaan partikel 了 *-le* dari aspek kekerapan betul bagi kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah yang telah tamat kursus bahasa Mandarin di UMP. Markah ujian akan menunjukkan prestasi pelajar Melayu dalam penggunaan partikel 了 *-le* melalui pengiraan frekuensi mengikut pengelasan partikel 了 *-le* (kata kerja 了 *-le* dan akhir ayat 了 *-le*) dan jenis-jenis ayat partikel 了 *-le* yang asas. Daripada markah ujian dan frekuensi yang dipaparkan, kita boleh mengetahui fenomena penggunaan partikel 了 *-le* di antara kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah. Dari aspek kekerapan betul, analisis dari aspek makna partikel 了 *-le* dan struktur sintaksis

partikel ㄟ*-le* juga dilakukan untuk menerangkan keadaan penggunaan partikel ㄟ*-le* bagi pelajar-pelajar Melayu. Soalan pertama dijelaskan dalam Bab 4.

Dengan merujuk kepada jawapan yang diberikan dalam ujian bertulis, soalan kedua dikaji dari aspek kekerapan kesilapan untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah apabila partikel ㄟ*-le* tidak digunakan dengan tepat. Soalan ini adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis kesilapan yang wujud dan bagaimana keadaan pelajar-pelajar tersebut tidak dapat menggunakan partikel ㄟ*-le* dengan tepat. Penjelasan tentang sebab mengapa wujudnya kesilapan tersebut boleh dirujuk sebagai bukti berlakunya pemindahan bahasa ibunda. Kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tersebut adalah penting untuk dikaji kerana terdapat suatu kemungkinan bahawa pelajar cemerlang juga tidak dapat menggunakan partikel ㄟ*-le* dengan tepat selain daripada pelajar lemah. Soalan kedua ini juga diterangkan dalam Bab 4.

Melalui borang soal selidik, persoalan ketiga dikaji untuk mendapat maklumat tentang cara pembelajaran penggunaan partikel ㄟ*-le* bagi kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah dalam ujian bertulis. Dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Science Social* (SPSS) 16.0, min dan sisihan piawai bagi cara pembelajaran serta cara pembelajaran yang ‘paling benar’ dan menepati situasi penggunaan partikel ㄟ*-le* bagi kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah ditunjukkan. Untuk meninjau cara pembelajaran

tersebut secara terperinci, satu sesi temubual berstruktur akan dijalankan bersama dengan 10 orang pelajar Melayu. Soalan juga mengkaji hubungan korelasi dan isunya akan ditinjau melalui pengiraan Kolerasi *Pearson* (*Pearson Correlations*). Ini adalah untuk melihat sama ada terdapat hubungan korelasi di antara cara pembelajaran penggunaan partikel 了 *-le* dengan keputusan markah ujian partikel 了 *-le*. Soalan ketiga ini dibincangkan dalam Bab 5.

Soalan keempat adalah untuk membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah sehingga tidak dapat menggunakan partikel 了 *-le* dengan tepat. Dalam persoalan ini, kajian juga meninjau sebab mengapa kumpulan pelajar cemerlang tidak dapat menggunakan partikel 了 *-le* dengan tepat selain daripada kumpulan pelajar lemah. Data yang diperolehi ini dapat membantu guru bahasa dalam mencari penyelesaian kepada masalah penggunaan partikel 了 *-le* bagi kedua-dua kumpulan pelajar ini. Soalan keempat ini juga dihuraikan dalam Bab 5.

Seksyen berikut menjelaskan kajian ini penting untuk dijalankan terutamanya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

1.2. Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi garis panduan yang jelas kepada pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua di Malaysia terutamanya pelajar Melayu supaya mereka dapat menguasai partikel 了 *-le* dengan lebih mudah tanpa mengira dalam

penulisan atau pertuturan. Ini adalah kerana partikel 了 *-le* mempunyai frekuensi penggunaan yang tinggi di antara 8000 patah perkataan bahasa Mandarin yang paling kerap digunakan (Beijing Language & Culture University, 1986, hlm. 492). Penguasaan yang bagus dalam penggunaan kata kerja 了 *-le* dan partikel akhir ayat 了 *-le* dapat menyempurnakan makna yang ingin disampaikan.

Kajian ini juga dapat memperkaya pengetahuan dan pengalaman para pengajar bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua terutamanya pengajar-pengajar di Malaysia mengenai keadaan penggunaan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar Melayu. Hasil dapatan kajian ini dapat memberi manfaat kepada pengajar yang mengajar pelajar Melayu dengan melihat kajian ini sebagai rujukan dalam pengajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua tentang partikel 了 *-le*.

Setakat ini, kajian-kajian seperti analisis kesilapan dan pemerolehan bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua telah banyak dijalankan oleh para penyelidik di negara Barat, China dan juga di Malaysia. Namum demikian, kajian mengenai partikel 了 *-le* masih terhad terutamanya dalam kalangan pelajar Melayu. Sehubungan ini, kajian ini mungkin boleh dijadikan satu landasan dan panduan bagi kajian-kajian pada masa depan sama ada menambah atau meluaskan kajian kepada aspek-aspek nahu yang lain atau tahap pembelajaran yang lain.

Di samping itu, kajian yang tertumpu kepada penggunaan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar Melayu akan dapat memberi sumbangan dalam perkembangan literatur mengenai pemindahan bahasa ibunda yang

berfokus kepada pelajar Melayu apabila mereka menggunakan partikel 了-*le*. Melalui dapatan kajian ini, fenomena pemindahan bahasa ibunda dalam kalangan pelajar Melayu yang ditinjau boleh memanfaatkan para pengajar dalam pengajaran dan membantu pelajar-pelajar dalam pembelajaran.

Seksyen berikut menjelaskan batasan dalam kajian ini.

1.3. Batasan Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kes tentang penggunaan partikel 了-*le* dalam kalangan pelajar Melayu di UMP. Sampel kajian ini hanya merangkumi 40 orang pelajar Melayu yang telah tamat mempelajari kursus bahasa Mandarin di UMP pada sesi 2010/2011 semester 2.

Responden-responden dalam kajian ini adalah datang dari fakulti yang berlainan tetapi mereka adalah khusus dalam mempelajari kursus bidang sains dan kejuruteraan. Oleh kerana terdapat kursus bahasa asing yang lain⁵ di samping kursus bahasa Mandarin yang ditawarkan di UMP, adalah sukar mendapat bilangan ramai bagi pelajar-pelajar yang mempunyai ciri-ciri yang sama seperti dari satu fakulti, mempelajari bahasa Mandarin, dan pada semester yang sama.

Untuk meninjau keadaan spesifik penggunaan partikel 了-*le* yang dapat membuat perbandingan, kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah diperlukan dan dipilih sebagai sampel kajian ini. Akan tetapi, kesemua responden mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu

⁵ Kursus bahasa asing yang ditawarkan di UMP termasuk bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Sepanyol, dan bahasa Jerman selain daripada bahasa Mandarin.

umur mereka adalah dalam lingkungan 20-21 tahun dan tidak pernah mempelajari bahasa Mandarin secara formal sebelum memasuki UMP dan sebelum mengambil kursus bahasa Mandarin di UMP. Seperti yang dijelaskan di atas, responden kajian adalah spesifik dan tidak boleh digeneralisasikan dari aspek penggunaan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar Melayu dari semua universiti di Malaysia.

Dari aspek tata bahasa bahasa Mandarin, partikel 了 *-le* mempunyai beberapa jenis fungsi penggunaan. Kajian ini akan tertumpu kepada dua jenis partikel 了 *-le*, iaitu kata kerja 了 *-le* dan akhir ayat 了 *-le* yang seperti berikut:

- i. Kata kerja 了 *-le*, digunakan selepas kata kerja untuk menunjukkan sesuatu perbuatan telah selesai.
- ii. Akhir ayat 了 *-le*, digunakan di akhir ayat untuk menunjukkan sesuatu peristiwa atau perkara telah selesai.
- iii. Akhir ayat 了 *-le*, digunakan pada akhir ayat atau ayat tengah untuk menunjukkan sesuatu peristiwa atau situasi telah berlaku perubahan, ataupun sesuatu peristiwa atau situasi akan berlaku perubahan.
- iv. Akhir ayat 了 *-le*, digunakan selepas kata adjektif untuk menunjukkan sesuatu situasi mencapai tahap optimum, ataupun menunjukkan wujudnya sesuatu situasi baru.
- v. Akhir ayat 了 *-le*, digunakan selepas kata nama untuk memberi penegasan terhadap perkara yang lampau.

Struktur sintaksis yang mempunyai kedua-dua partikel 了 *-le* dalam satu ayat tidak dikaji. Sebagai contoh:

Bahasa Mandarin	Xiǎo lǐ xué le sān nián Huáyǔ le。 : 小 李 学 了 三 年 华 语 了。
Terjemahan Langsung	: Xiao Lee belajar (le) tiga tahun bahasa Mandarin (le).
Makna Bahasa Melayu	: Xiao Lee telah belajar bahasa Mandarin tiga tahun.

Ayat partikel 了 *-le* seperti di atas tidak dikaji kerana jenis sintaksis tersebut tidak wujud dalam sukatan pelajaran bahasa Mandarin UMP. Ini adalah untuk mengelakkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian dijejaskan.

Dalam aspek hubungan korelasi di antara cara pembelajaran penggunaan partikel 了 *-le* dengan keputusan markah ujian partikel 了 *-le*, penyelidikan ini hanya memberi tumpuan kepada partikel 了 *-le* sahaja. Fokus dalam kajian ini tidak merangkumi partikel yang lain atau aspek bahasa Mandarin yang lain.

Seksyen berikut ini mengenai latar belakang bagi kursus bahasa Mandarin di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

1.4. Latar Belakang Kajian

Kursus bahasa Mandarin di Universiti Malaysia Pahang (UMP) merupakan program bahasa yang merangkumi dua tahap, iaitu tahap pertama (*Beginners Mandarin*) dan tahap kedua (*Mandarin for Intermediate*) yang khusus untuk pelajar yang mengambil kursus bahasa tersebut.

Penawaran kursus bahasa Mandarin telah bermula sejak tahun 2004 sehingga kini. Sepanjang tempoh ini, kursus bahasa Mandarin merupakan salah satu kursus bahasa asing yang paling popular di UMP.

Kursus tersebut juga telah mencatat bilangan pelajar hampir 4,000 orang setakat tahun 2011.⁶

Dalam kursus ini, pelajar lebih fokus mempelajari bahasa Mandarin melalui sistem *Romanised Mandarin (Hanyu Pinyin)* selain *Chinese Character*. Pelajar yang telah mengambil kursus bahasa Mandarin tahap pertama (*Beginners Mandarin*) diwajibkan mengambil kursus bahasa Mandarin tahap kedua (*Mandarin for Intermediate*). Tempoh pembelajaran bagi kursus bahasa Mandarin (tahap pertama dan tahap kedua) masing-masing adalah 2 jam seminggu selama 14 minggu dalam tempoh satu semester.

Kandungan dalam kursus bahasa Mandarin adalah merangkumi tema-tema seperti maklumat peribadi, kehidupan harian, keluarga, aktiviti sekolah, aktiviti rekreasi, komunikasi sosial, melancong dan pengangkutan, perayaan, pelan dan masa depan, dan sebagainya.⁷ Pengajaran dalam kursus bahasa Mandarin mengandungi aspek tatabahasa seperti kata ganti nama diri (*personal pronouns*), kata penunjuk (*demonstrative pronouns*), nombor dan penjodoh bilangan (*numerals and measure words*), preposisi yang biasa (*common prepositions*), kata adverba masa yang biasa (*common adverbs of time*), ungkapan masa, tempat, dan lokasi yang asas (*basic expressions of time, place, and location*), ungkapan jumlah wang (*expressions of the sum of money*), dan ungkapan harapan (*expressions of wishes*).

⁶ Jumlah bilangan pelajar yang mengambil kursus bahasa Mandarin sebagai bahasa asing di Universiti Malaysia Pahang (UMP) adalah mengikut rekod pendaftaran daripada Jabatan Bahasa Asing dari tahun 2004 hingga tahun 2011.

⁷ Kandungan kursus dalam buku teks *Beginners Mandarin* (Chong, 2007) dan *Mandarin for Intermediate* (Chong, 2009) adalah seperti yang disenaraikan dalam Lampiran B.

Dari aspek jenis ayat, pengajaran memberi fokus dalam susunan perkataan yang asas (*basic word order*), corak ayat yang biasa (*common sentence pattern*), soalan yang am (*general questions*), ayat negatif (*negative sentences*) dan ayat majmuk (*compound sentences*). Pada akhir kursus bahasa Mandarin tahap kedua, pelajar dijangka dapat menguasai 460 patah perkataan bahasa Mandarin yang berkaitan dengan kehidupan harian dan aktiviti sekolah.

Mengikut sukatan kursus bahasa Mandarin di UMP, akhir ayat 了 *-le* mula wujud di Bab 3 dalam buku teks pada tahap *Beginners*.⁸ Daripada buku teks kedua-dua tahap bahasa Mandarin di UMP, didapati bahawa akhir ayat 了 *-le* mempunyai frekuensi penggunaan yang lebih tinggi daripada kata kerja 了 *-le*. Walau bagaimanapun, penerangan terhadap kedua-dua partikel tersebut dalam bahan teks adalah ringkas. Contoh-contoh ayat dalam latihan mengenai tatabahasa ini sama ada dalam buku teks atau buku latihan juga terhad.

Namun begitu, pengajar-pengajar memberi penerangan tentang partikel 了 *-le* bersama dengan contoh apabila wujud partikel 了 *-le* dalam bab-bab tertentu secara teliti. Pada masa yang sama, jenis ayat partikel 了 *-le* (seperti kedudukan partikel 了 *-le* selepas kata kerja, kata adjektif, kata nama atau akhir ayat) juga dijelaskan terhadap pelajar-pelajar tersebut.

Dalam erti kata lain, pelajar tersebut sepatutnya telah memahami makna dan penggunaan partikel 了 *-le* yang asas. Mereka juga diandaikan

⁸ Contoh-contoh ayat partikel 了 *-le* dalam buku teks *Beginners Mandarin* (Chong, 2007) dan *Mandarin for Intermediate* (Chong, 2009) adalah seperti yang disenaraikan dalam Lampiran C.

bahawa berupaya menggunakan partikel 了 *-le* dalam situasi ayat tertentu dengan betul.

Bab yang seterusnya membincang tentang teori, konsep dan kajian lepas yang berkaitan dengan topik kajian ini.

BAB 2

Kajian Literatur

2. Pengenalan

Dalam bab kajian literatur ini, tinjauan tertumpu kepada hasil-hasil kajian lepas yang berkaitan dengan objektif dan batasan kajian ini. Bab ini dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu:

- Pemerolehan bahasa kedua (Sekyen 2.1)
- Pemindahan bahasa dalam pemerolehan bahasa kedua (Sekyen 2.2)
- Partikel 了 *-le* dalam bahasa Mandarin (Sekyen 2.3)
- Struktur tatabahasa bahasa Melayu yang serupa dengan partikel 了 *-le* (Seksyen 2.4)
- Kajian-kajian lepas berkaitan pemerolehan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar bahasa kedua (Seksyen 2.5)

2.1. Pemerolehan Bahasa Kedua

Seksyen ini adalah mengenai konsep dan tinjauan terhadap pemerolehan bahasa kedua. Ia dibahagikan kepada dua bahagian seperti di bawah:

- Konsep bahasa kedua dan bahasa asing (Seksyen 2.1.1)
- Tinjauan mengenai pemerolehan bahasa kedua (Seksyen 2.1.2)

2.1.1. Konsep Bahasa Kedua dan Bahasa Asing

Mengikut pandangan Ellis (1994, hlm. 11) terhadap ‘bahasa kedua’ (*second language, L2*), istilah ‘kedua’ secara amnya digunakan untuk merujuk kepada apa-apa bahasa yang dipelajari

selepas bahasa pertama. 'Bahasa pertama' (*first language, L1*), biasanya merujuk kepada bahasa yang dipelajari sejak kecil, ia juga dikenali sebagai 'bahasa ibunda' (*mother language*) (Liu, 2007, hlm. 45). Berdasarkan istilah 'bahasa kedua', Gass & Selinker (2008, hlm. 7) amat bersetuju bahawa bahasa kedua boleh dirujuk kepada apa-apa bahasa yang dipelajari selepas mempelajari bahasa pertama tanpa mengira bahasa tersebut merupakan bahasa yang kedua, ketiga, keempat atau yang kelima.

Zhao (2007, hlm. 32-34) menjelaskan bahawa bahasa kedua melibatkan dua konsep, iaitu '*bilingual*' dan '*multilingual*'. '*Bilingual*' merujuk kepada seseorang dapat menggunakan dua jenis bahasa dengan fasih dan lancar. Untuk keadaan '*bilingual*', keadaan pertama ialah seseorang kanak mempelajari dan menggunakan dua bahasa pada masa yang sama, keadaan kedua ialah seseorang dapat menguasai bahasa kedua selepas memperolehi bahasa pertama. Untuk keadaan pertama '*bilingual*', ia adalah sukar membezakan bahasa pertama dan bahasa kedua. '*Multilingual*' merujuk kepada seseorang dapat menguasai dua atau lebih bahasa seperti keadaan di Malaysia dan Singapura. Dalam keadaan '*multilingual*' ini, ia lebih senang membezakan bahasa pertama dengan bahasa yang lain. Merujuk kepada keadaan tersebut, konsep 'bahasa kedua dalam keadaan *multilingual*' adalah dicadangkan dalam bidang penyelidikan.

Sebenarnya, 'bahasa asing' (*foreign language*) adalah istilah yang ditakrifkan dari sudut negara, atau lebih dikenali

sebagai ‘bahasa luar negara’ (Liu, 2007, hlm. 45). Bahasa kedua dan bahasa asing boleh ditakrifkan secara ‘berasingan’ (Ellis, 1994, hlm. 11) dan juga ‘dihubungkaitkan’ (Liu, 2007, hlm. 45). Dalam hal ini, Ellis (1994, hlm. 12) memberi penjelasan bersama dengan contoh lagi bahawa bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua adalah dipelajari di Amerika, United Kingdom, dan negara-negara lain di Afrika seperti Nigeria dan Zambia. Secara kontrastif, bahasa asing dipelajari dalam situasi di mana bahasa tersebut tidak berperanan penting dalam komuniti dan hanya dipelajari dalam kelas bahasa sahaja seperti bahasa Inggeris dipelajari di Perancis dan Jepun (ibid). Dalam hal ini, Liu (2007) berpandangan bahawa orang di negara China mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Akan tetapi, majoriti orang di negara China boleh dikatakan bahawa mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (ibid) berdasarkan pandangan Ellis (1994) kerana mereka mempelajari bahasa Inggeris di negara seperti Amerika.

Bahasa kedua boleh diperolehi dalam persekitaran yang berlainan. Dengan melihat bahasa Mandarin sebagai contoh, Liu (2007, hlm. 47) menjelaskan bahawa ‘persekitaran mempelajari bahasa asing’ dan ‘persekitaran mempelajari bahasa kedua’ berdasarkan frekuensi menggunakan ‘bahasa sasaran’ (*target language*) itu. Beliau beranggapan bahawa bahasa sasaran jarang digunakan dan tidak banyak peluang digunakan selepas kelas, ia merujuk kepada ‘persekitaran mempelajari bahasa asing’.

Sebaliknya, bahasa yang sering berpeluang digunakan selepas kelas, ia merujuk kepada ‘persekitaran mempelajari bahasa kedua’. Beliau memberi contoh dengan penerangan lagi, bahasa Mandarin dipelajari di negara Jepun merujuk kepada ‘persekitaran mempelajari bahasa asing’, manakala bahasa Mandarin dipelajari di negara China merujuk kepada ‘persekitaran mempelajari bahasa kedua’.

Walau bagaimanapun, Li (2002, hlm. 69-70) mengatakan bahawa pelbagai masalah mungkin wujud jika konsep bahasa kedua dan bahasa asing dibezakan berdasarkan persekitaran mempelajari bahasa tersebut. Dari aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin, beliau mengutarakan bahawa konsep bahasa kedua secara amnya merangkumi apa-apa bahasa selain daripada bahasa pertama. Berdasarkan pandangan Liu (2007, hlm. 41), beliau berpendapat bahawa konsep bahasa kedua merangkumi semua bahasa yang diperolehi selain daripada bahasa ibunda. Dalam erti kata lain, konsep yang lain seperti bahasa asing, bahasa ketiga atau bahasa keempat adalah tidak dicadangkan.

Untuk menerangkan keadaan bahasa di Malaysia yang begitu spesifik, pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu di negara kita harus ditakrifkan sebagai ‘bahasa kedua’. Ini adalah kerana pelajar Melayu di Malaysia mempelajari bahasa Mandarin dalam komuniti *multilingual*. Dalam Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-ciri

Asas Demografi 2010 (hlm. 5), Jabatan Perangkaan Negara telah mengunjurkan penduduk warganegara Malaysia pada tahun 2010 mempunyai 67.4% kaum Bumiputera, 24.6% kaum Cina, 7.3% kaum India dan kaum lain-lain hanya mencatat 0.7%. Dalam hal ini, boleh dikatakan bahawa bahasa Mandarin yang berperanan sebagai bahasa ibunda bagi orang Cina merupakan bahasa yang kedua yang biasa digunakan dalam komuniti Malaysia selepas bahasa bangsa iaitu bahasa Melayu.

Tambahan pula, pembelajaran bahasa Mandarin di Malaysia semakin popular dan didapati mempunyai lebih daripada 5 juta pelajar bukan Cina mula mempelajari bahasa Mandarin sejak tahun 2002 dan bilangan pelajar tersebut dijangka semakin ramai pada masa yang akan datang (Guo, 2002, hlm. 35). Cheun dan rakan-rakannya (2009, hlm. 105) mengatakan bahawa semakin ramai pelajar Melayu mempelajari bahasa Mandarin dalam kursus elektif Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan juga di universiti tempatan yang lain. Oleh yang demikian, konsep ‘bahasa kedua’ adalah menepati keadaan pembelajaran bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu. Ini adalah kerana bahasa Mandarin mempunyai peranan yang semakin penting dalam komuniti Malaysia dan pelajar Melayu berpeluang menggunakan bahasa Mandarin selepas kelas bahasa. Dengan merujuk kepada pandangan terhadap ‘bahasa kedua’ yang dikemukakan oleh Ellis (1994), Li (2002), Liu (2007) dan Gass &

Selinker (2008), kajian ini menggunakan pendekatan mengenai konsep ‘bahasa kedua’ ini.

Seksyen berikut memberi fokus terhadap pemerolehan bahasa kedua.

2.1.2. Tinjauan Mengenai Pemerolehan Bahasa Kedua

Dalam proses pemerolehan bahasa kedua, Krashen (1981, hlm. 40-42) beranggapan bahawa seseorang orang dewasa dapat memperolehi bahasa kedua melalui dua cara yang berlainan, iaitu ‘pemerolehan’ (*acquisition*) dan ‘pembelajaran’ (*learning*). ‘Pemerolehan’ biasanya merujuk kepada cara kanak-kanak memperolehi bahasa pertama dalam komunikasi secara semulajadi dan tanpa disedari. ‘Pembelajaran’ adalah merujuk kepada seseorang mempelajari bahasa secara sedar dalam persekitaran kelas dan pengajaran kelas.

Menurut Krashen (ibid) dalam Teori Input Hipotesis, kedua-dua cara memperolehi bahasa masing-masing adalah berlainan seperti yang di bawah:

Pemerolehan (*Acquisition*)

- *implicit learning*
- *informal learning*
- *natural learning*
- *picking up a language*

Pembelajaran (*Learning*)

- *explicit learning*
- *formal learning*
- *conscious learning*
- *knowing about a language*

Daripada penjelasan di atas, didapati ‘pemerolehan bahasa’ berlaku dalam keadaan semulajadi, di bawah sedar dan

secara tidak formal. Manakala ‘pembelajaran’ adalah proses belajar bahasa secara sedar dan formal. Zhao (2007, hlm. 38) menghuraikan bahawa keadaan ‘pembelajaran’ bermakna pelajar mempelajari peraturan-peraturan bahasa sasaran secara sedar seperti peraturan tatabahasa. Keadaan ini amat membazirkan tenaga dan masa.

Dalam hal ini, Mclaughlin (1987, hlm. 19) telah memberi pandangan terhadap istilah ‘pemerolehan bahasa’ dan ‘pembelajaran bahasa’. Menurut beliau, ‘pemerolehan bahasa’ dikatakan berlaku dalam keadaan tidak formal dalam persekitaran semulajadi seperti di tempat awam, perbualan dengan kawan-kawan dan sebagainya. Pembelajaran bahasa dikatakan berlaku dalam keadaan secara formal seperti di dalam kelas. Beliau menegaskan bahawa pembelajaran bahasa dalam kelas mengalami banyak gangguan jika berbanding dengan pemerolehan bahasa dalam persekitaran dwibahasa atau *multilingual*.

Ellis (1985, hlm. 74) berpendapat bahawa sebenarnya kedua-dua proses agak sukar dibezakan dalam amalan serta pemahaman orang ramai terhadap pemerolehan juga agak berlainan. Oleh yang demikian, beliau menggunakan kedua-dua konsep antara satu sama lain. Beliau beranggapan bahawa pemerolehan bahasa kedua merangkumi proses di bawah sedar dan juga proses secara sedar. Ini bermakna pemerolehan semulajadi juga boleh merujuk kepada pembelajaran dalam

persekitaran kelas. Dai & Wang (2002, hlm. 17-18) menjelaskan lagi bahawa apa yang berbeza adalah di antara fenomena pemerolehan bahasa ibunda dan pemerolehan bahasa kedua, iaitu:

- Kanak-kanak biasanya dapat menguasai bahasa pertama, manakala kadar kejayaan bagi orang dewasa yang mempelajari bahasa kedua adalah amat rendah. Hampir tiada orang dewasa yang berjaya dengan sepenuhnya dalam mempelajari bahasa kedua.
- Dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa kedua, fenomena tidak berjaya adalah biasa. Manakala dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa pertama, fenomena berjaya adalah biasa.
- Dalam kalangan pelajar mempelajari bahasa kedua, orang dewasa dipengaruhi oleh pelbagai faktor emosi sedangkan kanak-kanak yang mempelajari bahasa pertama tidak dipengaruhi oleh faktor tersebut.
- Walaupun umur, tempoh pembelajaran, persekitaran pembelajaran dan lain-lain adalah sama, tahap pencapaian bagi orang dewasa yang mempelajari bahasa kedua adalah berlainan di antara satu sama lain. Apabila kanak-kanak mempelajari bahasa pertama, tahap pencapaian mereka adalah kurang berbeza walaupun persekitaran pembelajaran adalah berlainan.

Dalam bidang pemerolehan bahasa kedua, Alison (2006, hlm. 434) menerangkan bahawa ramai penyelidik cenderung menggunakan ‘pemerolehan bahasa kedua’ sebagai satu istilah yang dapat merangkumi semua ‘pembelajaran bahasa bukan natif’ (*non-native language*). Secara umumnya, kajian ini menggunakan pendekatan Gass & Selinker (2008) yang mengatakan bahawa pemerolehan bahasa kedua (*second language acquisition*) adalah

istilah am yang digunakan untuk merujuk kepada proses mempelajari satu bahasa yang lain selepas bahasa pertama telah dipelajari (Gass & Selinker, 2008, hlm. 7). Kajian-kajian lepas mengenai pemerolehan bahasa kedua tidak dibincangkan kerana kajian ini memberi fokus kepada pemerolehan partikel *了* -*le* dalam pembelajaran bahasa kedua.

Seksyen berikut adalah mengenai pemindahan bahasa ibunda dalam pemerolehan bahasa kedua.

2.2. Pemindahan Bahasa Dalam Pemerolehan Bahasa Kedua

Seksyen ini tertumpu kepada pemindahan bahasa dalam pemerolehan bahasa kedua. Ia dibahagikan kepada dua bahagian seperti di bawah:

- Definisi pemindahan bahasa (Seksyen 2.2.1)
- Fenomena pemindahan bahasa ibunda dalam pemerolehan bahasa kedua (Seksyen 2.2.2)

2.2.1. Definisi Pemindahan Bahasa

Pelbagai definisi dan frasa-frasa telah digunakan oleh ramai penyelidik untuk merujuk kepada fenomena pemindahan bahasa: pemindahan bahasa (*language transfer*) (Lado, 1957, hlm. 2; Selinker, 1969, hlm. 67; Kellerman, 1983, hlm. 117; Odlin, 1989, hlm. 12), gangguan linguistik (*linguistic interference*) (Schachter and Rutherford, 1979, hlm. 3; Ringbom, 1987, hlm. 69), *cross-linguistics influence* (Smith, 1983, hlm. 192; Kellerman & Smith,

1986, hlm. 1-2; Ringbom, 1987, hlm. 44; Odlin, 2003, hlm. 436), peranan bahasa ibunda dan pengaruh bahasa natif (*the role of the mother tongue and native language influence*) (Ringbom, 1987, hlm. 113-120; Jarvis & Odlin, 2000, hlm. 553).

Menurut Lado (1957, hlm. 12), seseorang pelajar cenderung memindahkan ‘bentuk’, ‘makna’ serta ‘budaya’ bahasa ibunda ke dalam bahasa sasaran tersebut. Mengikut pandangan beliau, apabila pelajar bahasa mempunyai tahap keupayaan komunikasi dan pemahaman linguistik yang kuat dalam bahasa ibundanya, maka proses pemerolehan bahasa kedua adalah melibatkan ‘pemindahan bahasa’. Konsep ‘pemindahan bahasa’ paling awal dibincangkan oleh Selinker (1969, hlm. 67), di mana fenomena pemindahan bahasa biasanya berlaku dalam bahasa seseorang pelajar, akibatnya menjadi ‘bahasa antara’ (*interlanguage*). Menurut beliau, ‘bahasa antara’ merupakan sistem bahasa yang bebas (*independent*) bagi pelajar bahasa kedua, di mana wujudnya di antara bahasa pertama dan bahasa kedua.

Dalam buku Gass & Selinker (1983, hlm. 372) menjelaskan bahawa konsep ‘pemindahan bahasa’ adalah pelajar menggunakan pengetahuan bahasa yang sedia ada, dan ‘bahasa antara’ berlaku dalam proses menggunakan pengetahuan bahasa yang sedia ada. Dalam hal ini, Gass & Selinker (*ibid*) menegaskan bahawa ‘pemindahan bahasa’ dalam proses pemerolehan bahasa kedua perlu diperhatikan dan tidak boleh

diabaikan. Selinker (1992, hlm. 171) juga menekankan bahawa pemindahan bahasa ialah intipati bagi teori ‘bahasa antara’ dan mengutarakan peranan ‘pemindahan bahasa’ dalam membina sistem bahasa kedua bagi pelajar.

Mengenai definisi pemindahan bahasa, Smith (1983, hlm. 192) dan Kellerman & Smith (1986, hlm. 1) berpendapat bahawa konsep ‘pemindahan’ terlalu ‘sempit’ dan tidak dapat merangkumi semua aspek yang menyebabkan berlakunya pengaruh bahasa pertama terhadap bahasa kedua. Maka, mereka mencadangkan bahawa konsep ‘*language transfer*’ diganti dengan konsep ‘*cross-linguistic influence*’. Ini adalah kerana konsep ‘*cross-linguistic influence*’ dapat merangkumi fenomena ‘pemindahan’ dan juga dapat memperjelaskan masalah pembelajaran bahasa pelajar-pelajar secara meluas seperti masalah sikap pelajar-pelajar dan masalah potensi pelajar yang menggunakan bahasa pertama dengan aktif. Dalam hal ini, Corder (1983, hlm. 95) melihat konsep ‘pemindahan bahasa’ sebagai ‘peranan bahasa ibunda’. Walaupun konsep ‘*cross-linguistic influence*’ dicadangkan, konsep ‘pemindahan bahasa’ masih digunakan secara meluas dan semakin kerap digunakan dalam bidang penyelidikan (Gass & Selinker, 1983).

Seperti apa yang dikemukakan oleh Odlin (1989, hlm. 27), beliau mendefinisikan ‘pemindahan’ (*transfer*) adalah pengaruh akibat daripada persamaan dan perbezaan di antara bahasa sasaran (*target language*) dengan sebarang bahasa yang pernah

dipelajari. Berdasarkan pendapat Brown (1993, hlm. 117), beliau melihat ‘pemindahan’ sebagai ‘interaksi antara pemerolehan bahasa yang lepas’ dan / atau ‘pengetahuan konsep dengan pembelajaran semasa’ untuk memudahkan tugas pembelajaran bahasa yang baru. ‘Pemindahan’ boleh menjadi ‘fasilitator bahasa’ melalui persamaan umum antara bahasa tersebut sehingga mempengaruhi perkembangan bahasa walaupun tiada persamaan yang spesifik (Gass, 1996, hlm. 231).

Dalam bidang penyelidikan bahasa kedua, konsep ‘pemindahan bahasa’ dan konsep ‘*cross-linguistic influence*’ adalah paling biasa digunakan. Kedua-dua konsep masing-masing adalah untuk menegaskan perkara yang hampir sama. Konsep ‘pemindahan bahasa’ menegaskan ‘pengaruh bahasa ibunda terhadap bahasa kedua’, manakala konsep ‘*cross-linguistic influence*’ pula menegaskan ‘pengaruh bahasa ibunda dan bahasa sasaran di antara satu sama lain’. Oleh kerana kajian ini adalah mengkaji ‘gangguan bahasa pertama’ terhadap penggunaan partikel 了 *-le* bagi pelajar-pelajar Melayu, maka konsep ‘pemindahan bahasa’ akan digunakan. Ini adalah kerana kajian ini memberi fokus terhadap bagaimana bahasa pertama mempengaruhi pembinaan partikel 了 *-le*.

Seksyen berikut menjelaskan fenomena pemindahan bahasa ibunda dalam pemerolehan bahasa kedua.

2.2.2. Fenomena Pemindahan Bahasa Ibunda Dalam Pemerolehan Bahasa Kedua

Dalam perspektif pemindahan bahasa, Kellerman (1983, hlm. 118) menunjukkan bahawa jarak persepsi pelajar di antara bahasa pertama dengan bahasa kedua / bahasa asing (*the learners' perception of L1-L2/L3 distance*) serta tahap *markedness* di antara bahasa yang berlainan (*the degree of markedness among different language parameter*) akan menyebabkan berlakunya pemindahan bahasa ibunda.

Pada halnya, perbezaan di antara dua jenis bahasa (bahasa pertama dan bahasa kedua) memang wujud. Akan tetapi, keadaan di antara 'pelajar yang bahasa pertama ialah bahasa Inggeris dan bahasa kedua ialah bahasa Mandarin' dengan 'pelajar yang bahasa pertama ialah bahasa Mandarin dan bahasa kedua ialah bahasa Inggeris' adalah kurang sama, iaitu mereka menghadapi masalah yang berlainan dalam proses pembelajaran bahasa kedua (Chen, 2005, hlm. 523). Merujuk kepada keadaan sebegini yang tidak dapat diselesaikan dalam analisis kontrastif, Eckman (1977, hlm. 320) mencadangkan teori *Markedness Difference Hypothesis* (MDH) untuk meramal kesilapan pelajar.

Menurut Eckman (ibid), pelajar menghadapi kesukaran jika (1) bahasa kedua berbeza dengan bahasa pertama serta (2) bahasa pertama mempunyai lebih banyak bahagian *markedness*. Jika bahasa kedua mempunyai bahagian *markedness* yang lebih banyak, maka kesukaran bahasa kedua bergantung kepada tahap

markedness tersebut. Jika bahasa kedua berbeza dengan bahasa pertama, tetapi bahagian *markedness* bahasa kedua tidak banyak, maka kesukaran bahasa kedua adalah kurang. Secara ringkas, hubungan di antara '*degree of markedness*' dengan '*degree of difficulty*' yang dikemukakan oleh Eckman (1987, hlm. 61) adalah seperti Jadual 2.1 di bawah:

Jadual 2.1: Hubungan di antara '*degree of markedness*' dengan '*degree of difficulty*' oleh Eckman (1987)

<i>Markedness & Relative Difficulty</i>		
<i>Markedness Relation</i>		
<i>L1 > L2</i>	<i>L1 ≈ L2</i>	<i>L1 < L2</i>
senang (<i>easy</i>)	senang (<i>easy</i>)	sukar (<i>hard</i>)

Note: Degree of markedness ≈ Degree of difficulty

Ini bermakna tahap kesukaran bagi pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua (L2) adalah 'sukar' kerana bahasa Melayu yang berperanan sebagai bahasa ibunda (L1) mereka adalah kurang serupa dengan bahasa Mandarin ($L1 < L2$).

Liu (2007, hlm. 35) menjelaskan bahawa '*markedness*' merujuk kepada ciri-ciri spesifik seperti struktur yang jarang wujud, tatabahasa yang tiada sistem peraturannya, semantik yang kurang jelas atau struktur yang rumit, dan lain-lain dalam bahasa tersebut. Dalam hal ini, Hyldenstam (1986, hlm. 67) pernah membuat kesimpulan mengenai hubungan di antara teori '*markedness*' dengan 'pemindahan bahasa' seperti Jadual 2.2 di bawah:

Jadual 2.2: Hubungan di antara teori '*markedness*' dengan 'pemindahan bahasa' oleh Hyltenstam (1986)

Bahasa Ibunda (L1)	Bahasa Sasaran (L2)	Bahasa Antara
(1) tiada <i>markedness</i>	tiada <i>markedness</i>	tiada <i>markedness</i>
(2) tiada <i>markedness</i>	ada <i>markedness</i>	tiada <i>markedness</i>
(3) ada <i>markedness</i>	tiada <i>markedness</i>	tiada <i>markedness</i>
(4) ada <i>markedness</i>	ada <i>markedness</i>	tiada <i>markedness</i>

Merujuk kepada Jadual 2.2 di atas, fenomena pemindahan bahasa ibunda biasanya berlaku dalam keadaan di mana 'tiada *markedness*' dalam bahasa ibunda dan 'ada *markedness*' dalam bahasa sasaran. Ini dapat dijelaskan dalam keadaan pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu kerana bahasa Melayu (L1) 'tiada *markedness*' sedangkan bahasa Mandarin (L2) 'ada *markedness*'.

Seperti yang dijelaskan oleh Wardhaugh (1970, hlm. 7-8), fenomena pemindahan bahasa ibunda boleh dirumuskan seperti 'perbezaan = kesukaran = kesilapan'. Liu (2007, hlm. 33) menyatakan bahawa pemindahan bahasa yang berlaku adalah berhubung kait dengan struktur 'persamaan' dan 'ketidaksamaan' di antara dua bahasa (bahasa ibunda dan bahasa sasaran). Dalam erti kata lain, 'pemindahan' boleh mendatangkan kesilapan dan juga boleh mengurangkan berlakunya keadaan kesilapan dalam proses pembelajaran.

Menurut Odlin (1989, hlm. 27), pengaruh 'pemindahan' boleh wujud dalam bentuk 'positif' dan 'negatif' di mana akibat daripada persamaan dan perbezaan di antara bahasa sasaran (*target language*) dengan sebarang bahasa yang pernah dipelajari.

Dari aspek analisis kontrastif, apabila bahasa pertama serupa dengan bahasa kedua, pengaruhnya adalah ‘positif’ dan ia dikenali sebagai ‘pemindahan positif’ (*positive transfer*), manakala jika tiada kesamaan wujud antara bahasa pertama dengan bahasa kedua, ‘bahasa antara’ (*interlanguage*) atau ‘pemindahan negatif’ (*negative transfer*) akan wujud (Li, 2007, hlm. 30).

Dalam kajian mengenai pemindahan bahasa, Ellis (1985) paling awal menggambarkan fenomena kesilapan akibat daripada pemindahan bahasa ibunda dalam pemerolehan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua berdasarkan hasil dapatan kajian yang dilaporkan oleh beberapa orang penyelidik (Wang, 2010, hlm. 78) seperti Jadual 2.3 di bawah:

Jadual 2.3: Peratusan kesilapan gangguan dalam kajian bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua

Kajian Lepas	% Kesilapan Gangguan (% of Interference Errors)	Latar Belakang Bahasa Pelajar
Grauberg (1971)	36	<i>First language German adult, advanced</i>
George (1972)	33 (approx)	<i>Mixed first languages adult, graduate</i>
Dulay and Burt (1973)	3	<i>First language Spanish children, mixed level</i>
Tran-Chi-Chau (1975)	51	<i>First language Chinese adult, mixed level</i>
Mukatesh (1977)	23	<i>First language Arabic adult</i>
Flick (1980)	31	<i>First language Spanish adult, mixed level</i>
Lott (1983)	50 (approx)	<i>First language Italian adult, university</i>

English grammar (from Ellis 1985:29)

Berdasarkan Jadual 2.3 di atas, Dulay dan Burt (1973) melaporkan bahawa hanya 3% kesilapan (peratusan kesilapan paling rendah) yang melibatkan pemindahan bahasa dalam korpus pelajar bahasa ibunda bahasa *Spanish* yang mempelajari bahasa Inggeris. Manakala Tran-Chi-Chau (1975) melaporkan bahawa 51% kesilapan (paling tinggi peratusan kesilapan) dalam kalangan pelajar Cina dewasa yang mempelajari bahasa Inggeris. Daripada maklumat di atas, ia dapat disimpulkan bahawa lebih besar ketidaksamaan antara bahasa pertama dan bahasa kedua, maka lebih sukar menguasai bahasa kedua tersebut seperti yang diterangkan oleh Lado (1957, hlm. 2).

Namun, Li (2007, hlm. 30-31) menuntut bahawa jika perbezaan antara dua bahasa adalah besar, seseorang hanya memerlukan lebih masa untuk menguasai bahasa sasaran itu. Selepas itu, gangguan adalah kurang berlaku dan kekerapan betul dalam penguasaan adalah tinggi. Beliau memberi contoh lagi, seorang pelajar negara China yang mempelajari bahasa Jepun, kedua-dua bahasa (bahasa ibunda dan bahasa sasaran) mempunyai '*character*' atau '*kanji*' yang serupa. Keadaan seperti ini dapat membantu pelajar negara China dalam pembacaan serta membolehkan mereka meneka makna perkataan yang berkaitan dengan tepat. Walau bagaimanapun, kedua-dua bahasa mempunyai penulisan yang kurang serupa menyebabkan gangguan yang besar berlaku dan akhirnya penekaan secara tepat

sukar dikuasai. Dalam erti kata lain, hubungan di antara dua bahasa yang berbeza dengan pelajar adalah sangat rumit.

Walaupun demikian, Wang (2010, hlm. 77) menerangkan bahawa pelajar dalam pembelajaran tahap awal lebih bergantung kepada bahasa ibunda. Akibatnya, keadaan ‘pemindahan negatif’ wujud iaitu corak bahasa pertama dipindah ke dalam bahasa kedua atau bahasa sasaran. Apabila tahap pembelajaran bahasa pelajar tersebut semakin tinggi, tahap bergantung kepada bahasa ibunda juga berkurang, seterusnya pemindahan bahasa ibunda dalam pemerolehan bahasa kedua akan menjadi semakin kurang (Li, 2007, hlm. 30).

Pendek kata, pemindahan bahasa ibunda adalah proses yang tidak dapat dielakkan. Pemindahan bahasa ibunda boleh dilihat sebagai strategi pemahaman dan komunikasi bagi pelajar bahasa kedua untuk menyelesaikan masalah dalam pembelajaran bahasa kedua seperti yang dicadangkan oleh Gao (2001, hlm. 305-306). Strategi pembelajaran bahasa kedua bagi pelajar-pelajar bukan natif adalah ‘hasil pengumpulan cara mempelajari peraturan-peraturan bahasa’ serta ‘cara yang dapat menggunakan bahasa tersebut dengan mudah’ (Wang, 1998, hlm. 5). Dalam kajian ini, perbincangan juga merujuk kepada pandangan Wang (1998) dan Gao (2001) terhadap ‘pemindahan bahasa’ iaitu pemindahan bahasa sebagai ‘strategi pembelajaran’.

Seksyen seterusnya memberi fokus dalam tinjauan tentang konsep dan kerangka teori yang berkaitan dengan partikel bahasa Mandarin 了-*le*.

2.3. Partikel 了-*le* Dalam Bahasa Mandarin

Dalam seksyen ini, konsep dan teori kerangka mengenai partikel 了-*le* dijelaskan seperti berikut:

- Konsep partikel 了-*le* (Seksyen 2.3.1)
- Makna tatabahasa partikel 了-*le* (Seksyen 2.3.2)
- Jenis-jenis ayat partikel 了-*le* dan syarat-syarat penggunaannya (Seksyen 2.3.3)

2.3.1. Konsep Partikel 了-*le*

Pada awalnya, dalam kajian Chao (1968) menerangkan bahawa dua bentuk 了-*le* perlu dibezakan disebabkan ia terdapat fungsi dan bentuk yang berlainan dalam pelbagai dialek Mandarin. Majoriti pakar linguistik bersetuju dengan pandangan Chao (1968) dan menerima penanda 了-*le* dalam tatabahasa Mandarin.

Untuk fungsi bagi dua bentuk 了-*le*, Chao (1968) mengemukakan satu fungsi tunggal untuk *verbal* 了-*le*, iaitu menandakan '*perfectivity*', tetapi pelbagai fungsi bagi *particle* 了-*le*. Dalam hal ini, Chao (1968, hlm. 798-800) memerhatikan '*particles*' dalam bahasa Mandarin lalu menyenaraikan tujuh fungsi untuk *particle* 了-*le*, iaitu:

- *inchoative 'le', command in response to new situation*
- *progress in a story*
- *isolated event in the past*
- *completed action as of the present*
- *consequent clause to indicate situation*
- *'obviousness'*

Berdasarkan hasil dapatan kajian Chao (1968), Li & Thompson (1981) mencadangkan fungsi asas bagi *particle* 了-*le* sebagai '*Current Relevant State*':

"le claims that a state of affairs has special current relevance with respect to some particular situation"

(hlm. 240)

Selain itu, Li & Thompson (1981, hlm. 40-41) turut menegaskan bahawa *particle* 了-*le* harus dipertimbangkan sebagai 'penanda aspek' (*aspect marker*) dalam aspek perfektif bahasa Mandarin. Kemudian, para penyelidik turut membahagikan partikel 了-*le* kepada 了-*le*₁ dan 了-*le*₂, iaitu boleh dikenali sebagai partikel 'aspek perfektif' dan partikel 'modal' (Liu, 1990, hlm. 80; Lu, 1997, hlm. 159; Teng, 1999, hlm. 56; Lu, 2005, hlm. 169; Lü, 2005, hlm. 351; Chen & Zhuang, 2009, hlm. 143-144; Zhang, 2010, hlm. 66).

Dalam hal ini, Lü (1999, hlm. 211-216) membincangkan hubungan antara partikel 了-*le* dengan kesempurnaan 'modal' dalam ayat serta fungsinya dengan ayat berkenaan, dan juga

mengkaji fungsi tataahasa partikel 了 *-le* dengan lebih terperinci.

Liu (1990, hlm. 80-87) pula menyatakan bahawa 了 *-le*₂ sebenarnya merupakan tanda ‘masa lampau’, namun ia mungkin terdapat pandangan yang berlainan antara bahasa Mandarin dengan bahasa Indo-Eropah dari perspektif kognitif dan struktur tataahasa. Menurut pemerhatian Lü (2005, hlm. 351) terhadap penggunaan 了 *-le*₁, beliau menunjukkan bahawa kedudukan partikel ini tidak semestinya berada di tengah ayat, tetapi juga boleh wujud di akhir ayat selepas objek. Beliau menjelaskan lagi bahawa partikel 了 *-le* juga ditakrifkan sebagai ‘imbuhan kata kerja’ kerana partikel tersebut boleh wujud selepas kata kerja atau frasa kata kerja (ibid).

Menurut Jin (2002, hlm. 93-94), beliau membahagikan partikel 了 *-le* kepada 4 jenis iaitu “了 *-le*₁”, “了 *-le*₂”, “了 *-le*₃” dan “了 *-le*₄” berdasarkan makna tatabahasanya. Beliau menerangkan bahawa partikel “了 *-le*₃” yang wujud dalam bahagian predikat selepas kata adjektif patut dikategorikan. Ini adalah kerana makna tatabahasa partikel 了 *-le* ini berbeza dengan partikel 了 *-le* yang biasa digunakan, bentuk wujudnya dalam struktur tataahasa juga berlainan. Partikel 了 *-le*₄ adalah seperti bentuk partikel 啦 *-la* dalam bahasa Mandarin dan selalu wujud bersama kata adverb 太 *-tài* dan 最 *-zuì*

Namun, Wang, Y. (2011, hlm. 17) berpendapat bahawa partikel 了 *-le* tidak perlu dibahagikan dalam pengajaran tetapi penting dalam penyelidikan. Partikel 了 *-le* seharusnya difahami sebagai satu jenis partikel dalam bidang tatabahasa bahasa Mandarin. Beliau menegaskan bahawa pengkelasan partikel 了 *-le* tidak harus wujud dalam bidang pengajaran dan pembelajaran kerana ia akan mengelirukan pelajar-pelajar. Oleh itu, beliau melihat kesemua jenis partikel 了 *-le* tersebut sebagai satu jenis partikel 了 *-le* dengan hanya membezakan makna topiknya apabila 了 *-le* wujud dalam kedudukan yang berlainan (hlm. 17-21). Ini adalah untuk memudahkan pengajarannya dan juga memudahkan pemahaman pelajar-pelajar supaya mereka tidak berkeliru dengan ‘analisis mikro’ bagi partikel 了 *-le*.

Merujuk di atas, didapati para penyelidik mempunyai pandangan pengkelasan partikel 了 *-le* yang agak berlainan kerana partikel 了 *-le* terdapat pelbagai makna tatabahasa. Namun, ramai penyelidik masih mempunyai pandangan yang hampir sama tentang pengkelasan partikel 了 *-le* kepada 了 *-le*₁ dan 了 *-le*₂ dari aspek kajian mengenai makna tatabahasa partikel 了 *-le*. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan pengkelasan bagi konsep partikel 了 *-le* yang terbahagi kepada partikel ‘aspek perfektif’ dan partikel ‘*modal*’ (Liu, 1990, hlm. 80; Lu, 1997, hlm. 159; Teng, 1999, hlm. 56; Lu, 2005, hlm. 169; Lü, 2005, hlm. 351;

Chen & Zhuang, 2009, hlm. 143-144; Zhang, 2010, hlm. 66) serta ditulis sebagai kata kerja 了 *-le* dan akhir ayat 了 *-le* dalam kajian ini.

Bahagian seterusnya membincangkan tinjauan tentang pengelasan partikel 了 *-le* dari segi pembinaan makna tatabahasanya.

2.3.2. Makna Tatabahasa Partikel 了 *-le*

Dalam perspektif kata kerja 了 *-le*, ramai penyelidik dalam bidang linguistik beranggapan bahawa kata kerja 了 *-le* yang digunakan selepas kata kerja adalah merujuk kepada makna ‘perbuatan yang selesai’ (Liu, 1990, hlm. 80; Lu, 1997, hlm. 159; Teng, 1999, hlm. 56; Lu, 2005, hlm. 169; Lü, 2005, hlm. 351; Chen & Zhuang, 2009, hlm. 143-144; Zhang, 2010, hlm. 66).

Menurut Li & Thompson (1981, hlm. 238), apabila kata kerja 了 *-le* menunjukkan tanda ‘selesai’, konsep semantiknya adalah jelas. Contoh ayat adalah seperti berikut:

(1)	Bahasa Mandarin	Tā xué le sān nián huáyǔ。 ：他学了三年华语。
	Terjemahan Langsung	： Saya belajar (le) tiga tahun bahasa Mandarin.
	Makna Bahasa Melayu	： Saya telah belajar bahasa Mandarin selama tiga tahun.
(2)	Bahasa Mandarin	Tā gēn wǒmen yì qǐ kàn le nà chǎng diànyǐng。 ：他跟我们一起看了那场电影。

	Terjemahan Langsung	: Dia dengan kita bersama menonton (le) itu wayang.
	Makna Bahasa Melayu	: Dia telah menonton wayang itu bersama kita.

Beliau juga berkata, partikel 了 *-le* juga boleh wujud dalam bentuk ‘dikuantitikan’ dan ‘dikelaskan’ (seperti contoh ayat 1 dan 2) atau satu peristiwa diikuti dengan satu peristiwa yang lain (contoh ayat 3). Misalnya:

(3)	Bahasa Mandarin	Tā chī le fàn jiù qù kàn qiú sài。 : 他吃了饭就去 看球赛。
	Terjemahan Langsung	: Dia makan (le) nasi lalu pergi menyaksikan pertandingan bola.
	Makna Bahasa Melayu	: Selepas makan nasi, dia pergi menyaksikan pertandingan bola.

Di samping itu, oleh kerana kebanyakan peristiwa atau perbuatan yang telah selesai adalah berlaku pada masa lepas, maka kata kerja 了 *-le* selalu ditakrifkan dan diterjemahkan dengan merujuk kepada ‘*past tense*’ dan ‘*perfect tense*’ atau ‘*to have + Verb-ed*’ dalam bahasa Inggeris (Lu, 2005, hlm. 171; Wen, 2008, hlm. 108). Misalnya, contoh ayat 4 di bawah boleh ditukar sebagai ‘*bought*’ atau ‘*has bought*’ dalam bahasa Inggeris atau diganti dengan ‘sudah’ atau ‘telah’ dalam bahasa Melayu:

(4)	Bahasa Mandarin	Wǒ mǎi le hěnduō dōng xī。 : 我买了 很多 东西。
	Terjemahan Langsung	: Saya beli (le) banyak barang.
	Makna Bahasa Melayu	: Saya telah membeli banyak barang.
	Makna Bahasa Inggeris	: <i>I bought a lot of things.</i>

Berdasarkan contoh di atas, ia boleh disimpulkan bahawa kata kerja 了 *-le* yang membawa makna ‘selesai’ sebenarnya tiada makna ‘tersendiri’, dan ia hampir serupa dengan ‘*to have + Verb-ed*’ dalam bahasa Inggeris. Dalam erti kata lain, kata kerja 了 *-le* juga mempunyai makna yang hampir serupa dengan ‘sudah’ atau ‘telah’ dalam bahasa Melayu.

Selain makna ‘selesai’, Liu (1990, hlm. 82) mentakrifkan kata kerja 了 *-le* sebagai makna ‘dicapai’. Dalam hal ini, beliau mempertimbang bahawa keadaan misalnya ‘kata kerja + 了 *-le*’ tidak bermakna ‘perbuatan telah tamat’ (seperti contoh ayat 5).

(5)	Bahasa Mandarin	Zhè ge huì kāi le sān tiān le, hái yǒu liǎng tiān jiù jiéshù. 这个会开了三天了，还有两天就结束。
	Terjemahan Langsung	: Mesyuarat ini buka (le) tiga hari (le), masih ada dua hari baru tamat.
	Makna Bahasa Melayu	: Mesyuarat ini sudah berlangsung tiga hari dan akan tamat dua hari nanti.

Oleh kerana wujudnya masalah tersebut, Liu (1990) beranggapan bahawa makna partikel 了 *-le* secara umumnya adalah lebih sesuai dan tepat jika ditakrifkan sebagai perbuatan ‘dicapai’. Namun, Lu (2005, hlm 170) menegaskan bahawa konsep ‘selesai’ di sini bukan sahaja bermakna ‘sesuatu perkara telah selesai’, tetapi juga bermakna ‘sesuatu perbuatan telah selesai pada masa tertentu’. Berdasarkan pandangan beliau, konsep ‘selesai’ adalah merujuk kepada sesuatu perbuatan sudah

‘dicapai’ dan tidak semestinya bermaksud ‘tamat’, dan. Beliau menjelaskan lagi, sesuatu perkara sama ada ‘tamat’ atau tidak adalah berkaitan dengan ciri-ciri kata kerja berkenaan dalam ayat tersebut bukannya berkaitan dengan partikel 了 *-le* (ibid).

Mengikut pandangan Jin (2002, hlm. 96), kata kerja 了 *-le* adalah tanda aspek yang melibatkan ‘tamat-berterusan’. Beliau (ibid) menegaskan bahawa ‘tamat’ dan ‘selesai’ merupakan dua konsep yang berlainan, di mana ‘tamat’ merujuk kepada perbuatan manakala ‘selesai’ merujuk kepada perkara. Apabila ‘perbuatan selesai’, ia tidak menunjukkan ‘perkara’ telah selesai. Namun, Wang, Y. (2011, hlm. 18) tidak bersetuju dengan pandangan Jin (2002) tersebut dan mencadangkan makna ‘tamat-selesai’. Hal ini adalah kerana makna tatabahasa bagi partikel 了 *-le* dalam bahasa Mandarin lebih menunjukkan kepada keadaan ‘selesai’ pada ‘masa lampau’. Menurut Wang, Y. (2011, hlm. 19), partikel 了 *-le* mempunyai makna seperti di bawah apabila partikel 了 *-le* menunjukkan makna ‘tamat-selesai’:

- Satu perkara dirujuk, terdapat satu kata kerja dalam konteks ayat menunjukkan perbuatan telah selesai pada masa lampau;
- Satu perkara dirujuk, ia melibatkan hubungan ‘sebab dan akibat’ (*cause and effect*), terdapat dua kata kerja menunjukkan perbuatan telah berlaku pada masa lampau;
- Dua perkara dirujuk, terdapat dua kata kerja dalam konteks ayat menunjukkan hubungan ‘sebelum dan selepas’, iaitu suatu perbuatan telah selesai pada masa lampau kemudian diikuti dengan suatu perbuatan yang berlaku pada keadaan masa sekarang atau masa depan.

Secara ringkas, partikel 了-le patut dilihat sebagai tanda ‘tamat’ dan ‘selesai’ bagi perbuatan atau perkara yang berlaku pada masa ‘lampau’ dan juga dari masa ‘sekarang’. Berdasarkan makna kata kerja 了-le yang dibincangkan, kajian ini menggunakan pendekatan pembinaan makna seperti yang dijelaskan dan dirumuskan oleh Wang, Y. (2011).

Selain daripada makna ‘tamat’ dan ‘selesai’, Deng (2011, hlm. 124) menyatakan bahawa terdapat akhir ayat 了-le yang digunakan untuk menjelaskan makna ‘perubahan’ sama ada ‘sesuatu situasi peristiwa telah berubah’, atau ‘akan mengalami perubahan’. Beliau juga menerangkan bahawa makna pragmatik akhir ayat 了-le adalah mengenai ‘*modal*’ (ibid).

Seperti yang dicadangkan oleh Lü (1999, hlm. 206), Zhou (2003, hlm. 194) dan Zhang (2010, hlm. 70), akhir ayat 了-le yang diletakkan di hujung ayat biasanya merupakan satu partikel ‘*modal*’ atau lebih dikenali sebagai ‘kata seru’ (*interjection*) dalam bahasa Mandarin. Kata seru tersebut merujuk kepada fungsi akhir ayat 了-le adalah berhubung kait dengan *interjection* penutur dan pendengar (Zhou, 2003, hlm. 194; Wen, 2008, hlm. 109).

Berdasarkan makna 了-le yang dibincangkan oleh para penyelidik seperti Lü (1999, hlm. 206), Zhou (2003, hlm. 194), Wen (2008, hlm. 109) dan Zhang (2010, hlm. 70), makna akhir ayat 了-le dapat dirumuskan dalam lima kategori seperti berikut:

(a) Menunjukkan perubahan

(1)	Bahasa Mandarin	Wǒ zhīdào le。 : 我 知 道 了。
	Terjemahan Langsung	: Saya tahu (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Saya sudah tahu (sekarang).

(b) Menunjukkan berlakunya keadaan baru

(2)	Bahasa Mandarin	Yào xià yǔ le。 : 要 下 雨 了。
	Terjemahan Langsung	: Nak hujan (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Sudah nak hujan.

(c) Menunjukkan sesuatu peristiwa atau keadaan telah pasti berlaku

(3)	Bahasa Mandarin	Wǒ yǐ jīng gěi tā liǎng bǎi kuài le。 : 我 已 经 给 他 两 百 块 了。
	Terjemahan Langsung	: Saya sudah bagi dia dua ratus ringgit (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Saya sudah bagi dia dua ratus ringgit.

(d) Menunjukkan nasihat atau amaran

(4)	Bahasa Mandarin	Bú yào xī yān le。 : 不 要 吸 烟 了。
	Terjemahan Langsung	: Jangan merokok (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Jangan merokok lagi.

(e) Menunjukkan sesuatu situasi tamat atau perkara selesai dilakukan

(5)	Bahasa Mandarin	Wǒ bǎ shǒu jī dài lái le。 : 我 把 手 机 带 来 了。
	Terjemahan Langsung	: Saya telah membawa telefon bimbit datang (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Saya telah membawa telefon bimbit itu.

Akan tetapi, Li & Thompson (1981, hlm. 240) menunjukkan bahawa akhir ayat 了-le boleh membawa maksud bahawa sesuatu situasi yang berkaitan dengan ‘keadaan semasa’. Dalam erti kata lain, situasi peristiwa ini adalah berkaitan dengan keadaan spesifik dan keadaan semasa. Sebagai contoh ayat 6 di bawah, apabila seseorang ditanya sama ada dia ingin pergi menonton wayang atau tidak, dan dia mungkin berkata:

(6)	Bahasa Mandarin	Nà ge diànyǐng。 wǒ yǐjīng kàn le。
	Terjemahan Langsung	: Wayang itu saya sudah menonton (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Saya sudah menonton wayang itu.

Dalam contoh ayat 6 di atas, akhir ayat 了 *-le* membawa makna bahawa ‘penutur itu telah menonton wayang tersebut’. Ini adalah berkaitan dengan soalan yang ditanya pada ‘keadaan semasa’ serta keadaan semasa bagi penutur dan pendengar. Penutur itu bukan sahaja ‘menolak jemputan menonton wayang’, dia juga memberitahu orang yang bertanya soalan tentang ‘sebab mengapa dia tidak ingin menonton wayang tersebut’. Daripada ini didapati bahawa akhir ayat 了 *-le* mempunyai tanda makna dan tanda pragmatik yang kuat di mana makna ‘ayat telah selesai’ dan ‘penutur telah habis menjawab’ dalam komunikasi ditunjukkan (Lü 2007, hlm. 99).

Seperti yang dijelaskan oleh Bai & Zhao (2007, hlm. 258), akhir ayat 了 *-le* juga menunjukkan makna ‘*modal*’ atau ‘terkejut’, ‘tidak berpuas hati’ dan lain-lain. Akhir ayat 了 *-le* boleh digunakan bersama dengan kata adjektif “太 *tài*”, misalnya:

(7)	Bahasa Mandarin	wǒ tài gāoxìng le。
	Terjemahan Langsung	: Saya terlalu gembira (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Saya terlalu gembira.

Namun, Jin (2002, hlm. 94) menyatakan bahawa akhir ayat 了 *-le* juga membawa makna ‘*tense*’ dalam ayat yang

berkenaan selain makna ‘*modal*’ atau ‘*interjection*’. Cara beliau menentukan makna ‘*tense*’ adalah membuat andaian bahawa bahasa Mandarin mempunyai tiga jenis sistem kala (*tense*) seperti bahasa Inggeris, iaitu ‘*past tense*’, ‘*present tense*’ dan ‘*future tense*’ (ibid., hlm. 99). Beliau menggunakan cara soal jawab untuk memastikan jenis kala dalam ayat yang mempunyai partikel 了-*le*. Sebagai contoh:

(a) Menunjukkan *present tense*

Contoh Ayat	Soalan yang ditanya
<p>Bahasa Mandarin: Wǒ búshì yīshēng le。 我 不 是 医 生 了。</p> <p>Terjemahan Langsung : Saya bukan doktor (le).</p> <p>Makna Bahasa Melayu: Saya bukan doktor.</p>	<p>Bahasa Mandarin: Nǐ hái shì yīshēng ma ? 你 还 是 医 生 吗 ?</p> <p>Makna Bahasa Melayu : Adakah kamu masih seorang doktor?</p>

(b) Menunjukkan *past tense*

Contoh Ayat	Soalan yang ditanya
<p>Bahasa Mandarin: Tā kàn le diànyǐng le。 他 看 了 电 影 了。</p> <p>Terjemahan Langsung : Dia sudah menonton wayang (le).</p> <p>Makna Bahasa Melayu: Dia sudah menonton wayang.</p>	<p>Bahasa Mandarin: Tā zuótiān méi kàn diànyǐng ba ? 他 昨 天 没 看 电 影 吧 ?</p> <p>Makna Bahasa Melayu: Dia tidak menonton wayan semalam, betul?</p>

Bagi contoh ayat yang menunjukkan ‘*future tense*’, beliau menerangkan bahawa jenis kalanya dapat dikesan dalam ayat melalui perkataan seperti “快-*ku à*”, “要-*yào*”, “将-*jiāng*” dan

lain-lain. Maka, soalan tidak perlu ditanya untuk memastikan ayat yang menunjukkan *future tense* (ibid., hlm. 100).

Daripada penjelasan di atas, didapati bahawa pandangan Jin (2002) agak berlainan dengan pandangan para penyelidik seperti Lü (1999, hlm. 206), Zhou (2003, hlm. 194), Wen (2008, hlm. 109) dan Zhang (2010, hlm. 70) yang mengkategorikan makna akhir ayat 了-*le* berdasarkan makna '*interjection*' penutur dan pendengar. Untuk menerangkan akhir ayat 了-*le*, didapati bahawa makna '*modal*' atau '*interjection*' adalah lebih sesuai dan tepat kerana partikel 了-*le* tidak menunjukkan sistem kala (*tense*) dalam bahasa Mandarin (Xiong, 1997, hlm. 294). Dalam hal ini, Lu (2010, hlm. 178) dan Wang, Y. (2011, hlm. 19-20) juga merumuskan bahawa partikel 了-*le* yang menunjukkan makna '*modal*' adalah seperti berikut:

- Dua perkara yang dirujuk, terdapat dua kata kerja menunjukkan perbuatan telah tamat atau selesai, kata nama masa digunakan tetapi tiada penjodoh bilangan wujud dalam konteks ayat
- Masa perubahan yang dirujuk sama ada pada masa sekarang atau pada masa yang akan datang
- Makna '*modal*' yang menunjukkan 'penegasan'

Pendek kata, kata kerja 了-*le* dan akhir ayat 了-*le* adalah berbeza dari segi makna tatabahasa dan penggunaannya walaupun bentuknya dalam sistem tulisan dan juga sebutannya adalah sama. (Lu, 2005, hlm. 190; Lu, 2010, hlm. 175). Dalam erti kata lain,

kata kerja 了-le boleh dikatakan sebagai ‘imbuhan akhiran’ bagi kata kerja yang membawa makna ‘tamat’ dan ‘selesai’ sedangkan akhir ayat 了-le mempunyai makna ‘modal’ dan ‘perubahan’. Ini bermakna kedua-dua partikel 了-le mempunyai makna dan fungsi yang berlainan apabila wujud dalam kedudukan berlainan dalam sesuatu ayat.

Seksyen berikut membincangkan syarat pembinaan ayat partikel 了-le dalam bahasa Mandarin.

2.3.3. Jenis-jenis Ayat Partikel 了-le Dan Syarat-syarat Penggunaannya

Menurut Zheng *et al.* (1996, hlm. 1), partikel 了-le tiada makna yang tetap tetapi maknanya adalah bergantung kepada struktur dalaman ayat, kata nama masa serta kata kerja yang digunakan bersamanya dalam ayat tersebut. Dalam hal ini, Teng (1999, hlm. 57) berpendapat bahawa partikel 了-le adalah sangat unik kerana ia boleh wujud selepas kata kerja, kata adjektif, atau kata nama. Dalam taksonomi Teng (1999) yang diringkaskan daripada kerangka teori Liu (1981), terdapat 6 jenis ayat partikel 了-le yang sering wujud dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua, iaitu seperti Jadual 2.4 di bawah:

Jadual 2.4: Jenis-jenis ayat partikel 了 *-le* yang dicadangkan oleh Teng (1999)

Penggunaan partikel 了 <i>-le</i> Dalam Sintaksis	Contoh ayat
1) Kata Kerja + 了 <i>-le</i> + Objek	<p>Wǒ mǎi le sān zhāng piào。 Bahasa Mandarin: 我 买 了 三 张 票。</p>
	<p>Terjemahan langsung: Saya beli (le) tiga keping tiket.</p>
	<p>Makna bahasa Melayu: Saya sudah beli tiga keping tiket.</p>
2) Kata Kerja + Objek + 了 <i>-le</i>	<p>Nǐ gāi huíjiā le。 Bahasa Mandarin: 你 该 回家 了。</p>
	<p>Terjemahan langsung: Kamu patut balik rumah (le).</p>
	<p>Makna bahasa Melayu: Kamu patut balik rumah.</p>
3) Kata Kerja + 了 <i>-le</i> + Objek + 了 <i>-le</i>	<p>Wǒ yǐjīng xiě le huíxìn le。 Bahasa Mandarin: 我 已经 写 了 回 信 了。</p>
	<p>Terjemahan langsung: Saya telah menulis (le) membalas surat (le).</p>
	<p>Makna bahasa Melayu: Saya telah menulis dan membalas surat.</p>
4) Kata Kerja + 了 <i>-le</i>	<p>Tā yǐjīng shuì le。 Bahasa Mandarin: 他 已经 睡 了。</p>
	<p>Terjemahan langsung: Dia sudah tidur (le).</p>
	<p>Makna bahasa Melayu: Dia sudah tidur.</p>
5) Kata Adjektif + 了 <i>-le</i>	<p>Zhè shuāng xié tài xiǎo le。 Bahasa Mandarin: 这 双 鞋 太 小 了。</p>
	<p>Terjemahan langsung: Kasut ini terlalu kecil (le).</p>
	<p>Makna bahasa Melayu: Kasut ini terlalu kecil.</p>
6) Kata Nama/Penjodoh Bilangan + 了 <i>-le</i>	<p>Zhōng xuéshēng le , hái zhème táoqì ! Bahasa Mandarin: 中 学 生 了 , 还 这 么 淘 气 !</p>
	<p>Terjemahan langsung: Sudah pelajar menengah (le), masih begini nakal (lagi)!</p>
	<p>Makna bahasa Melayu: Sudah pelajar menengah, masih begini nakal!</p>

Merujuk jenis-jenis ayat partikel 了 *-le* dalam jadual di atas, Wen (2008, hlm. 117) berpendapat bahawa ‘Jenis 1’ sebagai ‘kata kerja 了 *-le*’, ‘Jenis 2’, ‘Jenis 5’ dan ‘Jenis 6’ sebagai ‘akhir

ayat 了-le', dan 'Jenis 3' sebagai 'kata kerja 了-le + akhir ayat 了-le'. Lü (2007, hlm. 99) berpendapat bahawa 'Jenis 4' boleh dilihat sebagai 'kata kerja 了-le' ataupun 'akhir ayat 了-le' di mana pengkelasan partikel 了-le bergantung kepada makna dan konteks dalam ayat tersebut.

Dalam jenis ayat partikel 了-le pertama (Kata Kerja + 了-le + Objek) yang dikemukakan oleh Teng (1999), Zheng *et al.* (1996) menjelaskan dengan lebih terperinci bahawa jenis-jenis ayat bagi kata kerja 了-le boleh dihuraikan seperti Jadual 2.5 berikut:

Jadual 2.5: Jenis-jenis ayat bagi kata kerja 了-le yang dicadangkan oleh Zheng *et al.* (1996)

Jenis-jenis ayat bagi kata kerja 了-le	Contoh ayat
1) Kata Kerja + 了-le + Kata Nama Masa + (Kata Nama)	<p style="text-align: right;">Xiǎo lǐ xué le sān</p> <p>Bahasa Mandarin: 小 李 学 了 三</p> <p>nián Huáyǔ。</p> <p>年 华 语。</p>
	<p>Terjemahan langsung: Lee belajar (le) tiga tahun bahasa Mandarin.</p> <p>Makna bahasa Melayu: Lee telah belajar bahasa Mandarin tiga tahun.</p>
2) Kata Kerja + 了-le + Penjodoh Bilangan + (Kata Nama)	<p style="text-align: right;">Tā mǎi le sān běn</p> <p>Bahasa Mandarin: 他 买 了 三 本</p> <p>shū。</p> <p>书。</p>
	<p>Terjemahan langsung: Dia membeli (le) tiga buah buku.</p> <p>Makna bahasa Melayu: Dia telah membeli tiga buah buku.</p>
3) Kata Kerja + Kata Pelengkap (Results Complement) + 了-le + Objek	<p style="text-align: right;">Wǒ kàn wán le zhè</p> <p>Bahasa Mandarin: 我 看 完 了 这</p> <p>běn shū。</p> <p>本 书。</p>
	<p>Terjemahan langsung: Saya membaca habis (le) buku ini.</p> <p>Makna bahasa Melayu: Saya sudah habis membaca buku ini.</p>

Dalam ‘Jenis 3’ di atas, kata kerja 了 *-le* patut diletakkan selepas ‘kata pelengkap’ (*result complement*) seperti “完 *-wán*” dan “好 *-hǎo*” (Chen & Zhuang, 2009, hlm. 145) bukan sebaik selepas kata kerja. Kata kerja 了 *-le* menunjukkan situasi ‘tamat’ aktiviti itu dan juga menyampaikan makna ‘selesai’, namun jenis ayat tersebut tidak diterangkan dalam taksonomi Teng (1999).

Mengenai kata kerja 了 *-le*, Lu (1997, hlm. 159-160) menjelaskan bahawa keadaan penggunaan kata kerja 了 *-le* adalah sangat rumit. Berdasarkan penjelasan beliau (2010, hlm. 175-179), kata kerja 了 *-le* perlu digunakan selepas kata kerja (kata kerja + 了 *-le* +) jika konteksnya adalah seperti berikut:

Syarat 1: Perbuatan mengalami perubahan (perbuatan diselesaikan atau wujud situasi berlainan, partikel 了 *-le* hanya wujud selepas kata kerja)

- (a) Masa yang dirujuk adalah masa sebelum ‘sekarang’ (terdapat kata nama masa), kata kerja 了 *-le* digunakan untuk menerangkan sesuatu. Biasanya wujud penjodoh bilangan (kata nama) dalam ayat, dan kata kerja 了 *-le* wajib digunakan sebaik selepas kata kerja.

(1)	Bahasa Mandarin	Zuótiān wǒ xiě le yīpiān bàodào。 ： 昨 天 我 写 了 一 篇 报 道 。
	Terjemahan Langsung	: Semalam saya menulis (le) sebuah laporan.
	Makna Bahasa Melayu	: Saya telah menulis sebuah laporan semalam.

- (b) Masa yang dirujuk adalah sekarang atau masa pada keadaan semasa (tiada kata nama masa dirujuk), kata kerja 了 *-le* digunakan untuk menerangkan sesuatu. Biasanya terdapat penjodoh bilangan (kata kerja).

(2)	Bahasa Mandarin	Tā děng le yīgè xiǎo shí bāshì。 : 他 等 了 一个 小 时 巴士。
	Terjemahan Langsung	: Dia tunggu (le) satu jam bas.
	Makna Bahasa Melayu	: Dia sudah menunggu bas selama satu jam.

(c) Waktu pada keadaan masa depan, kata kerja 了 *-le* dapat diuji dengan menambah perkataan “以后 *-yǐ hou* / 之后 *- zhī hou*” , biasanya digunakan dalam ayat seru.

(3)	Bahasa Mandarin	Dào le (yǐ hòu*) jiù dǎ diàn huà gěi wǒ。 : 到 了 (以 后*) 就 打 电 话 给 我。
	Terjemahan Langsung	: Sampai (le) (selepas / setelah*) buat panggilan kepada saya.
	Makna Bahasa Melayu	: Buat panggilan kepada saya setelah sampai.

Selain itu, terdapat beberapa situasi yang perlu menggunakan kata kerja 了 *-le* serta kedudukan kata kerja 了 *-le* harus diberi perhatian dalam ayat yang mempunyai dua kata kerja, dan masa yang dirujuk adalah sebelum ‘sekarang’ (ibid).
Misalnya,

Syarat 2: Dua perbuatan dilakukan di mana mempunyai tujuan tertentu (kata kerja₁ + kata kerja₂ + le + Penjodoh bilangan/Objek)

(4)	Bahasa Mandarin	Gāng cái wǒ qù yóuzhèngjú jì le yī fēng xìn。 : 刚 才 我 去 邮 政 局 寄 了 一 封 信。
	Terjemahan Langsung	: Tadi saya pergi pejabat pos mengirim (le) sepucuk surat.
	Makna Bahasa Melayu	: Saya pergi ke pejabat pos dan mengirim sepucuk surat tadi.

Dalam ayat yang wujud dua atau lebih kata kerja seperti contoh ayat 4 di atas (去-*qù* dan 寄-*jì*), kata kerja 了-*le* adalah patut diletakkan selepas kata kerja yang kedua, iaitu selepas kata kerja 寄-*jì*

Tambahan pula, partikel 了-*le* mesti wujud selepas kata kerja (kata kerja terakhir) jika terdapat penjodoh bilangan dalam ayat tersebut seperti ayat 4 di atas mengikut pendapat Lu (2010, hlm. 178). Ini juga serupa dengan penerangan daripada Zhang (2010, hlm. 70), di mana kata kerja 了-*le* patut digunakan jika objek yang wujud selepas kata kerja adalah lebih kompleks (seperti mempunyai beberapa objek, penjodoh bilangan ataupun kata nama masa). Jika tiada penjodoh bilangan dalam ayat berkenaan, kata kerja 了-*le* tersebut biasanya diletakkan di akhir ayat (Lu, 2010, hlm. 178), iaitu seperti contoh ayat di bawah:

(5)	Bahasa Mandarin	Gāng cái wǒ qù yóuzhèngjú jì xìn le 。 : 剛才我去郵政局寄信了。
	Terjemahan Langsung	: Tadi saya pergi pejabat pos mengirim sepucuk surat (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Saya pergi ke pejabat pos mengirim surat tadi.

Apabila ayat itu merujuk kepada sesuatu perbuatan diikuti dengan perbuatan yang satu lagi, syarat penggunaannya adalah seperti di bawah:

Syarat 3: Sesuatu perbuatan diikuti dengan perbuatan yang satu lagi (kata kerja₁ + le (就 *jiù*/ 才 *cái*) + kata kerja₂ (了 *-le*))

(6)	Bahasa Mandarin	Tā chī le fàn jiù chū qù (le) 。 : 他 吃 了 饭 就 出 去 (了) 。
	Terjemahan Langsung	: Dia makan (le) nasi lalu keluar (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Dia sudah keluar setelah makan nasi.

Dalam contoh ayat 6 di atas, kata kerja 了 *-le* selepas kata kerja kedua (出去 *-chū qù*) boleh ‘ditinggalkan’ atau ‘diabaikan’ jika perbuatan yang dirujuk tersebut belum berlaku dan akan berlaku. Dengan kata lain, ayat ini juga serupa dengan contoh ayat 3 dalam syarat pertama yang dijelaskan sebelum ini.

Bai & Zhao (2007, hlm. 224) menerangkan keadaan adalah berbeza jika apabila perbuatan kedua (kata kerja kedua) berlaku disebabkan oleh perbuatan pertama (kata kerja pertama), maka kata kerja 了 *-le* perlu diletakkan selepas kata kerja pertama iaitu seperti contoh ayat adalah seperti berikut:

Syarat 4: Setelah sesuatu perbuatan selesai (tambah 了 *-le*), dan seterusnya wujud perbuatan atau situasi baru atau dikenali sebagai ‘sebab dan akibat’ (*cause and effect*)

(7)	Bahasa Mandarin	Tīng le lǎo shī de huà , dà jiā dōu hěn gǎn dòng 。 : 听 了 老 师 的 话 , 大 家 都 很 感 动 。
	Terjemahan Langsung	: Semua orang sangat terharu setelah mendengar kata-kata guru.
	Makna Bahasa Melayu	: Mendengar (le) kata-kata guru, semua sangat terharu.

Berdasarkan penerangan Bai & Zhao (2007) dan Lu (2010) di atas, kata kerja 了 *-le* biasanya digunakan selepas kata kerja di

mana kedudukannya perlu merujuk kepada makna dan konteks dalam ayat tersebut.

Secara ringkas, jenis ayat partikel 了-*le* yang asas bagi kata kerja 了-*le* ialah ‘kata kerja + 了-*le* + objek’ iaitu sama seperti apa yang dicadangkan oleh Teng (1999) dan (Zhang, 2010, hlm. 66). Makna bagi partikel 了-*le* yang diletakkan selepas kata kerja membawa makna bahawa ‘sesuatu perbuatan berlaku pada masa lampau’ dan ‘sesuatu perbuatan telah selesai’ (Wang, Y., 2011, hlm. 19).

Di samping itu, Zheng *et al.* (1996, hlm. 1-8) secara umumnya telah menjelaskan bahawa jenis-jenis ayat partikel 了-*le* bagi akhir ayat 了-*le* adalah wujud pada hujung ayat dengan membawa makna ‘sesuatu situasi mengalami perubahan’. Dalam hal ini, taksonomi Zheng *et al.* (1996) adalah serupa dengan ‘Jenis 2’, ‘Jenis 4’ dan ‘Jenis 5’ dalam taksonomi Teng (1999), iaitu seperti di bawah:

Jadual 2.6: Jenis-jenis ayat bagi akhir ayat 了-*le* yang dicadangkan oleh Zheng *et al.* (1996)

Jenis-jenis ayat bagi kata kerja 了- <i>le</i>	Contoh ayat
1) Kata Kerja + Objek + 了- <i>le</i>	Tā chī fàn le。 Bahasa Mandarin: 他 吃 饭 了。
	Terjemahan langsung: Dia makan nasi (le).
	Makna bahasa Melayu: Dia sudah makan nasi.
2) Kata Kerja + 了- <i>le</i>	Tā shēng bìng le。 Bahasa Mandarin: 他 生 病 了。
	Terjemahan langsung: Dia jatuh sakit (le).
	Makna bahasa Melayu: Dia telah jatuh sakit.
3) Kata Adjektif + 了- <i>le</i>	Wǒ de māma lǎo le。 Bahasa Mandarin: 我 的 妈 妈 老 了。
	Terjemahan langsung: Saya emak tua (le).
	Makna bahasa Melayu: Emak saya sudah tua.
4) Kata Adjektif + 了- <i>le</i>	Wǒ shí bā suì le。 Bahasa Mandarin: 我 十 八 岁 了。
	Terjemahan langsung: Saya lapan belas umur (le).
	Makna bahasa Melayu: Saya sudah lapan belas tahun.

Berdasarkan contoh ayat bagi ‘Jenis 2’ yang diberi di atas, Wang (2008, hlm. 119) memperjelaskan bahawa akhir ayat 了-*le* bukan sahaja terhad kepada ‘situasi’ yang telah mengalami ‘perubahan’, tetapi juga situasi ‘berterusan’ selepas perubahan sehingga suatu masa tertentu (masa pertuturan ‘sekarang’). Maka partikel 了-*le* dalam ‘Jenis 2’ ini harus ditafsirkan sebagai akhir ayat 了-*le*, bukannya kata kerja 了-*le*. Ini kerana keadaan ‘dia telah jatuh sakit’ (“他生病了-*Tā shēng bìng le*”) telah mengalami

‘perubahan’ dan keadaannya masih ‘berterusan’ walaupun masa pertuturan tersebut tamat.

Dalam hal ini, Wen (2008, hlm. 117) menegaskan bahawa jenis ayat partikel 了 *-le* bagi akhir ayat 了 *-le* boleh wujud bersama dengan kata bantu aspek 已经 *-yǐ jīng* (contoh ayat dalam ‘Jenis 3’ dan ‘Jenis 4’ dalam Jadual 2.4) atau kata adverba 太 *-tài* (contoh ayat ‘Jenis 5’ dalam Jadual 2.4). Ma (2004, hlm. 258) menerangkan bahawa kata bantu aspek 已经 *-yǐ jīng* boleh wujud bersama dengan kata kerja 了 *-le* ataupun akhir ayat 了 *-le*. Akan tetapi, Zheng *et al.* (1996) dan Teng (1999) tidak menerangkan kata bantu aspek 已经 *-yǐ jīng* dalam taksonomi mereka walaupun contoh ayat yang diberi oleh Teng (1999) mempunyai kata bantu aspek tersebut.

Berbanding dengan kata kerja 了 *-le*, akhir ayat 了 *-le* adalah lebih mudah. Akhir ayat 了 *-le* wujud di hujung ayat dan menunjukkan situasi atau keadaan berlaku ‘perubahan’ atau peristiwa tersebut dapat ‘ditunaikan’ (Zhang, 2010, hlm. 70). Dari aspek akhir ayat 了 *-le*, Lu (1997, hlm. 159-160; 2010, hlm. 175-179) juga menegaskan dua syarat yang perlu diberi perhatian semasa menggunakannya, iaitu:

Syarat 1: Sesuatu situasi mengalami perubahan iaitu situasi pertama ditukar menjadi situasi yang satu lagi, di mana situasi yang satu lagi masih wujud

(1)	Bahasa Mandarin	Xià yǔ le。 : 下雨了。
	Terjemahan Langsung	: Hujan (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Sudah hujan.

(2)	Bahasa Mandarin	Bā shì kuài dào le。 : 巴士快到了。
	Terjemahan Langsung	: Bas nak sampai (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Bas sudah nak sampai.

Apabila akhir ayat 了 *-le* wujud bersama perkataan 就 *-jiù* / 就要 *-jiù yào* atau 快 *-kuài* / 快要 *-kuài yào* dalam sesuatu ayat, ia menunjukkan situasi tertentu akan mengalami perubahan. Maka, akhir ayat 了 *-le* tidak boleh ‘diabaikan’ seperti contoh ayat 1 dan 2 di atas.

Syarat 2: Makna ‘modal’ atau ‘interjection’ ditunjukkan dalam ayat

(3)	Bahasa Mandarin	Hǎo le , míngtiān zài jiàn ba。 : 好了, 明天再见吧。
	Terjemahan Langsung	: Baik (le), esok jumpa.
	Makna Bahasa Melayu	: Baiklah, jumpa esok.

(4)	Bahasa Mandarin	Tā qù tú shū guǎn le。 : 他去图书馆了。
	Terjemahan Langsung	: Dia pergi perpustakaan (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Dia pergi perpustakaan.

Akhir ayat 了 *-le* dalam contoh ayat 3 berperanan menamatkan topik berkenaan dan seterusnya menyampaikan makna bahawa ‘topik perbualan telah tamat’. Seperti yang dijelaskan, partikel 了 *-le* harus diletakkan di akhir ayat jika ayat

tersebut tiada penjodoh bilangan digunakan, seperti contoh ayat 4. Berkenaan dengan contoh ayat 4 ini, Zhang (2010, hlm. 70) juga memberi penerangan bahawa apabila objek selepas kata kerja adalah ringkas dan mudah, akhir ayat 了-*le* patut digunakan.

Walau bagaimanapun, terdapat keadaan yang spesifik di mana partikel 了-*le* tidak boleh wujud atau tidak boleh digunakan dalam situasi ayat tertentu. Mengikut penerangan daripada Lu (2010, hlm. 177), partikel 了-*le* tidak boleh digunakan jika terdapat kata nafi seperti “没-*mēi* atau 没有-*mēi yǒu*” yang wujud sebelum kata kerja. Zhang (2010, hlm. 67-68) juga menyatakan bahawa jika wujudnya kata nafi sebelum kata kerja, maka hanya tidak boleh menggunakan kata kerja 了-*le*. Akan tetapi, pendapat Zheng *et al.* (1996) adalah sama dengan Zhang (2010) di mana akhir ayat 了-*le* boleh wujud dalam keadaan seperti berikut:

(5)	Bahasa Mandarin	Wǒ liǎng tiān méiyǒu chī fàn le。 : 我 两 天 没 有 吃 饭 了。
	Terjemahan Langsung	: Saya dua hari tiada makan nasi (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Sudah dua hari saya tiada makan nasi.

Selain itu, perkataan yang membawa makna ‘selalu’ seperti “每天-*měi tiān*” atau “常常-*cháng cháng*” tidak boleh digunakan bersama dengan partikel 了-*le*, sama ada kata kerja 了-*le* atau akhir ayat 了-*le* (Lu, 2010, hlm. 177; Zhang, 2010, hlm. 67-68). Namun begitu, Li (1996, hlm. 93) memberi bukti bahawa partikel 了-*le* tiada hubungan dengan masa. Beliau menegaskan perkataan seperti “每天-*měi tiān*” (setiap hari) atau “常常-*cháng*

chang” (selalu) yang mempunyai makna ‘beberapa kali’ adalah wujud konflik dengan partikel 了 *-le* yang bermakna perbuatan itu telah ‘selesai’.

(6)	Bahasa Mandarin	Wǒ měi tiān wǎn shàng fù xī le gōng kè cái shuì jiào。 我 每 天 晚 上 复 习 了 功 课 才 睡 觉 。
	Terjemahan Langsung	: Saya setiap malam mengulang kaji (le) kerja rumah baru tidur.
	Makna Bahasa Melayu	: Setiap malam, saya mengulang kaji kerja rumah baru tidur.

Merujuk contoh ayat 6 di atas, Li (1996, hlm. 93) menegaskan bahawa partikel 了 *-le* boleh wujud dalam situasi yang spesifik tersebut. Ini adalah kerana sturktur ayat tersebut hampir sama dengan situasi ayat dalam syarat 1 (c) yang dikemukakan oleh Lu (1997, hlm. 159-160; 2010, hlm. 175-179) seperti yang dibincangkan sebelum ini.

Apabila kedua-dua jenis partikel 了 *-le* wujud dalam satu ayat pada masa yang sama, ia bukan sahaja menyampaikan makna ‘selesai’ tetapi juga makna ‘perubahan’ (Lu, 1997, hlm. 161). Dalam hal ini, Teng (1999) telah mengkategorikan jenis-jenis ayat partikel 了 *-le* yang mempunyai kedua-dua jenis partikel 了 *-le* seperti ‘Jenis 3’ yang dijelaskan dalam Jadual 2.4 di atas. Akan tetapi, Zheng *et al.* (1996, hlm. 13-29) menerangkan bahawa jenis-jenis ayat partikel 了 *-le* di mana

mempunyai kedua-dua jenis partikel 了 *-le* dalam suatu ayat boleh wujud seperti berikut:

Jadual 2.7: Jenis-jenis ayat mempunyai kedua-dua kata kerja 了 *-le* dan akhir ayat 了 *-le* yang dicadangkan oleh Zheng *et al.* (1996)

Jenis-jenis ayat bagi kata kerja 了 <i>-le</i>	Contoh ayat
1) Kata Kerja + 了 <i>-le</i> + Objek + 了 <i>-le</i>	Tā mǎi le chē le. Bahasa Mandarin: 他 买 了 车 了。
	Terjemahan langsung: Dia beli (le) kereta (le).
	Makna bahasa Melayu: Dia sudah beli kereta.
2) Kata Kerja + 了 <i>-le</i> + Kata Nama Masa + (Kata Nama) + 了 <i>-le</i>	Xiǎo lǐ xué le sān nián Huáyǔ le. Bahasa Mandarin: 小 李 学 了 三 年 华 语 了。
	Terjemahan langsung: Lee belajar (le) tiga tahun bahasa Mandarin (le).
	Makna bahasa Melayu: Lee telah belajar bahasa Mandarin tiga tahun.
3) Kata Kerja + 了 <i>-le</i> + Penjodoh Bilangan + (Kata Nama) + 了 <i>-le</i>	Tā chī le sān wǎn fàn le. Bahasa Mandarin: 他 吃 了 三 碗 饭 了。
	Terjemahan langsung: Dia makan (le) tiga mangguk nasi (le).
	Makna bahasa Melayu: Dia sudah makan tiga mangguk nasi.

Daripada contoh ayat di atas, Zheng *et al.* (1996, hlm. 31) menghuraikan bahawa kata kerja 了 *-le* boleh ‘diabaikan’ jika situasi perbuatan atau perkara dalam ayat tersebut adalah cukup jelas seperti contoh ayat dalam ‘Jenis 2’ dan ‘Jenis 3’ di atas. Namun, Chen dan Zhuang (2009, hlm. 147) kurang bersetuju dengan pendapat Zheng *et al.* (1996) dan memberi penerangan yang lebih fokus bahawa apabila kata kerja 了 *-le* telah digunakan dalam sesuatu ayat, akhir ayat 了 *-le* tidak boleh digunakan lagi

jika ‘perbuatan yang dirujuk tidak diteruskan’ atau ‘perkara yang dirujuk telah mencapai bilangan tertentu’. Ini adalah seperti yang dikatakan oleh Lu (2010) dalam contoh ayat 5 mengikut syarat 3 penggunaan kata kerja 了-le sebelum ini.

Merujuk kepada penjelasan di atas, didapati bahawa syarat penggunaan partikel 了-le harus sentiasa dirujuk kerana penggunaannya amat bergantung kepada kedudukan dan makna dalam konteks ayat tersebut. Akhirnya, satu rumusan ringkas tentang jenis-jenis ayat partikel 了-le ditunjukkan seperti berikut:

Jadual 2.8: Rumusan tentang jenis-jenis ayat partikel 了-le

Jenis	Struktur Sintaksis Partikel 了-le
1	Kata Kerja + 了-le + Objek
2	Kata Kerja + 了-le
3	Kata Kerja + Objek + 了-le
4	Kata Kerja + 了-le + Objek + 了-le
5	Kata Nama + 了-le
6	Kata Adjektif + 了-le

Seksyen seterusnya menjelaskan struktur tatabahasa bahasa Melayu yang serupa dengan partikel 了-le dalam bahasa Mandarin.

2.4. Struktur Tatabahasa Bahasa Melayu Yang Serupa Dengan Partikel

了-Le

Setakat ini, kajian mengenai struktur tatabahasa bahasa Melayu yang serupa dengan partikel 了-le adalah tidak banyak kajian. Hal ini

demikian adalah tidak memeranjatkan kerana kedua-dua tahap *markedness* adalah agak berbeza dan sukar untuk dijelaskan.

Menurut Karim *et al.* (2006, hlm. 374), didapati bahawa bahasa Melayu mempunyai kata bantu aspek yang menerangkan ‘aspek waktu’ bagi kata kerja dan ia tergolong kepada tiga jenis, iaitu mengenai ‘sudah dilakukan’, ‘sedang dilakukan’ dan ‘belum dilakukan’. Pandangan Omar (2008, hlm. 127) adalah sama dengan Kamir *et al.* (2006), di mana kata kerja bantu ‘aspek’ merangkumi ‘sudah berlaku’, ‘dalam keadaan berlaku’, dan ‘belum berlaku’. Merujuk kepada pengelasan di atas, adalah senang diperhatikan bahawa jenis ‘sudah dilakukan’ atau ‘sudah berlaku’ adalah hampir serupa dengan makna ‘selesai’ bagi kata kerja 了 *-le* dalam bahasa Mandarin.

Jenis ‘sudah dilakukan’ ini melibatkan perkataan ‘sudah’, ‘telah’ dan ‘pernah’ yang menimbulkan suasana ‘masa lampau’ (Kamir *et al.*, 2006, hlm. 246; Omar, 2008, hlm. 127). Mengikut pandangan Masri *et al.* (2006, hlm. 52), perkataan ‘sudah’ bermakna ‘siap sedia’, ‘lengkap’ atau ‘selesai’ sedangkan ‘pernah’ bermakna ‘sudah ada mengalami, melakukan atau merasai’. Dalam hal ini, mereka menegaskan bahawa perkataan ‘telah’ tidak patut digunakan jika bermaksud ‘kala lampau’ atau ‘*past tense*’ seperti dalam bahasa Inggeris. Sebagai contoh:

Contoh ayat	Makna dalam bahasa Inggeris
Saya <u>telah</u> dilahirkan di Taiping.	(<i>I was born in Taiping.</i>)
Perkara itu <u>telah</u> dibincangkan pagi tadi.	(<i>That matter was discussed this morning.</i>)

Perkataan ‘telah’ dalam ayat seperti di atas perlu ‘diabaikan’ dan sepatutnya tidak menambah apa-apa perkataan. Daripada ini, boleh

dikatakan bahawa kata bantu dalam bahasa Melayu yang dapat menyampaikan makna ‘aspek waktu’ dengan tepat adalah ‘sudah’.

Oleh yang demikian, terjemahan yang lebih tepat bagi perkataan ‘sudah’ dalam bahasa Mandarin adalah “已经-*yǐ jīng*” bukannya partikel “了-*le*”. Dalam bahasa Mandarin, perkataan 已经-*yǐ jīng* adalah kata adverba ‘infinitif’ di mana ia boleh menerangkan perkara yang ‘sudah berlaku’, ‘sekarang lakukan’, dan ‘akan berlaku’ (Ma, 2004, hlm. 252-253). Dalam erti kata lain, sebenarnya perkataan ‘telah’ juga dapat menerangkan makna kata adverba 已经-*yǐ jīng*. Bagi perkataan ‘pernah’, terjemahan dalam bahasa Mandarin adalah “曾经-*céng jīng*”. Menurut Han (1991, hlm. 166) dan Ma (2004, hlm. 258), perkataan 已经-*yǐ jīng* boleh wujud bersama dengan partikel 了-*le* yang berfungsi ‘modal’ sebaliknya perkataan 曾经-*céng jīng* tidak boleh wujud bersama dengan partikel 了-*le* yang berfungsi ‘modal’. Dalam bahasa Melayu, kata bantu aspek ‘sudah’ boleh wujud ‘berderetan’ dengan kata bantu aspek yang lain seperti ‘pernah’ (Karim, 2006, hlm. 375) menjadi ‘sudah pernah’ atau kata kerja modalitas ‘boleh’ menjadi ‘sudah boleh’ (Omar, 2008, hlm. 127).

Di samping itu, partikel (atau dikenali sebagai kata penegas) dalam bahasa Melayu boleh menunjukkan makna ‘modal’ termasuk ‘lah’, ‘kah’, dan ‘tah’ seperti yang diterangkan oleh Karim (2006, hlm. 248-249) dan Omar (2008, hlm. 131). Akan tetapi, Omar (ibid) menyatakan bahawa perkataan ‘tah’ merupakan bahasa Melayu lama yang sekarang tidak digunakan lagi malah partikel ‘lah’ dan ‘pun’ paling kerap

digunakan. Masri *et al.* (2006, hlm. 55) menjelaskan bahawa partikel ‘pun’ boleh juga digunakan untuk ‘menegaskan pernyataan’. Berdasarkan penjelasan tersebut, partikel bahasa Melayu yang menunjukkan ‘modal’ tersebut masih amat berbeza dengan partikel akhir ayat 了-le dalam bahasa Mandarin. Tambahan lagi, partikel tersebut tidak dapat menerangkan makna partikel 了-le yang wujud pada akhir ayat dengan tepat sekali.

Merujuk kepada maklumat yang dibincangkan di atas, idea daripada Wen (2008, hlm. 110) mengenai kata kerja 了-le dan akhir ayat 了-le diadaptasikan untuk menunjukkan satu perbandingan di antara kata bantu aspek ‘sudah’ atau ‘telah’ dengan kata kerja 了-le dan akhir ayat 了-le:

Jadual 2.9: Perbandingan kata bantu aspek ‘sudah/telah’ dengan kata kerja 了-le dan akhir ayat 了-le [adaptasi daripada Wen (2008, hlm. 110)]

	Kata Bantu Aspek ‘sudah / telah’	Kata Kerja 了-le	Akhir Ayat 了-le
Kategori sintaksis	kata bantu	partikel aspek perfektif	partikel modal
Kedudukan dalam ayat	sebelum kata kerja	selepas kata kerja	di akhir ayat atau di tengah ayat, wujud selepas kata nama dan kata adjektif
Makna	untuk menerangkan perbuatan dari segi waktu masa iaitu siap sedia, lengkap dan selesai	untuk menerangkan perbuatan atau peristiwa yang telah berlaku dan selesai	untuk menunjukkan perubahan sesuatu situasi atau sebagai nada (<i>modal</i>) dalam ayat
Kehadiran	boleh hadir berderatan dengan kata bantu aspek lain asalkan ia juga adalah jenis aspek (seperti ‘sudah pernah’ / ‘telah pernah’) atau kata kerja modalities (seperti ‘sudah boleh’)	boleh hadir bersama dengan akhir ayat 了-le di dalam ayat yang sama	boleh hadir bersama dengan kata kerja 了-le di dalam ayat yang sama

Daripada perbincangan di atas, apa yang dapat diperhatikan adalah kata bantu aspek dalam bahasa Melayu wujud sebelum kata kerja manakala partikel bahasa Mandarin 了 *-le* boleh wujud selepas kata kerja, kata adjektif dan kata nama. Walaupun kata bantu aspek ‘sudah’ menerangkan perbuatan dari segi waktu masa, tetapi ia tidak menerangkan perkara yang ‘sedang berlaku’ dan ‘akan berlaku’ serta ‘perubahan sesuatu situasi’. Secara ringkas, perbandingan yang dipaparkan di atas dapat disimpulkan bahawa kata bantu aspek ‘sudah’ atau ‘telah’ yang merujuk kepada perkara ‘sudah dilakukan’ masih tidak dapat menerangkan makna partikel 了 *-le* dalam bahasa Mandarin dengan sepenuhnya serta tiada perkataan bahasa Melayu yang dapat menggantikan partikel 了 *-le*.

Seksyen seterusnya tertumpu kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan pemerolehan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar bahasa kedua.

2.5. Kajian-kajian Lepas Berkaitan Pemerolehan Partikel 了 *-le* Dalam Kalangan Pelajar Bahasa Kedua

Kajian-kajian lepas mengenai partikel 了 *-le* didapati bahawa kebanyakan penerokaan kajian adalah memberi fokus kepada pelajar-pelajar bahasa kedua dari negara Barat, iaitu bahasa ibunda mereka ialah bahasa Inggeris. Pada awalnya, kajian mengenai pemerolehan partikel 了 *-le* dalam bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua telah dikaji oleh beberapa orang penyelidik, iaitu Ding (1990), Sun (1993) dan Zhao (1996).

Dari sudut analisis kontrastif bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris, Ding (1990, hlm. 1-3) telah memperjelaskan bahawa partikel makna 了-*le* adalah serupa dengan bahasa Inggeris, iaitu kata kerja 了-*le* serupa dengan perkataan 'aspek' bahasa Inggeris serta akhir ayat 了-*le* serupa dengan perkataan '*modal*' dalam bahasa Inggeris. Dalam bahagian perbincangan, beliau membandingkan persamaan dan perbezaan makna berkenaan di antara bahasa Mandarin dengan bahasa Inggeris secara sistematik. Kajian ini mengenal pasti kesulitan pelajar-pelajar bahasa kedua dari Barat serta menghuraikan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian apabila mereka mempelajari partikel 了-*le* (hlm. 4-5).

Namun, kajian Ding (1990, hlm. 1-5) hanya tertumpu kepada perbandingan di antara bahasa Inggeris dengan bahasa Mandarin di mana kurang berfokus dari sudut pemerolehan bahasa. Walau bagaimanapun, beliau dapat membuktikan bahawa memahami bahasa ibunda pelajar serta membuat perbandingan antara bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris adalah dapat memberi kesan yang signifikansi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Kemudian, Sun (1993, hlm. 23-29) memberi fokus dalam melihat keadaan proses pemerolehan partikel 了-*le* bersama dengan dua orang pelajar bahasa kedua dari luar negara. Kajian Sun (1993) membincangkan pengaruh susunan pemerolehan kata kerja 了-*le* dan akhir ayat 了-*le*, fenomena pemindahan bahasa ibunda serta ciri-ciri pembelajaran pelajar.

Dalam kajian Sun (1993), beliau berbual dengan dua orang pelajar luar negara yang mempelajari bahasa Mandarin tidak lebih

daripada 3 bulan. Melalui rakaman perbualan, beliau mendapati penggunaan partikel 了 *-le* bagi kedua-dua orang pelajar ini wujudnya keadaan ‘kekurangan’ dan ‘digeneralisasikan’. Dalam hal ini, beliau membuat kesimpulan bahawa penguasaan pelajar dalam penggunaan partikel 了 *-le* mungkin disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda dan ia berlaku ‘pemindahan’ dari aspek konsep kala (*tense*) atau aspek (*aspect*) seperti dalam bahasa Inggeris semasa mereka mempelajari bahasa Mandarin (hlm. 27). Namun, partikel 了 *-le* dalam bahasa Mandarin adalah tidak sama dengan kala (*tense*) dan aspek (*aspect*) dalam bahasa Inggeris (ibid) dan tiada sistem kala (*tense*) wujud dalam bahasa Mandarin (Xiong, 1997, hlm. 301).

Kajian Sun (1993) merupakan salah satu kajian terawal yang mengkaji pemerolehan partikel 了 *-le*. Sun (1993) (dan kemudiannya, Zhao, 1996) mengkaji keadaan penggunaan partikel 了 *-le* bagi seorang pelajar luar negara sahaja dengan lebih komprehensif dan sistematik. Melalui kajian tentang pemerolehan partikel 了 *-le*, Sun (1993, hlm. 175) dan Zhao (1996, hlm. 186) membuat kesimpulan bahawa faktor pemindahan bahasa boleh dikatakan merupakan masalah utama yang akan wujud pada setiap pelajar dalam proses mempelajari bahasa kedua, yang berbeza hanya sejauh mana ‘pemindahan’ berkenaan. Dalam kajian mereka, didapati pelajar yang bahasa ibunda adalah bahasa Inggeris terutamanya dari negara Barat tidak mengetahui syarat-syarat menggunakan kata kerja 了 *-le* dan akhir ayat 了 *-le*. Dalam analisis kesilapan, mereka mendapati penggunaan partikel 了 *-le* bagi pelajar yang

kedua wujud keadaan seperti ‘partikel 了-le digunakan walaupun tidak diperlukan’, ‘partikel 了-le diabaikan’, dan ‘kedudukan partikel 了-le tidak tepat’. Dari segi pemerolehan partikel 了-le, Zhao (1996, hlm. 185) juga mendapati pelajar tersebut berkeliru dengan struktur yang serupa dengan partikel 了-le. Merujuk kepada perkara di atas, Zhao (1996, hlm. 186) menerangkan bahawa partikel 了-le sukar dikuasai adalah dipengaruhi oleh dua faktor iaitu ‘*interlingual errors*’ dan ‘*intralingual errors*’ yang biasanya ditakrifkan sebagai ‘pemindahan bahasa ibunda negatif’.

Sehubungan itu, masalah yang timbul dalam penggunaan partikel 了-le dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua (Sun, 1993 dan Zhao, 1996) boleh diringkaskan seperti bawah:

- i. Partikel 了-le digunakan walaupun tidak diperlukan;
- ii. Partikel 了-le ditinggalkan atau diabaikan;
- iii. Kedudukan partikel 了-le dalam ayat tidak tepat

Dalam hal ini, Xiong (1997, hlm. 301) menyatakan bahawa pelajar bahasa kedua senang berkeliru dengan penggunaan kata kerja 了-le dan akhir ayat 了-le. Akibatnya, pelajar tersebut selalu salah memahami tentang penggunaan partikel 了-le (Lu, 2010, hlm. 175) seperti dalam keadaan berikut:

- a. Partikel 了 *-le* patut digunakan tanpa mengira apa jua keadaan asalkan perbuatan dan peristiwa itu telah berlepas atau telah berlaku (telah wujud sebelum sekarang);
- b. Tiada perbezaan di antara partikel 了 *-le* yang wujud selepas kata kerja atau partikel 了 *-le* yang wujud di akhir ayat;
- c. Partikel 了 *-le* tidak perlu digunakan jika tiada perkataan tentang masa dalam ayat.

Serupa dengan kajian Zhao (1996), Teng (1999, hlm. 56-63) berfokus dalam mengkaji 9 orang pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin pada tahap *beginning* dan melakukan pemerhatian secara korpus selama 9 bulan berdasarkan 6 jenis taksonomi jenis ayat partikel 了 *-le*.⁹ Beliau menganalisis 'errors' dan 'correct use' dalam penggunaan partikel 了 *-le*, iaitu termasuk taburan ayat 了 *-le* bagi setiap bulan, taburan ayat 了 *-le* mengikut jenis ayat (hlm. 57-60). Kajian beliau mendapati bahawa pelajar-pelajar lebih cenderung merujuk kepada 'simple past tense' bahasa Inggeris apabila mempelajari partikel 了 *-le* dan seterusnya wujud kesilapan ayat dalam penggunaan partikel 了 *-le* (hlm. 60).

Oleh yang demikian, Zhao (1996, hlm. 190-192) memberi cadangan bahawa bahan pengajaran dan cara mengajar partikel 了 *-le* perlu diberi perhatian. Pandangan beliau ini telah memberi banyak cadangan yang bagus kepada para penyelidik pada masa depan. Dari segi implikasi pedagogi, Teng (1999, hlm. 60-62) mencadangkan bahawa bahan pengajaran *Practical Chinese Reader Volume One* (Liu *et al.*, 1981) sepatutnya direka dengan partikel modal 了 *-le* wujud sebelum

⁹ Taksonomi Teng (1999) mengenai jenis-jenis ayat partikel 了 *-le* adalah seperti yang dibincangkan dalam Jadual 2.4 di seksyen 2.3.4.

partikel perfektif 了 *-le* untuk mengelakkan pelajar-pelajar *Beginners* menghadapi kesulitan apabila menggunakan partikel 了 *-le*. Menurut beliau juga, partikel aspek 了 *-le* harus wujud dan diperkenalkan selepas pelajar-pelajar mempelajari kata kerja yang asas dan juga perkataan ‘masa lampau’ seperti ‘semalam’, ‘minggu lepas’, dan ‘pagi ini’ (hlm. 61). Ulasan beliau ini amat berguna kepada para penyelidik terutamanya pengajar bahasa Mandarin sebagai bahasa asing.

Dengan memberi tumpuan terhadap teknik pengajaran, Yu (2001, hlm. 130-141) dalam kajiannya meninjau pengaruh teknik pengajaran dari aspek terjemahan tatabahasa terhadap pembelajaran partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar-pelajar di negara England. Beliau mengkaji 29 orang pelajar universiti yang mempelajari bahasa Mandarin pada tahap *beginners* dengan cara soal jawab, bercerita berdasarkan gambar dan menulis cerita berdasarkan gambar yang diberikan. Daripada kajian ini, didapati bahawa penggunaan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar tersebut dari aspek penulisan adalah lebih bagus jika berbanding dengan aspek pertuturan (hlm. 138). Beliau menyatakan bahawa keadaan ini menunjukkan kelemahan teknik pengajaran terjemahan tatabahasa apabila dalam kelas bahasa kedua (hlm. 139-140).

Di samping itu, didapati bahawa semakin ramai penyelidik memberi tumpuan dalam mengkaji kesulitan pelajar bahasa kedua yang berlainan bahasa ibunda atau berlainan bangsa dalam penggunaan partikel 了 *-le*. Misalnya Chen (2004) mengkaji pelajar-pelajar dari Thailand, Cui (2005) mengkaji pelajar-pelajar dari Korea, Wen (2008)

dan Wang (2011) mengkaji pelajar-pelajar dari Amerika. Secara ringkas, kajian-kajian tersebut menjalankan ujian bertulis untuk meninjau keadaan pelajar-pelajar silap menggunakan partikel 了 *-le* serta sebab utama kesulitan tersebut berlaku. Menurut Chen (2004, hlm. 174), partikel 了 *-le* merupakan salah satu '*function word*' yang paling sukar dikuasai dan pelajar-pelajar Thailand selalu salah menggunakan partikel ini apabila mempelajari bahasa Mandarin jika berbanding dengan kata adverb, kata hubung dan preposisi. Kesulitan pelajar dalam penggunaan partikel 了 *-le* biasanya termasuk 'partikel 了 *-le* digunakan walaupun tidak diperlukan' (Chen, 2004, hlm. 174; Cui, 2005, hlm. 22; Ma, 2010, hlm. 8; Wang, 2011, hlm. 19), 'partikel 了 *-le* ditinggalkan atau diabaikan' (ibid) dan 'kedudukan partikel 了 *-le* dalam ayat tidak tepat' (Chen, 2004, hlm. 174; Ma, 2010, hlm. 8; Wang, 2011, hlm. 19). Daripada kajian mereka juga menyimpulkan bahawa faktor utama pelajar-pelajar tersebut menghadapi masalah dalam penggunaan partikel 了 *-le* adalah disebabkan oleh pemindahan bahasa ibunda masing-masing.

Akan tetapi, Sun (1993, hlm. 28) menegaskan kebanyakan keadaan kesilapan 'salah guna' partikel 了 *-le* adalah disebabkan oleh strukturnya yang rumit dan syarat penggunaannya terlalu banyak. Dalam hal ini, Chen (2004, hlm. 175) dan Wen (2008, hlm. 120) bersetuju dengan pandangan beliau dan menerangkan lagi bahawa keadaan pelajar-pelajar memindahkan pengetahuan bahasa ibundanya dalam mempelajari bahasa kedua adalah amat sukar dikawal. Maka, penerangan tentang

penggunaan partikel 了 *-le* harus disampaikan dengan lebih terperinci melalui bahan pengajaran dan pengajaran dalam kelas.

Kajian Wen (2008, hlm. 107-122) menguji pelajar-pelajar dari Amerika yang berlainan tahap melalui ujian lisan, iaitu 8 orang pelajar *beginner* dan 6 orang pelajar *intermediate* dari aspek sintaksis dan pragmatik untuk mengetahui susunan pemerolehan partikel 了 *-le*, cara pembelajaran partikel 了 *-le* bagi pelajar-pelajar, serta masalah yang dihadapi oleh mereka apabila menggunakan partikel 了 *-le*. Beliau membuktikan bahawa penguasaan partikel aspek perfektif 了 *-le* (kata kerja 了 *-le*) adalah lebih awal daripada partikel modal 了 *-le* (akhir ayat 了 *-le*). Beliau mendapati pelajar selalu memindahkan konsep '*past tense*' bahasa ibunda ke atas pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Pelajar-pelajar *intermediate* dalam kajian ini didapati sering dapat menggunakan partikel modal 了 *-le* dengan betul. Kajian juga menunjukkan pelajar yang dapat menggunakan partikel 了 *-le* dengan betul biasanya adalah bergantung kepada konteks ayat atau kata adverb yang wujud dalam ayat. Beliau juga membuat kesimpulan berdasarkan kajiannya bahawa cara pemerolehan partikel 了 *-le* yang asal (*default*) dalam kalangan pelajar adalah bergantung kepada makna dalam ayat berkenaan. Daripada kajian beliau yang membincangkan cara pemerolehan partikel 了 *-le* bagi pelajar, didapati bahawa pelajar-pelajar bahasa asing mempunyai cara penafsiran tersendiri dalam penggunaan partikel 了 *-le*.

Dengan membuat perbandingan secara kontrastif seperti kajian Ding (1990), Ma (2010, hlm. 17-22) mengkaji ciri-ciri persamaan dan ciri-ciri spesifik keadaan kesilapan menggunakan partikel 了 *-le* bagi pelajar-pelajar dari Korea, Jepun dan Rusia. Kajian beliau juga menunjukkan bahawa kesilapan umum seperti ‘partikel 了 *-le* digunakan walaupun tidak diperlukan’, ‘partikel 了 *-le* ditinggalkan’ serta ‘kedudukan partikel 了 *-le* dalam ayat tidak tepat’ (hlm. 8) adalah serupa dengan dapatan kajian-kajian lepas. Beliau menerangkan bahawa kesilapan tersebut bukan sahaja disebabkan oleh faktor pemindahan bahasa ibunda, tetapi juga dipengaruhi oleh penggunaan dan struktur partikel 了 *-le* yang rumit, struktur ayat lain yang serupa dengan partikel 了 *-le*, bahan pengajaran, cara pengajaran guru tersebut dan lain-lain (hlm. 23-27). Setelah memerhatikan bahan pengajaran dan cara pengajaran berkenaan, beliau mencadangkan pengajaran secara kontrastif dan latihan selepas kelas diperlukan untuk meningkatkan penguasaan pelajar terhadap partikel 了 *-le* (hlm. 34-37).

Di Malaysia, terdapat banyak kajian mengenai pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Dalam hal ini, Lim (2011) telah mengkaji gangguan bahasa ibunda terhadap pemerolehan bahasa pelajar bukan Cina dalam mempelajari tatabahasa Cina. Dalam kajian beliau tertumpu kepada analisis kesilapan tatabahasa dari segi struktur *shì* struktur partikel, dan morfem *de* dalam pembinaan ayat dan membuktikan bahawa ramai pelajar bukan Cina yang tidak dapat menguasai bahasa Cina dengan mahir adalah dipengaruhi oleh gangguan

bahasa ibunda mereka. Walaupun demikian, kajian beliau adalah kurang berfokus kepada pemerolehan partikel 了 *-le*.

Secara keseluruhan, didapati bahawa penerokaan kajian tentang penggunaan partikel 了 *-le* dalam bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua ke atas pelajar-pelajar yang bahasa ibundanya bukan bahasa Inggeris adalah masih terhad jika berbanding dengan perkembangan penyelidikan mengenai penggunaan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar-pelajar dari negara Barat yang bahasa ibundanya ialah bahasa Inggeris. Oleh kerana partikel 了 *-le* merupakan salah satu struktur tatabahasa yang terpenting dalam bahasa Mandarin dan semakin ramai pelajar Melayu mempelajari bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua, maka kajian mengenai keadaan penggunaan partikel 了 *-le* yang berfokus kepada pelajar-pelajar Melayu adalah amat diperlukan. Daripada kajian-kajian lepas ini, adalah dicadangkan bahawa penggunaan partikel 了 *-le* harus dikaitkan dengan strategi pembelajaran perbendaharaan kata untuk lebih memahami keadaan sebenar pembelajaran pelajar-pelajar bahasa kedua.

Bab seterusnya adalah mengenai maklumat metodologi yang digunakan dalam menyempurnakan kajian penyelidikan ini.

BAB 3

Metodologi Kajian

3. Pengenalan

Kajian ini merupakan satu usaha untuk melihat fenomena penggunaan partikel 了-*le* dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu yang telah tamat mempelajari kursus bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua di UMP, iaitu termasuk tahap *Beginners* dan tahap *Intermediate*. Dalam bab ini, metodologi yang telah digunakan untuk menyempurnakan kajian akan dijelaskan. Perkara yang akan diperjelaskan adalah seperti berikut:

- Reka bentuk kajian (Seksyen 3.1)
- Sampel kajian (Seksyen 3.2)
- Instrumen kajian (Seksyen 3.3)
- Prosedur pengumpulan data (Seksyen 3.4)
- Analisis data (Seksyen 3.5)

3.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes yang menggabungkan kaedah pengumpulan dan analisis data-data kualitatif dan kuantitatif. Gabungan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif dalam pengumpulan maklumat dan data daripada sampel dapat memaparkan isu permasalahan kajian penggunaan partikel 了-*le* dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu.

Menurut Chua (2006, hlm. 156), kajian kes dilakukan dapat menyelidik satu peristiwa pada perspektif yang luas dan khusus. Dalam kajian ini, reka bentuk kajian kes dijalankan adalah untuk membolehkan

penyelidik dapat menerokai dan memahami fenomena penggunaan partikel ㄟ-le dalam kalangan pelajar Melayu di UMP secara mendalam. Kajian kes ini melibatkan pengumpulan data-data daripada sampel kajian melalui ujian bertulis, borang soal selidik dan sesi temubual berstruktur.

Untuk kaedah penyelidikan kualitatif, ujian bertulis dijalankan untuk mengetahui keadaan dan kesulitan pelajar-pelajar Melayu apabila menggunakan partikel ㄟ-le. Borang soal selidik digunakan untuk mengumpul maklumat tentang latar belakang bahasa pelajar dan maklum balas daripada pelajar-pelajar Melayu tentang cara pembelajaran penggunaan partikel ㄟ-le. Sesi temubual berstruktur dijalankan untuk mengetahui cara pembelajaran penggunaan partikel ㄟ-le bagi pelajar-pelajar Melayu secara terperinci.

Untuk kaedah penyelidikan kuantitatif, reka bentuk kolerasi (*correlational design*) diadaptasi dalam kajian ini. Dengan ini, perhubungan di antara pencapaian markah dalam ujian bertulis (partikel ㄟ-le) dengan cara pembelajaran penggunaan partikel ㄟ-le bagi responden kajian dapat ditinjau.

Seksyen seterusnya menjelaskan latar belakang bagi sampel-sampel dalam kajian ini.

3.2. Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan 40 orang pelajar Melayu yang telah tamat mempelajari kursus bahasa Mandarin di Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada sesi 2010/2011 semester 2.¹⁰ Semua responden tersebut adalah dalam lingkungan umur 20-21 tahun.

Tujuan pemilihan kumpulan pelajar ini adalah kerana mereka telah tamat mengikuti dua tahap kursus bahasa Mandarin di UMP. Ini bermakna mereka telah mengikuti 2 jam kredit kursus bahasa Mandarin iaitu 2 jam kontak seminggu selama 14 minggu per semester. Dalam erti kata lain, jumlah jam kontak bagi responden kajian ini sepanjang dua tahap kursus bahasa Mandarin adalah sebanyak 56 jam (2 jam kontak X 14 minggu X 2 semester). Selain itu, mereka sepatutnya telah menguasai kemahiran bahasa Mandarin yang asas, boleh membina ayat bahasa Mandarin dengan tatabahasa yang betul, dan dapat berkomunikasi dalam situasi tertentu dengan menggunakan bahasa Mandarin yang mudah.

Responden tersebut dipilih berdasarkan kaedah penilaian kursus bahasa Mandarin yang menguji tahap penguasaan kemahiran bahasa mereka sepanjang dua semester. Kaedah penilaian tersebut merangkumi *Oral Test (10%)*, *Self Assessment (10%)*, *Coursework (40%)* dan *Final Test (40%)* dalam setiap semester. Jumlah markah tersebut merupakan pencapaian markah seseorang pelajar dalam satu semester.

Setelah jumlah purata pencapaian markah responden tersebut dalam *Beginners Mandarin* (sesi 2010/2011, semester 1) dan *Mandarin*

¹⁰ Kursus bahasa Mandarin di Universiti Malaysia Pahang (UMP) adalah ditawarkan oleh Jabatan Bahasa Asing. Dalam kajian ini, konsep 'bahasa asing' tidak digunakan malah konsep 'bahasa kedua' diadaptasikan seperti yang diperjelaskan dalam Seksyen 2.1.1 mengenai konsep 'bahasa kedua' daripada pandangan Ellis (1994), Li (2002), Liu (2007) dan Gass & Selinker (2008).

for *Intermediate* (sesi 2010/2011, semester 2) diperolehi, mereka dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu Kumpulan A dan Kumpulan B. Kumpulan A merupakan 20 orang pelajar cemerlang, mereka mendapat purata markah di antara 80 hingga 100 sepanjang dua tahap kursus bahasa Mandarin. Kumpulan B adalah 20 orang pelajar lemah, mereka mendapat purata markah di antara 40 hingga 50 sepanjang dua tahap kursus bahasa Mandarin.

Untuk latar belakang mengenai sampel kajian, Jadual 3.1 menunjukkan latar belakang sampel kajian bagi Kumpulan A dan Jadual 3.2 menunjukkan latar belakang sampel kajian bagi Kumpulan B. Purata marka kursus bahasa Mandarin juga dipaparkan seperti dalam jadual di bawah.

Dengan merujuk kepada sampel yang dipilih, kod bagi setiap sampel kajian dibina berdasarkan Kumpulan A (cemerlang) atau Kumpulan B (lemah), iaitu kod pertama mewakili kumpulan sampel dalam kajian dan diikuti dengan nombor yang mewakili bilangan sampel kajian ini. Misalnya, kod A7 bermakna sampel ini adalah sampel dalam kumpulan cemerlang yang ke-7.

Jadual 3.1: Latar belakang pelajar-pelajar Melayu dalam Kumpulan A

Bil.	Sampel Pelajar Kumpulan A			
	Kod	Jantina	Fakulti	Purata Markah Kursus Bahasa Mandarin (%)
1	A1	L	FIST	93
2	A2	P	FKEE	92
3	A3	P	FKEE	91
4	A4	P	FIST	91
5	A5	P	FKKSA	90
6	A6	P	FIST	90

(Sambungan Jadual 3.1)

Bil.	Sampel Pelajar Kumpulan A			
	Kod	Jantina	Fakulti	Purata Markah Kursus Bahasa Mandarin (%)
7	AE	P	FKEE	89
8	A8	L	FKKSA	88
9	A9	P	FIST	88
10	A10	P	FIST	87
11	A11	P	FKEE	86
12	A12	P	FKEE	85
13	A13	P	FIST	85
14	A14	L	FKM	84
15	A15	P	FKEE	83
16	A16	L	FKM	83
17	A17	P	FKEE	82
18	A18	L	FKEE	81
19	A19	P	FKEE	80
20	A20	L	FKM	80

Jadual 3.2: Latar belakang pelajar-pelajar Melayu dalam Kumpulan B

Bil.	Sampel Pelajar Kumpulan B			
	Kod	Jantina	Fakulti	Purata Markah Kursus Bahasa Mandarin (%)
1	B1	P	FKEE	49
2	B2	L	FKKSA	48
3	B3	P	FKEE	48
4	B4	P	FIST	47
5	B5	L	FKM	47
6	B6	L	FKKSA	47
7	B7	L	FKKSA	46
8	B8	L	FKEE	46
9	B9	P	FKKSA	45
10	B10	L	FKEE	45
11	B11	P	FKKSA	44
12	B12	L	FKM	44
13	B13	L	FKEE	43
14	B14	L	FKEE	42
15	B15	P	FKEE	42
16	B16	L	FKM	41
17	B17	P	FKEE	41
18	B18	P	FKEE	41
19	B19	P	FKEE	40
20	B20	L	FKM	40

Responden-responden dalam kajian ini adalah datang dari fakulti yang berlainan, iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik (FKEE), Fakulti Sains Dan Teknologi (FIST), dan Fakulti Kejuruteraan Sains Awam (FKKSA). Namun begitu, mereka mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dari segi latar belakang.

Sebelum meneruskan pelajaran di UMP, semua responden tidak pernah mempelajari bahasa Mandarin sama ada dalam keadaan formal atau keadaan tidak formal. Maka, titik permulaan mempelajari bahasa Mandarin adalah sama, persekitaran mempelajari bahasa Mandarin adalah sama, tempoh waktu mempelajari bahasa Mandarin juga hampir sama.

Bahasa Melayu ialah bahasa pertama dan bahasa ibunda bagi pelajar tersebut dalam sekolah rendah dan sekolah menengah manakala bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua mereka. Ini bermakna sampel dalam kajian ini mempunyai latar belakang bahasa dan pengalaman yang sama dari segi pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Oleh itu, pengaruh dari segi faktor individu adalah pada tahap minimum sehingga boleh diabaikan.

Berikut adalah senarai variabel yang dikawal untuk memastikan kebolehpercayaan dalam kajian ini.

Jadual 3.3: Senarai varibel yang dikawal dalam kajian

Variabel	Kumpulan A	Kumpulan B	
Bilangan responden	20	20	Dikawal
Pelajar Melayu	Ya	Ya	Dikawal
Umur dalam lingkungan 20-21 tahun	Ya	Ya	Dikawal
Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda	Ya	Ya	Dikawal
Tamat kursus bahasa Mandarin UMP	Ya	Ya	Dikawal
Jumlah jam kontak 2 tahap kursus bahasa Mandarin	56 jam	56 jam	Dikawal
Pengetahuan bahasa Mandarin sebelum memasuki UMP	Tiada	Tiada	Dikawal

Seksyen berikut menjelaskan tentang instrumen yang digunakan untuk mengumpul data dan maklumat bagi tujuan kajian ini.

3.3. Instrumen Kajian

Dalam seksyen ini, tiga jenis instrumen yang digunakan untuk mengumpul data-data bagi kajian ini diperjelaskan, iaitu termasuk ujian bertulis, borang soal selidik dan soalan temubual berstruktur.

3.3.1. Ujian Bertulis

Ujian bertulis digunakan untuk meninjau fenomena penggunaan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu. Melalui kajian rintis yang dijalankan, didapati bahawa bilangan soalan yang ditanya tidak cukup memaparkan keadaan sebenar penggunaan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar dengan jelas. Kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti dalam kajian rintis ini telah diambilkira dalam penambahbaikan metodologi ujian yang dijalankan.

Dengan merujuk kepada kandungan kursus bahasa Mandarin, soalan-soalan diubahsuai lagi untuk menambahbaik kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti dalam kajian rintis. Untuk menguji keadaan sebenar semua responden dalam penggunaan partikel 了 *-le*, soalan-soalan yang dibina tidak dipetik bulat-bulat daripada bahan teks dalam kursus bahasa Mandarin. Soalan tersebut adalah hasil perbincangan daripada penyelidik dengan seorang pensyarah bahasa Mandarin dan seorang guru bahasa Mandarin yang berpengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua di UMP. Maka, makna dalam ayat adalah jelas dan mudah difahami oleh semua responden kajian.

Dalam ujian bertulis ini, soalnya terdiri daripada 4 bahagian yang dibina berdasarkan objektif dan persoalan kajian ini.¹¹ Ujian ini merangkumi jumlah 35 ayat tunggal dan 4 perenggan ayat. Soalan tersebut dibina dengan merujuk kepada rumusan jenis-jenis ayat partikel 了 *-le* dalam Jadual 2.8 seperti yang dibincangkan dalam Seksyen 2.3.4 dan diringkaskan seperti berikut:¹²

- Jenis 1: Kata Kerja + 了 *-le* + Objek
- Jenis 2: Kata Kerja + 了 *-le*
- Jenis 3: Kata Kerja + Objek + 了 *-le*

¹¹ Untuk maklumat lanjut tentang soalan-soalan dalam ujian bertulis, sila rujuk kepada Lampiran D.

¹² Struktur sintaksis partikel 了 *-le* jenis 'Kata Kerja + 了 *-le* + Objek + 了 *-le*' tidak dimasukkan dalam kajian ini kerana jenis ayat ini tidak wujud dalam sukatan pembelajaran kursus bahasa Mandarin di UMP.

- Jenis 4: Kata Adjektif + 了 -le
- Jenis 5: Kata Nama + 了 -le

Berpandukan rumusan jenis-jenis ayat partikel 了 -le di atas, jumlah bilangan kata kerja 了 -le dan akhir ayat 了 -le dalam soalan-soalan ditentukan iaitu sebanyak 28 kata kerja 了 -le dan 26 akhir ayat 了 -le wujud dalam ujian bertulis.

Bahagian pertama adalah 10 soalan objektif dalam bentuk ayat tunggal di mana setiap soalan mempunyai 4 pilihan (A, B, C dan D). Contoh soalan dalam bahagian pertama adalah seperti berikut:

Wǒ mǎi cí diǎn zài qù mǎi yuánzhū bǐ 。
Contoh soalan: 我 买 (A) 词 典 (B) 再 去 (C) 买 (D) 圆 珠 笔 。

Bahagian kedua adalah 10 soalan dalam bentuk ‘Betul atau Salah’ (*True or False*), di mana ayat masing-masing mempunyai partikel 了 -le yang mungkin digunakan dengan betul atau salah. Contoh soalan dalam bahagian kedua adalah seperti berikut:

Tā qùnián yǐ jīng jiéhūn le 。
Contoh soalan: 他 去 年 已 经 结 婚 了 。 ()

Bahagian ketiga pula mempunyai 4 perenggan ayat, iaitu pelajar diminta mengisi tempat kosong dengan partikel 了 -le di

tempat yang sesuai dan tepat jika diperlukan. Pelajar diminta tandakan (X) di tempat kosong tersebut jika partikel 了 *-le* tidak diperlukan. Contoh soalan dalam bahagian ketiga adalah seperti berikut:

Contoh perenggan ayat:

Shí èr diǎn _____ , kuài chí dào _____. Tā máng _____ wán _____ gōngzuò
十二点 _____ , 快 迟 到 _____. 他 忙 _____ 完 _____ 工 作
_____, chī _____ liǎng piàn miànbāo , jiù jí máng _____ gǎn qù _____ miànshì
_____, 吃 _____ 两 片 面 包 , 就 急 忙 _____ 赶 去 _____ 面 试
_____. Huí jiā de shíhòu , tā cái zhīdào _____ yuánlái tā wàng _____
_____. 回 家 的 时 候 , 他 才 知 道 _____ 原 来 他 忘 _____
dài _____ pí bāo。
带 _____ 皮 包 。

Soalan-soalan dalam ketiga-tiga bahagian ini direka adalah untuk mengetahui sama ada pelajar-pelajar Melayu dapat menggunakan partikel 了 *-le* dengan betul atau tidak.

Dalam bahagian keempat, jumlah 15 soalan ditanya untuk meninjau pengaruh faktor pemindahan bahasa ibunda terhadap penggunaan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu. Ayat-ayat bahagian ini adalah dalam bahasa Melayu yang mempunyai makna partikel 了 *-le*, pelajar diminta membuat terjemahan ayat daripada bahasa Melayu kepada bahasa Mandarin dengan menggunakan partikel 了 *-le* di tempat yang sesuai dan tepat. Contoh soalan dalam bahagian keempat adalah seperti berikut:

Contoh soalan:

Saya minum dua mangguk sup semalam.

Berdasarkan jawapan dalam ujian bertulis partikel 了-*le*, peraturan pemarkahan dihuraikan secara ringkas. Dalam bahagian pertama, penyelidik mengenal pasti jawapan dalam soalan berbentuk objektif sama ada betul atau salah. Pemberian satu markah jika jawapan yang dipilih adalah betul, sedangkan tiada markah diberi jika jawapan yang dipilih adalah salah. Misalnya,

Contoh jawapan dalam soalan	Betul (√)/ Salah (X)	Markah
Wǒ mǎi cí diǎn zài qù 我 买 (A) 词 典 (B) 再 去 mǎi yuánzhū bǐ 。 (C) 买 (D) 圆 珠 笔。	√	1 markah
Wǒ mǎi cí diǎn zài qù 我 买 (A) 词 典 (B) 再 去 (C) mǎi yuánzhū bǐ 。 买 (D) 圆 珠 笔。	X	0 markah

Bahagian kedua yang berbentuk ‘Betul dan Salah’ (*True and False*), jika ayat dalam soalan tersebut adalah betul dan jawapan yang diberi adalah tanda ‘√’, maka satu markah akan diberi. Sebaliknya, jika ayat dalam soalan tersebut adalah betul dan jawapan yang diberi adalah tanda ‘X’, maka tiada markah akan diberi. Misalnya,

Contoh jawapan dalam soalan	Betul (✓)/ Salah (X)	Markah
Tā qùnián yǐ jīng jiéhūn le 。 他去年已经结婚了。…… (✓)	✓	1 markah
Tā qùnián yǐ jīng jiéhūn le 。 他去年已经结婚了。…… (X)	X	0 markah

Dalam bahagian ketiga, soalan-soalan yang diuji adalah dalam bentuk perenggan ayat. Pemberian satu markah jika pelajar mengisi partikel 了-le di tempat kosong yang tepat. Jika pelajar mengisi partikel 了-le di tempat kosong yang tidak tepat (seperti simbol ‘*’ selepas jawapan 了-le), maka tiada markah akan diberi. Begitu juga tiada markah diberi (seperti simbol ‘*’ selepas tanda ‘X’) jika pelajar menanda (X) di tempat kosong yang sebenarnya partikel 了-le perlu digunakan. Misalnya,

Contoh jawapan dalam perenggan ayat	Betul (✓)/ Salah (X)	Markah
Shí èr diǎn le , kuài chí dào le 。 Tā máng 十二点 了, 快 迟 到 了。他 忙 (X) wán le gōngzuò , chī le liǎng piàn miànbāo , jiù 完 了 工 作, 吃 了 两 片 面 包, 就 jí máng gǎn qù miànshì le 。 Huí jiā de 急 忙 (X) 赶 去 (X) 面 试 了。回 家 的 shíhòu , tā cái zhīdào yuánlái tā wàng le 时 候, 他 才 知 道 (X) 原 来 他 忘 了 dài pí bāo。 带 (X) 皮 包。	✓ - 11 X - 0	11 markah
Shí èr diǎn , kuài chí dào le 。 Tā máng 十二点 (X)*, 快 迟 到 了。他 忙 (X) wán le gōngzuò , chī le liǎng piàn miànbāo , jiù 完 了 工 作, 吃 了 两 片 面 包, 就 jí máng gǎn qù le miànshì 。 Huí jiā 急 忙 (X) 赶 去 了* 面 试 (X)*。回 家 de shíhòu , tā cái zhīdào yuánlái tā wàng 的 时 候, 他 才 知 道 (X) 原 来 他 忘 le dài pí bāo。 了 带 (X) 皮 包。	✓ - 8 X - 3	8 markah

Bahagian keempat merupakan soalan yang memerlukan pelajar membuat terjemahan terhadap ayat yang diberi. Dalam bahagian ini, pemberian satu markah jika pelajar meletakkan partikel 了 *-le* pada kedudukan yang tepat mengikut konteks ayat tersebut. Jika partikel 了 *-le* ditinggalkan (simbol 'Ø') atau pelajar mengabaikan partikel 了 *-le* (seperti Jawapan 1), maka tiada markah akan diberi. Begitu juga markah tidak diberi jika pelajar tidak dapat meletakkan partikel 了 *-le* pada kedudukan yang tepat (seperti Jawapan 2) mengikut konteks ayat tersebut. Misalnya,

Contoh soalan dan jawapan	Betul (✓)/ Salah (X)	Markah
Soalan: Saya minum dua mangguk sup semalam. Zuótiān wǒ hē le liǎng wǎn tāng。 Jawapan: 昨天我喝了 了 两碗汤。	✓	1 markah
Soalan: Saya minum dua mangguk sup semalam. Zuótiān wǒ hē liǎng wǎn tāng。 Jawapan 1: 昨天我喝Ø两碗汤。 atau Zuótiān wǒ hē liǎng wǎn tāng le 。 Jawapan 2: 昨天我喝两碗汤 了 。	X	0 markah

Jumlah markah ujian bertulis bagi pelajar adalah hasil tambah semua markah yang diberi seperti dalam penerangan di atas.

Secara keseluruhannya, keadaan penggunaan partikel 了 *-le* (termasuk kata kerja 了 *-le* dan akhir ayat 了 *-le*) bagi pelajar-pelajar Melayu dapat diterangkan melalui keputusan markah ujian bertulis dalam bentuk '*rubrics*' yang seperti berikut:

Jadual 3.4: Penerangan keputusan markah keseluruhan ujian bertulis dalam bentuk 'rubrics'

Gred	Markah (Peratusan)	Penerangan
A Cemerlang	61-75 (81%-100%)	-Penguasaan partikel 了-le adalah cemerlang. -Pelajar dapat menggunakan partikel 了-le dengan tepat.
B Baik	45-60 (61%-80%)	-Penguasaan partikel 了-le adalah baik. -Pelajar dapat menggunakan partikel 了-le dengan baik.
C Sederhana	31-45 (41%-60%)	-Penguasaan partikel 了-le adalah sederhana. -Pelajar masih dapat menggunakan partikel 了-le dengan memuaskan.
D Lemah	16-30 (21%-40%)	-Penguasaan partikel 了-le adalah lemah. -Pelajar menggunakan partikel 了-le dengan kurang memuaskan.
E Sangat lemah	0-15 (0%-20%)	-Penguasaan partikel 了-le adalah sangat lemah. -Pelajar tidak dapat menggunakan partikel 了-le dengan tepat.

Jadual 3.4 di atas merupakan penerangan yang terperinci mengenai keputusan markah keseluruhan dalam ujian bertulis. Penerangan secara 'rubrics' ini dapat menggambarkan tahap pencapaian pelajar-pelajar Melayu dalam penggunaan partikel 了-le secara terperinci.

Seksyen berikutnya menjelaskan borang soal selidik yang direka berdasarkan tujuan dan batasan kajian ini.

3.3.2. Soal Selidik

Dengan merujuk item-item dalam versi adaptasi yang dikemukakan oleh Gu & Johnson (1996), Gu & Hu (2003) serta merujuk kepada hasil dapatan kajian lepas Wen (2008), jumlah 16 item direka dalam bentuk soal selidik untuk mengetahui cara bagaimana mereka menyelesaikan masalah dalam ayat partikel 了-le.¹³ Melalui soal selidik ini, pemahaman responden-responden tentang penggunaan partikel 了-le juga dapat dinilai.

Bahagian pertama mempunyai 15 soalan yang digunakan untuk memperolehi maklumat latar belakang bahasa responden. Bahagian kedua mempunyai 16 item yang direka untuk mendapat maklum balas pelajar-pelajar Melayu tentang cara pembelajaran mereka apabila menggunakan partikel 了-le dalam ujian bertulis.

Antara item-item adalah merangkumi 4 kategori, iaitu: 1) memindahkan bahasa ibunda; 2) merujuk kepada petunjuk mengenai makna bahasa; 3) merujuk kepada petunjuk mengenai perkembangan konteks ayat; dan 4) bergantung kepada pemahaman naluri bahasa sendiri. Item-item dalam borang soal selidik tersebut dinilai berdasarkan skala *Likert* 5 mata (1=Paling tidak benar, 2=Tidak benar, 3=Neutral, 4=Benar, 5=Paling benar).

Melalui pengujian kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* (α) bagi jumlah 16 item dalam borang soal selidik, keputusan nilai kebolehpercayaan ialah 0.838.¹⁴ Berikut adalah taburan item-item

¹³ Untuk maklumat lanjut tentang borang soal selidik dalam kajian ini, sila rujuk kepada Lampiran E.

¹⁴ Menurut Ananda (2009, p. 23), kebolehpercayaan instrument (*test reliability*) merujuk kepada sejauh mana skor-skor sesuatu instrument adalah konsisten atau stabil. Kebolehpercayaan ini boleh diukur dengan pekali *Cronbach alpha* (α) untuk semua jenis

dalam borang soal selidik serta kebolehpercayaan konsisten dalaman (*The Internal Consistency Reliability*) bagi 4 kategori dalam borang soal selidik.

Jadual 3.5: Taburan item-item dalam borang soal selidik tentang cara pembelajaran penggunaan partikel *了-le*

Kategori Cara Pembelajaran Dalam Penggunaan 了-le	Bilangan item	No. Soalan	Tanda Variabel	Kebolehpercayaan (<i>Cronbach Alpha</i>, α)
Memindahkan bahasa ibunda	5	1,2,34,5	PEMINDAHAN	$\alpha = 0.818$
Merujuk kepada petunjuk mengenai makna bahasa	5	6,7,8,9,10	MAKNA	$\alpha = 0.844$
Merujuk kepada petunjuk mengenai perkembangan konteks ayat	3	11,12,13	KONTEKS	$\alpha = 0.855$
Bergantung kepada pemahaman naluri bahasa sendiri	3	14,15,16	NALURI	$\alpha = 0.789$

Jadual 3.5 merupakan taburan item-item dalam borang soal selidik yang mengenai cara pembelajaran dalam penggunaan partikel *了-le*. Untuk mengetahui kebolehpercayaan konsisten dalaman (*The Internal Consistency Reliability*) bagi item-item dalam soal selidik, keputusan nilai kebolehpercayaan dalam *Cronbach Alpha* (α) telah ditunjukkan dalam jadual tersebut.

item dengan menguji konsistensi dalaman sesuatu instrumen yang mana item-itemnya ialah dalam bentuk skala likert. Nilai pekali *Cronbach alpha* (α) yang ditakrifkan sebagai 'acceptable' jika sekurang-kurang 0.7, 'good' jika di antara 0.8 hingga 0.9 dan 'excellent' jika melebihi 0.9.

Daripada nilai *Cronbach Alpha* (α) tersebut ($\alpha=0.7$ ke atas), ia menunjukkan bahawa borang soal selidik berkenaan adalah sesuai digunakan untuk menguji pelajar-pelajar tentang cara pembelajaran mereka dalam penggunaan partikel 了-le.

Di samping itu, maklum balas daripada responden-responen dalam soal selidik juga dapat memastikan bahawa sama ada mereka betul-betul memahami makna dan konteks ayat-ayat dalam ujian bertulis atau tidak, misalnya kategori 1 hingga kategori 3 dalam borang soal selidik. Dalam erti kata lain, kategori 4 boleh menentukan sikap para responden apabila menjawab soalan ujian bertulis seperti mereka tidak menjawab soalan dalam keadaan “main tembak”.

Bahagian seterusnya menerangkan sesi temubual berstruktur yang dijalankan dalam kajian ini.

3.3.3. Temubual Berstruktur

Untuk meninjau keadaan bagaimana cara pembelajaran pelajar-pelajar dalam penggunaan partikel 了-le dengan lebih lanjut, satu sesi temubual berstruktur dijalankan oleh penyelidik bersama dengan 10 orang pelajar Melayu. Temubual berstruktur ini dijalankan adalah bertujuan untuk meninjau sebab-sebab di sebaliknya tentang pilihan cara pembelajaran yang ‘paling benar’ dengan situasi penggunaan partikel 了-le mereka berdasarkan keputusan dalam borang soal selidik yang diperolehi.

Dalam hal ini, jumlah 4 item mengenai cara pembelajaran penggunaan partikel 了 *-le* yang mencatat nilai skala *Likert* yang paling tinggi akan dipilih dan direka sebagai soalan dalam sesi temubual berstruktur. Sebagai contoh, jika item pertama dalam borang soal selidik mencatat purata nilai 3.92 (paling tinggi) dalam skala *Likert*, maka item tersebut dipilih dan direka sebagai soalan dalam sesi temubual berstruktur kajian ini.

Jadual 3.6: Contoh soalan temubual berstruktur yang direka berdasarkan item dalam borang soal selidik

Contoh item dalam borang soal selidik yang mencatat nilai skala <i>Likert</i> paling tinggi	Soalan temubual berstruktur yang direka berdasarkan keputusan borang soal selidik
Saya menggunakan bahasa ibunda untuk memahami makna bahasa Mandarin dalam konteks ayat partikel 了 <i>-le</i> .	Mengapa anda beranggapan bahawa menggunakan bahasa ibunda untuk memahami makna bahasa Mandarin dalam konteks ayat partikel 了 <i>-le</i> paling benar/tidak benar dengan situasi anda?

Dalam temubual ini, 10 orang pelajar Melayu terpilih kerana mereka mewakili kebolehan pencapaian yang berlainan berdasarkan keputusan markah dalam ujian bertulis. Kesemua pelajar yang terpilih ini adalah dalam Kumpulan A (5 orang pelajar cemerlang) dan Kumpulan B (5 orang pelajar lemah). Semua responden tersebut ditanda dengan abjad A hingga J dan tiada nama ditandakan dalam analisis kajian ini.

Seksyen berikut menerangkan prosedur-prosedur untuk mengumpul data dalam kajian ini.

3.4. Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data bermula dengan pemilihan 40 orang pelajar Melayu yang telah tamat mengikuti kursus bahasa Mandarin di kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP). Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan kaedah penilaian kursus bahasa Mandarin yang menguji tahap penguasaan kemahiran bahasa mereka sepanjang dua semester. Seterusnya, sampel kajian yang dipilih akan dihubungi supaya mereka menyertai penyelidikan ini dengan sukarela. Ini adalah kerana sampel kajian mempunyai hak untuk mengambil bahagian, berhenti dan menarik diri pada bila-bila masa (Chua, 2006, hlm. 24).

Dalam tempoh satu hari, ujian bertulis dijalankan bersama dengan 40 orang pelajar Melayu yang telah dipilih. Sebelum ujian bertulis bermula, sampel kajian diberitahu bahawa ujian ini hanya untuk tujuan penyelidikan. Semua responden mengambil ujian bertulis dalam sebuah dewan kuliah yang diaturkan supaya duduk secara berasingan.

Setiap responden dikehendaki menjawab 4 set soalan. Set pertama ialah bahagian pertama, set kedua ialah bahagian kedua, set ketiga ialah bahagian ketiga dan set keempat ialah bahagian keempat. Set soalan diedarkan dan dijawab oleh para responden secara berasingan mengikuti turutan. Ujian bertulis diasingkan dalam empat set adalah bertujuan untuk mengelakkan pelajar dapat mencari jawapan dari mana-mana bahagian dalam ujian tersebut. Jumlah masa yang diambil dalam ujian bertulis ini adalah hampir 45 minit. Apabila masa menjawab ujian bertulis tamat, kertas ujian bagi 40 orang responden dikutip oleh


pengkaji dan disemak dengan bantuan seorang pensyarah bahasa Mandarin dan seorang guru bahasa Mandarin.

Dalam tempoh dua minggu, kertas ujian bertulis selesai disemak. Setelah itu, sekali lagi pengkaji berjumpa dengan para responden dalam dewan kuliah. Pengkaji mengedar balik kertas ujian kepada responden masing-masing. Dengan merujuk kepada kertas ujian bertulis masing-masing, mereka diminta menjawab satu borang soal selidik dengan teliti. Pengkaji kekal berada dalam dewan kuliah semasa para responden menjawab soal selidik supaya bersedia menjawab sebarang pertanyaan daripada responden mengenai borang soal selidik. Apabila sesi menjawab soal selidik tamat, pelajar diminta menghantar balik kertas ujian bertulis dan borang soal selidik masing-masing kepada pengkaji.

Selepas satu minggu, satu sesi temubual berstruktur ini dijalankan bersama dengan 10 orang pelajar Melayu dalam kajian ini untuk meninjau sebab-sebab di sebaliknya tentang pilihan cara pembelajaran yang ‘paling benar’ dengan situasi penggunaan partikel 了 *-le* mereka berdasarkan keputusan dalam borang soal selidik yang diperolehi. Dalam hal ini, jumlah 4 item mengenai cara pembelajaran penggunaan partikel 了 *-le* yang mencatat nilai skala *Likert* yang paling tinggi akan dipilih dan direka sebagai soalan dalam sesi temubual berstruktur seperti yang dijelaskan dalam Seksyen 3.3.3 di atas.

Setelah data-data primer dikumpul, kajian penyelidikan diteruskan dan diproses diikuti dengan analisis data. Secara ringkas, kajian penyelidikan ini dijalankan seperti carta aliran prosedur pengumpulan data berikut:

Carta Aliran 1: Prosedur pengumpulan data



3.5. Analisis Data

Kajian ini merupakan kajian kes dalam bentuk deskriptif yang menggunakan data-data kualitatif dan kuantitatif. Kaedah penyelidikan yang jelas digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif yang menganalisis data dengan penelitian dokumen.

Data-data kualitatif kajian ini dikumpul melalui ujian bertulis. Oleh itu, data-data yang dikumpul daripada ujian bertulis kemudian dianalisis dan diuraikan dalam bentuk deskriptif untuk menjelaskan fenomena penggunaan partikel 了 *-le* bagi kumpulan pelajar Melayu cemerlang dan kumpulan pelajar Melayu lemah di UMP berdasarkan frekuensi dan peratusannya.

Sementara itu, maklumat yang diperolehi daripada borang soal selidik dijadikan sebagai sokongan kepada data kualitatif dalam bahagian analisis data dan perbincangan. Data-data dan maklumat yang diperolehi daripada soal selidik yang dijawab oleh para responden dikumpul dan dikodkan. Selepas itu, data-data dalam soal selidik ini diproses dengan menggunakan SPSS. Analisis data melibatkan penggunaan statistik deskriptif dan statistik inferensi.

Data yang dihasilkan daripada penggunaan statistik deskriptif adalah sebagai ringkasan daripada keseluruhan data. Daripada ini, item-item dalam borang soal selidik tentang cara pembelajaran pelajar-pelajar Melayu apabila menggunakan partikel 了 *-le* dalam ujian bertulis dijelaskan berdasarkan min dan sisihan piawai. Bentuk Skala Likert dari 1-5 (1=Paling tidak benar, 2=Tidak benar, 3=Neutral, 4=Benar, 5=Paling benar) digunakan dalam borang soal selidik.

Analisis statistik inferensi yang digunakan adalah *Pearson Correlations*. Kolerasi *Pearson* digunakan untuk mengidentifikasi hubungan korelasi di antara keputusan markah ujian bertulis dengan cara pembelajaran mereka apabila menggunakan partikel 了 *-le*.

Analisis dalam bab seterusnya menunjukkan fenomena penggunaan partikel 了 *-le* bagi kumpulan pelajar Melayu cemerlang dan kumpulan pelajar Melayu lemah di UMP.

BAB 4

Analisis Data

4. Pengenalan

Bab ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian pertama dan persoalan kajian kedua:

- i. Adakah kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah dapat menggunakan partikel ㄟ-le dengan tepat? (Seksyen 4.1 dan Seksyen 4.2)
- ii. Bagi penggunaan partikel ㄟ-le yang tidak tepat, apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah dari segi jawapan yang diberikan? (Seksyen 4.3)

Dalam Seksyen 4.1, Seksyen 4.2 dan Seksyen 4.3, kajian menganalisis keadaan penggunaan partikel ㄟ-le bagi pelajar-pelajar Melayu berdasarkan keputusan markah ujian bertulis dalam tajuk pecahan seperti berikut:


- Prestasi pelajar-pelajar Melayu dalam penggunaan partikel ㄟ-le (Seksyen 4.1)
- Keadaan penggunaan partikel ㄟ-le dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu (Seksyen 4.2)
- Kesilapan pelajar-pelajar Melayu apabila menggunakan partikel ㄟ-le (Seksyen 4.3)

4.1. Prestasi Pelajar-pelajar Melayu Dalam Penggunaan Partikel ㄟ-le

Seksyen ini membincangkan persoalan pertama secara keseluruhan tentang prestasi pelajar Melayu cemerlang (Kumpulan A) dan pelajar Melayu lemah (Kumpulan B) dalam ujian bertulis kajian ini.

Satu ujian bertulis yang mengandungi 39 soalan telah dijalankan untuk meninjau keadaan penggunaan partikel ㄟ-le dalam kalangan pelajar Melayu cemerlang dan pelajar Melayu lemah. Ujian bertulis ini mengandungi 75 tempat kosong yang perlu dijawab oleh sampel kajian. Dalam kajian ini, sejumlah 40 orang pelajar Melayu telah menjawab semua soalan dalam ujian bertulis. Daripada keputusan data yang dikumpulkan, secara keseluruhannya didapati bahawa tahap penguasaan pelajar-pelajar Melayu dalam penggunaan partikel ㄟ-le adalah memuaskan.

Untuk mengetahui tahap pencapaian Kumpulan A dan Kumpulan B dalam penggunaan partikel ㄟ-le, soalan-soalan dalam ujian bertulis yang dapat dijawab betul telah dianalisis dengan merujuk kepada '*rubrics*'. Keterangan '*rubrics*' adalah seperti yang dibincangkan dalam Jadual 3.4 di Seksyen 3.3.1 sebelum ini. Keputusan markah keseluruhan bagi Kumpulan A dan Kumpulan B dalam ujian bertulis adalah seperti berikut:




Rajah 4.1: Keputusan markah keseluruhan Kumpulan A dan Kumpulan B dalam ujian bertulis

Rajah 4.1 di atas menunjukkan bahawa keputusan markah ujian bertulis bagi Kumpulan A dan Kumpulan B boleh dikatakan adalah memuaskan. Dalam kategori cemerlang (81%-100%), hanya 3 orang pelajar dari Kumpulan A mendapat markah di antara 61 hingga 75 sedangkan tiada pelajar dari Kumpulan B mendapat keputusan yang cemerlang. Namun begitu, terdapat 11 orang pelajar Melayu dari Kumpulan A dan 8 orang dari Kumpulan B mendapat markah di antara 41 hingga 60, iaitu digolongkan dalam kategori baik (61%-80%). Dalam erti kata lain, maklumat yang dipaparkan menunjukkan bahawa pelajar Melayu dari Kumpulan B juga berupaya mendapat pencapaian yang baik dalam ujian bertulis partikel 了-le selain pelajar Melayu dari Kumpulan A.

Dalam kategori sederhana (41%-60%) pula, 6 orang pelajar Melayu dari Kumpulan A dan 7 orang dari Kumpulan B mendapat markah di antara 31 hingga 45. Ini bermakna bukan semua pelajar Melayu dalam Kumpulan A mendapat pencapaian yang memuaskan dalam ujian bertulis partikel 了-*le* tersebut. Daripada maklumat di atas ini, didapati bahawa 5 orang pelajar dari Kumpulan B adalah digolongkan dalam kategori lemah (21%-40%), di mana mereka hanya dapat markah di antara 16 hingga 30 dalam ujian bertulis. Manakala tiada pelajar dari Kumpulan A mendapat markah kurang daripada 30 markah. Keputusan markah tersebut juga menunjukkan bahawa tiada pelajar yang mendapat markah kurang daripada 20. Hal ini menerangkan bahawa tahap penguasaan para responden dalam penggunaan partikel 了-*le* 'masih dalam tahap memuaskan'.

Berdasarkan jawapan yang diperolehi daripada Kumpulan A dan Kumpulan B, peratusan betul mengikut bahagian-bahagian dalam soalan ujian bertulis telah dihasilkan seperti di bawah:



Rajah 4.2: Peratusan betul Kumpulan A dan Kumpulan B mengikut bahagian dalam ujian bertulis


Rajah 4.2 di atas menunjukkan bahawa peratusan betul Bahagian B adalah paling tinggi di antara empat bahagian dalam ujian bertulis, iaitu Kumpulan A mencatat sebanyak 83.9% dan Kumpulan B mencatat sebanyak 58.7%. Peratusan betul yang tinggi ini wujud mungkin disebabkan soalan-soalan dalam Bahagian B yang berbentuk Betul dan Salah (*True or False*) adalah lebih mudah dijawab dengan betul. Seterusnya Bahagian A mencatat peratusan betul yang kedua tinggi, di mana Kumpulan A mencatat sebanyak 71.6% dan Kumpulan B mencatat sebanyak 56.4% dalam soalan berbentuk objektif.

Dalam Bahagian C, Kumpulan A dan Kumpulan B mencatat peratusan betul sebanyak 69.1% dan 48.2% masing-masing. Peratusan betul dalam Bahagian C ini adalah agak rendah jika berbanding dengan Bahagian A dan Bahagian B. Hal ini berlaku mungkin disebabkan

pelajar-pelajar Melayu tidak dapat menguasai kedudukan partikel 了-*le* dalam perenggan ayat tersebut dengan baik.

Peratusan betul dalam Bahagian D pula adalah paling rendah, iaitu Kumpulan A hanya mencatat sebanyak 61.3% dan Kumpulan B hanya mencatat sebanyak 47.6% sahaja. Keadaan ini wujud mungkin kerana pelajar-pelajar Melayu menghadapi kesulitan apabila mereka diminta menterjemah suatu ayat dalam bahasa ibunda kepada ayat dalam bahasa Mandarin. Oleh yang demikian, soalan dalam bentuk terjemahan ini (Bahagian D) menunjukkan peratusan betul yang kurang memuaskan.

Pada keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa purata jumlah markah bagi pelajar Melayu dari Kumpulan A dan Kumpulan B adalah berlainan. Dengan merujuk kepada peraturan-peraturan pemarkahan dalam Seksyen 3.3.1 yang dibincangkan sebelum ini, purata jumlah markah keseluruhan dalam ujian bertulis partikel 了-*le* telah dihasilkan seperti berikut:



Rajah 4.3: Purata jumlah markah keseluruhan ujian bertulis partikel 了-*le*

Rajah 4.3 di atas telah memberi satu gambaran yang jelas tentang purata jumlah markah bagi pelajar-pelajar Melayu di UMP dalam ujian bertulis partikel ㄟ-le. Pelajar cemerlang dalam Kumpulan A telah mencatat purata jumlah markah sebanyak 71.5% sedangkan pelajar lemah dalam Kumpulan B hanya mencatat purata jumlah markah sebanyak 52.7% sahaja. Ini menunjukkan bahawa pelajar dalam Kumpulan B adalah kurang mahir dalam penggunaan partikel ㄟ-le jika berbanding dengan pelajar dalam Kumpulan A.

Seksyen berikut menghuraikan keadaan penggunaan partikel ㄟ-le dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu secara terperinci.

4.2. Keadaaan Penggunaan Partikel ㄟ-le Dalam Kalangan Pelajar-pelajar Melayu


Dalam seksyen ini, persoalan pertama tentang keadaan penggunaan partikel ㄟ-le bagi Kumpulan A dan Kumpulan B dalam ujian bertulis dihuraikan dengan lebih mendalam. Seksyen 4.2.1 membincangkan keadaan penggunaan dari aspek pengkelasan partikel ㄟ-le dan Seksyen 4.2.2 membincangkan keadaan penggunaan dari aspek jenis-jenis ayat partikel ㄟ-le. Penerangan dalam kedua-dua seksyen ini tertumpu kepada kekerapan betul bagi penggunaan partikel ㄟ-le yang berkaitan.

4.2.1. Keadaan Penggunaan Dari Aspek Pengkelasan Partikel 了-le

Dari aspek pengkelasan partikel 了-le, kajian ini merujuk kepada pandangan para penyelidik (Liu, 1990, hlm. 80; Lu, 1997, hlm. 159; Teng, 1999, hlm. 56; Lu, 2005, hlm. 169; Lü, 2005, hlm. 351; Chen & Zhuang, 2009, hlm. 143-144; Zhang, 2010, hlm. 66) seperti yang dibincangkan dalam Seksyen 2.3.1 mengenai pengkelasan partikel 了-le, iaitu kata kerja 了-le dan akhir ayat 了-le.

Dalam ujian bertulis tersebut, soalan-soalan yang ditanya merangkumi 28 kata kerja 了-le dan 26 akhir ayat 了-le¹⁵. Daripada ujian bertulis yang dijalankan, keadaan penggunaan kata kerja 了-le dan akhir ayat 了-le dalam kalangan pelajar Melayu telah diuji dan dianalisis. Kekerapan betul penggunaan kata kerja 了-le dan akhir ayat 了-le bagi Kumpulan A dan Kumpulan B adalah seperti berikut:

¹⁵ Maklumat lanjut mengenai 28 kata kerja 了-le dan 26 akhir ayat 了-le yang dirangkumi dalam soalan-soalan ujian bertulis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran F.



Rajah 4.4: Kekerapan betul Kumpulan A dan Kumpulan B dari aspek pengkelasan partikel 了-le

Rajah 4.4 di atas menunjukkan bahawa kekerapan betul kata kerja 了-le bagi Kumpulan A adalah sebanyak 85.7% pelajar sedangkan kekerapan betul bagi Kumpulan B adalah sebanyak 71.1%. Apabila satu perbandingan dari aspek pengkelasan partikel 了-le dipaparkan seperti rajah di atas, adalah didapati bahawa penggunaan kata kerja 了-le adalah lebih mudah dikuasai oleh pelajar-pelajar dari Kumpulan A dan Kumpulan B jika berbanding dengan akhir ayat 了-le.

Merujuk kepada rajah di atas, didapati bahawa kekerapan betul akhir ayat 了-le bagi Kumpulan A (56.5%) adalah jauh lebih tinggi daripada Kumpulan B (38.5%). Ini menerangkan bahawa pelajar-pelajar lemah (Kumpulan B) adalah kurang mahir dalam menguasai akhir ayat 了-le jika berbanding dengan

pelajar-pelajar cemerlang (Kumpulan A). Maklumat di atas dapat menyimpulkan bahawa pelajar-pelajar Melayu dapat menguasai penggunaan kata kerja 了 *-le* dengan lebih baik sebelum menguasai penggunaan akhir ayat 了 *-le*.

Mengenai hal ini, Erbaugh (1985, hlm. 56) pernah menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mempelajari bahasa Mandarin (bahasa Inggeris ialah bahasa ibunda) dapat menguasai kata kerja 了 *-le* terlebih dahulu, kemudian baru dapat menguasai akhir ayat 了 *-le*. Keputusan kajian Erbaugh (1985) menerangkan bahawa akhir ayat 了 *-le* mengandungi pelbagai kesulitan yang memang mencabarkan pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Dalam kajian ini, didapati bahawa keadaan penggunaan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu juga serupa dengan hasil dapatan kajian lepas seperti keputusan kajian Erbaugh (1985).

Seksyen berikut membincangkan keadaan penggunaan kata kerja 了 *-le* dari aspek makna tatabahasa dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu.

4.2.1.1. Keadaan Penggunaan Kata Kerja 了 *-le*

Seksyen ini memberi fokus kepada keadaan sebenar penggunaan kata kerja 了 *-le* bagi pelajar Melayu cemerlang dan pelajar Melayu lemah dari aspek makna kata kerja 了 *-le*. Mengikut pandangan tentang makna kata kerja 了 *-le* yang dirumuskan oleh

Wang, Y. (2011, hlm. 19) seperti dalam Seksyen 2.3.2, satu analisis terhadap soalan-soalan dalam ujian bertulis telah dilakukan.

Dalam ujian bertulis, 28 kata kerja 了-le dikategorikan berdasarkan maknanya dalam konteks ayat soalan berkenaan. Pemerhatian terhadap jawapan dalam ujian bertulis bagi semua pelajar Melayu dijalankan secara teliti. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan boleh dikatakan bahawa keadaan penggunaan kata kerja 了-le bagi pelajar-pelajar Melayu adalah memuaskan.

Daripada maklumat yang diperolehi, kekerapan betul penggunaan kata kerja 了-le bagi Kumpulan A dan Kumpulan B dalam ujian bertulis adalah seperti jadual berikut:

Jadual 4.1: Kekerapan betul Kumpulan A dan Kumpulan B dari aspek makna kata kerja 了-le

Makna kata kerja 了-le dalam konteks ayat	Jumlah bilangan kata kerja 了-le dalam ujian bertulis ¹⁶	Kekerapan betul kata kerja 了-le			
		Kumpulan A		Kumpulan B	
		Purata Bilangan Betul	Peratusan (%)	Purata Bilangan Betul	Peratusan (%)
Satu perkara dirujuk, terdapat satu kata kerja dalam konteks ayat menunjukkan perbuatan telah selesai pada masa lampau	14	13.4	95.7	12.1	86.4

¹⁶ Maklumat lanjut mengenai jumlah bilangan kata kerja 了-le dalam soalan-soalan ujian bertulis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran G.

(Sambungan Jadual 4.1)

Makna kata kerja 了-le dalam konteks ayat	Jumlah bilangan kata kerja 了-le dalam ujian bertulis ¹⁷	Kekerapan betul kata kerja 了-le			
		Kumpulan A		Kumpulan B	
		Purata Bilangan Betul	Peratusan (%)	Purata Bilangan Betul	Peratusan (%)
Satu perkara dirujuk, ia melibatkan hubungan ‘sebab dan akibat’ (<i>cause and effect</i>), terdapat dua kata kerja menunjukkan perbuatan telah berlaku pada masa lampau	3	2.5	83.3	2.2	73.3
Dua perkara dirujuk, terdapat dua kata kerja dalam konteks ayat menunjukkan hubungan ‘sebelum dan selepas’, iaitu suatu perbuatan telah selesai pada masa lampau kemudian diikuti dengan suatu perbuatan yang berlaku pada keadaan masa sekarang atau masa depan	11	8.1	73.6	5.6	50.9

Jadual 4.1 di atas menunjukkan bahawa kekerapan betul bagi Kumpulan A ialah 95.7% dan Kumpulan B ialah 86.4% apabila makna kata kerja 了-le merujuk kepada ‘satu perkara dirujuk

¹⁷ Maklumat lanjut mengenai jumlah bilangan kata kerja 了-le dalam soalan-soalan ujian bertulis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran G.

berlaku pada masa lampau’ dalam konteks ayat. Maklumat ini menjelaskan bahawa kebanyakan pelajar Melayu dalam kedua-dua kumpulan dapat menggunakan kata kerja 了 *-le* yang merujuk kepada makna ‘masa lampau’ dengan betul.

Apabila suatu perkara sahaja dirujuk dalam topik perbualan, pelajar-pelajar Melayu seolah-olahnya lebih sensitif dengan kata kerja dalam konteks ayat tersebut. Keadaan yang paling biasa dijumpai dalam ayat seperti ini adalah menggunakan satu kata kerja atau struktur kata kerja yang asas dalam penyampaian makna, misalnya “买-*mǎi*” (beli), “喝-*hē*” (minum), “看电影-*kàn diàn yǐng*” (menonton wayang), “吃早餐-*chī zǎo cān*” (makan sarapan) dan lain-lain. Contoh ayat seperti ini yang dapat dijawab dengan betul adalah:

Bahasa Mandarin	zuótiān wǒ hē le liǎngwǎntāng。 ： 昨 天 我 喝 了 两 碗 汤 。
Terjemahan Langsung	: Semalam saya minum (<i>le</i>) dua mangguk sup.
Makna Bahasa Melayu	: Saya minum dua mangguk mangguk sup semalam.

Dalam contoh ayat di atas, didapati bahawa pelajar dari Kumpulan A dan Kumpulan B adalah lebih mahir dalam menggunakan partikel 了 *-le* selepas kata kerja (喝-*hē*) apabila satu perkara sahaja dirujuk dalam konteks ayat. Apabila terdapat kata nama masa 昨天-*zuó tiān* (semalam) yang merujuk kepada perbuatan tersebut berlaku pada masa lampau, perkataan tersebut dapat mendorong pelajar-pelajar Melayu menggunakan partikel 了 *-le* selepas kata kerja.

Apabila makna kata kerja 了 *-le* dalam konteks ayat yang melibatkan hubungan ‘sebab dan akibat’, kekerapan betul penggunaan kata kerja 了 *-le* bagi Kumpulan A ialah 83.3% manakala Kumpulan B ialah 73.3%. Contoh ayat jenis ini yang dapat dijawab dengan betul adalah:

Bahasa Mandarin	Kàn le tādexìn , wǒ shāngxīn de liú xià yǎnlèi。 : 看了他的信，我伤心得流下眼泪。
Terjemahan Langsung	: Lihat (<i>le</i>) dia surat, saya sedih mengalir air mata.
Makna Bahasa Melayu	: Selepas membaca suratnya, saya terlalu sedih dan mengalir air mata.

P

erkataan 看 *-kàn* sebagai kata kerja dalam contoh ayat di atas mempunyai makna ‘selesai’ yang jelas. Keadaan ini dapat membantu pelajar-pelajar Melayu dalam penentuan kedudukan kata kerja 了 *-le* dengan tepat.

Kekerapan betul penggunaan kata kerja 了 *-le* adalah paling rendah apabila suatu perbuatan dilakukan diikuti dengan suatu perbuatan yang lain. Dalam hal ini, Kumpulan A mencatat kekerapan betul sebanyak 73.6% dan Kumpulan B mencatat kekerapan betul sebanyak 50.9% dalam penggunaan kata kerja 了 *-le*. Keadaan kekerapan betul yang rendah seperti ini dapat menerangkan bahawa pelajar-pelajar Melayu mungkin berkeliru dengan kedudukan kata kerja 了 *-le* apabila makna kata kerja 了 *-le* menunjukkan hubungan ‘sebelum dan selepas’. Contoh ayat seperti bawah ini dapat dijawab dengan betul:

Bahasa Mandarin	Wǒ mǎi le cí diǎn zài qù mǎi yuánzhūbǐ。 : 我 买 了 词 典 再 去 买 圆 珠 笔。
Terjemahan Langsung	: Saya beli (<i>le</i>) kamus lalu pergi beli pen.
Makna Bahasa Melayu ^D	: Setelah membeli kamus, saya pergi membeli pen lagi.

alam konteks ayat menunjukkan hubungan ‘sebelum dan selepas’, kata kerja 了-*le* mesti diletakkan selepas kata kerja yang pertama untuk menerangkan perbuatan pertama telah selesai kemudian diikuti dengan perbuatan yang satu lagi. Walau bagaimanapun, kebanyakan pelajar Melayu cemerlang lebih mahir mengenal pasti kedudukan kata kerja 了-*le* dalam konteks ayat yang mempunyai dua kata kerja (frasa kata kerja) jika berbanding dengan pelajar Melayu lemah.

Pendek kata, makna kata kerja yang jelas dalam konteks ayat partikel 了-*le* merupakan salah satu petunjuk yang penting bagi pelajar-pelajar Melayu untuk menguasai kata kerja 了-*le* dengan tepat. Dalam erti kata lain, makna masa ‘lampau’ yang jelas dalam ayat juga dapat membantu pelajar-pelajar Melayu menggunakan kata kerja 了-*le* dengan tepat.

Seksyen berikut menghuraikan lagi keadaan sebenar dari aspek penggunaan akhir ayat 了-*le* bagi pelajar-pelajar Melayu.

4.2.1.2. Keadaan Penggunaan Akhir Ayat 了-*le*

Dalam seksyen ini, huraian diberi fokus kepada keadaan sebenar penggunaan akhir ayat 了-*le* bagi Kumpulan A dan Kumpulan B dari aspek makna akhir ayat 了-*le*. Satu analisis terhadap soalan-

soalan dalam telah ujian bertulis dilakukan mengikut pandangan tentang makna akhir ayat 了-le. Makna akhir ayat 了-le dalam konteks ayat ujian bertulis adalah mengikut pandangan yang dirumuskan oleh Wang, Y. (2011, hlm. 19-20) seperti dalam Seksyen 2.3.2 dan pandangan Lu (2010, hlm. 178) mengenai kedudukan partikel jika tiada penjodoh bilangan dalam ayat seperti dalam Seksyen 2.3.3 sebelum ini.

Dalam ujian bertulis, 26 akhir ayat 了-le dikategorikan berdasarkan maknanya dalam konteks ayat soalan berkenaan. Untuk mengetahui keadaan sebenar dalam penggunaan akhir ayat 了-le dari aspek maknanya, pemerhatian terhadap jawapan dalam ujian bertulis bagi semua pelajar Melayu telah dijalankan secara teliti. Secara ringkasan, boleh dikatakan bahawa keadaan penggunaan akhir ayat 了-le bagi pelajar-pelajar Melayu adalah kurang memuaskan.

Daripada pemerhatian ini, secara keseluruhan didapati bahawa tahap penguasaan pelajar-pelajar Melayu dalam penggunaan akhir ayat 了-le adalah agak lemah jika berbanding dengan penggunaan kata kerja 了-le. Berikut adalah kekerapan betul penggunaan akhir ayat 了-le dari aspek makna bagi Kumpulan A dan Kumpulan B dalam ujian bertulis:

Jadual 4.2: Kekerapan betul Kumpulan A dan Kumpulan B dari aspek akhir ayat 了-le

Makna akhir ayat 了-le dalam konteks ayat	Jumlah bilangan akhir ayat 了-le dalam ujian bertulis ¹⁸	Kekerapan betul akhir ayat 了-le			
		Kumpulan A		Kumpulan B	
		Purata Bilangan Betul	Peratusan (%)	Purata Bilangan Betul	Peratusan (%)
Dua perkara yang dirujuk, terdapat dua kata kerja menunjukkan perbuatan telah tamat atau selesai, kata nama masa digunakan tetapi tiada penjodoh bilangan wujud dalam konteks ayat	4	2.7	67.5	1.8	45.0
Perkara yang dirujuk menunjukkan makna perubahan, iaitu masa perubahan yang dirujuk sama ada pada masa sekarang atau pada masa yang akan datang	18	11.5	63.8	7.5	41.6
Perkara yang dirujuk membawa makna 'modal' yang menunjukkan penegasan	4	2.5	62.5	1.7	42.5

¹⁸ Maklumat lanjut mengenai jumlah bilangan akhir ayat 了-le dalam soalan-soalan ujian bertulis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran G.

Dalam Jadual 4.2 di atas, didapati bahawa Kumpulan A mencatat kekerapan betul sebanyak 67.5% manakala Kumpulan B hanya mencatat sebanyak 45% apabila dua perkara dirujuk dan makna akhir ayat 了 *-le* menunjukkan sesuatu situasi tamat atau sesuatu perkara selesai. Berikut adalah contoh ayat jenis ini yang dapat dijawab dengan betul:

Bahasa Mandarin	Zuótiān wǒ gēn tā qù kàn diànyǐng le 。
Terjemahan Langsung	: Semalam saya dengan dia pergi menonton wayang (<i>le</i>).
Makna Bahasa Melayu	: Saya pergi menonton wayang bersama dengan dia semalam.

Dalam konteks ayat seperti contoh ayat ini, pelajar Melayu dari Kumpulan A dapat menggunakan akhir ayat 了 *-le* dengan betul walaupun kata nama masa 昨天 *-zuó tiān* menunjukkan masa ‘lampau’. Walau bagaimanapun, kekerapan betul dalam konteks ayat sedemikian adalah tidak tinggi mungkin disebabkan wujud makna ‘tamat’ atau ‘selesai’ yang serupa dengan penggunaan kata kerja 了 *-le*.

Apabila makna akhir ayat 了 *-le* menunjukkan sesuatu situasi mengalami perubahan pada masa sekarang atau pada masa depan dalam konteks ayat, kekerapan betul bagi Kumpulan A ialah 63.8% sedangkan kekerapan betul bagi Kumpulan B ialah 41.6%. Berikut adalah contoh ayat jenis ini yang dapat dijawab dengan betul:

Bahasa Mandarin	Nóng lì xīnnián kuài dào le 。
Terjemahan Langsung	: Tahun Baru Cina cepat sampai (<i>le</i>).
Makna Bahasa Melayu	: Tahun Baru Cina akan tiba tidak lama lagi.

Penggunaan akhir ayat 了-*le* dalam konteks ayat seperti ini juga merupakan salah satu kesukaran bagi pelajar-pelajar Melayu. Dalam contoh ayat seperti ini, struktur tatabahasanya adalah amat spesifik. Akhir ayat 了-*le* di sini digunakan dalam konteks ayat yang merujuk kepada peristiwa yang belum berlaku. Namun, struktur sebegini tidak wujud dalam struktur tatabahasa dalam bahasa Melayu. Maka, kedudukan akhir ayat 了-*le* memang mengelirukan pelajar-pelajar Melayu terutamanya Kumpulan B.

Apabila akhir ayat 了-*le* dalam konteks ayat menunjukkan makna 'modal', didapati bahawa kedua-dua Kumpulan A dan Kumpulan B adalah kurang mahir dalam penggunaan akhir ayat 了-*le*. Berikut adalah contoh ayat jenis ini yang dapat dijawab dengan betul:

Bahasa Mandarin	Suǒ yǐ , jīntiān hé míngtiān wǒ bù néng shàngkè le 。
Terjemahan Langsung	: Oleh itu, hari ini dan hari esok saya tidak dapat pergi ke kelas (<i>le</i>).
Makna Bahasa Melayu	: Oleh itu, saya tidak dapat pergi ke kelas pada hari ini dan hari esok.

Dalam konteks ayat seperti di atas, kekerapan betul bagi Kumpulan B ialah 42.5% sedangkan kekerapan betul bagi

Kumpulan A ialah 62.5%. Dalam bahasa Mandarin, penggunaan akhir ayat 了 *-le* boleh merujuk kepada topik perbualan itu akan tamat. Makna 'modal' yang wujud dalam contoh ayat seperti ini menyebabkan pelajar-pelajar Melayu menghadapi kesulitan apabila menggunakan akhir ayat 了 *-le*.

Pendek kata, maklumat yang dipaparkan di atas jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Melayu dari Kumpulan A adalah lebih mahir daripada pelajar-pelajar Melayu dari Kumpulan B dalam penggunaan kata kerja 了 *-le* dan akhir ayat 了 *-le*. Pemerhatian dalam kajian ini juga menerangkan bahawa kedua-dua Kumpulan A dan Kumpulan B adalah kurang mahir dalam penggunaan akhir ayat 了 *-le* berbanding dengan penggunaan kata kerja 了 *-le*.

Seksyen berikut menjelaskan keadaan penggunaan partikel 了 *-le* dari aspek jenis-jenis ayat partikel 了 *-le*.

4.2.2. Keadaan Penggunaan Dari Aspek Jenis-jenis Ayat Partikel 了 *-le*

Dari aspek jenis-jenis ayat partikel 了 *-le*, kajian ini adalah merujuk kepada rumusan ringkas tentang jenis-jenis ayat partikel 了 *-le* seperti yang dibincangkan dalam Seksyen 2.3.3 sebelum ini.

Dalam ujian bertulis tersebut, soalan yang ditanya merangkumi 5 jenis ayat partikel 了 *-le* yang asas. Penggunaan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar Melayu telah diuji dan

dianalisis mengikut jenis-jenis ayat partikel 了 *-le* tersebut. Melalui pemerhatian terhadap jawapan yang diberi dalam ujian bertulis, kekerapan betul dari aspek jenis-jenis ayat partikel 了 *-le* bagi Kumpulan A dan Kumpulan B adalah seperti di bawah:

Jadual 4.3: Kekerapan betul Kumpulan A dan Kumpulan B dari aspek jenis-jenis ayat partikel 了 *-le*

Jenis-jenis Ayat Partikel 了 <i>-le</i>	Jumlah soalan dalam ujian bertulis ¹⁹	Kekerapan betul			
		Kumpulan A		Kumpulan B	
		Purata Bilangan Betul	Peratusan (%)	Purata Bilangan Betul	Peratusan (%)
1 - Kata Kerja + Partikel 了 <i>-le</i> + Objek	22	18.6	84.5	16.7	75.9
2 - Kata Kerja + Objek + Partikel 了 <i>-le</i>	10	8.5	85.0	6.4	64.0
3 - Kata Kerja + Partikel 了 <i>-le</i>	7	5.0	71.4	3.4	48.6
4 - Kata Adjektif + Partikel 了 <i>-le</i>	5	4.7	92.0	4.3	86.0
5 - Kata Nama + Partikel 了 <i>-le</i>	5	2.4	48.0	1.3	26.0

Jadual 4.3 di atas menunjukkan bahawa Kumpulan A dan Kumpulan B adalah paling mahir dalam penggunaan jenis ayat 4 (Kata Adjektif + Partikel 了 *-le*). Kekerapan betul dalam Jenis Ayat 4 adalah paling tinggi berbanding dengan jenis-jenis ayat

¹⁹ Maklumat lanjut mengenai jumlah soalan dari aspek jenis-jenis ayat partikel 了 *-le* dalam ujian bertulis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran H.

partikel 了-*le* yang lain, iaitu Kumpulan A mendapat kekerapan betul sebanyak 92% dan Kumpulan B mendapat kekerapan betul sebanyak 86%. Namun, kedua-dua Kumpulan A dan Kumpulan B didapati bahawa mereka adalah lemah dalam penggunaan Jenis Ayat 5 (Kata Nama + Partikel 了-*le*). Kedua-dua kumpulan mencatat kekerapan betul hanya sebanyak 48% dan 26% sahaja masing-masing.

Dalam penggunaan Jenis Ayat 1 (Kata Kerja + Partikel 了-*le* + Objek), kekerapan betul bagi Kumpulan A dan Kumpulan B adalah 84.5% dan 75.9% masing-masing. Kumpulan A mendapat kekerapan betul sebanyak 85% sedangkan Kumpulan B mendapat kekerapan betul sebanyak 64% dalam penggunaan Jenis Ayat 2 (Kata Kerja + Objek + Partikel 了-*le*). Bagi Jenis Ayat 3 (Kata Kerja + Partikel 了-*le*) pula, Kumpulan A mencatat kekerapan betul sebanyak 71.4% dan Kumpulan B adalah sebanyak 48.6%.

Secara ringkasnya, tahap pencapaian Kumpulan A dan Kumpulan B dalam penggunaan partikel 了-*le* dari aspek jenis-jenis ayat partikel 了-*le* boleh diterangkan seperti Jadual 4.4 di bawah:

Jadual 4.4: Penerangan mengenai tahap pencapaian Kumpulan A dan Kumpulan B dalam penggunaan dari aspek jenis-jenis ayat partikel 了-le

Jenis-jenis Ayat Partikel 了-le	Kumpulan A	Kumpulan B
Jenis 1: Kata Kerja + Partikel 了-le + Objek	Sangat tinggi	Tinggi
Jenis 2: Kata Kerja + Objek + Partikel 了-le	Sangat tinggi	Tinggi
Jenis 3: Kata Kerja + Partikel 了-le	Tinggi	Sederhana
Jenis 4: Kata Adjektif + Partikel 了-le	Sangat tinggi	Sangat tinggi
Jenis 5: Kata Nama + Partikel 了-le	Sederhana	Rendah

Penerangan seperti di atas dapat memberi satu gambaran yang ringkas tentang tahap pencapaian pelajar-pelajar Melayu dari Kumpulan A dan Kumpulan B berdasarkan kategori ‘sangat tinggi’ (81%-100%), ‘tinggi’ (61%-80%), ‘sederhana’ (41%-60%), ‘rendah’ (21%-40%) dan ‘sangat rendah’ (0%-20%).

Untuk mengetahui keadaan penggunaan dalam jenis-jenis ayat partikel 了-le yang selanjutnya, analisis terhadap penggunaan setiap jenis ayat partikel 了-le bagi Kumpulan A dan Kumpulan B dalam ujian bertulis akan dihuraikan. Huraian yang ditunjukkan adalah mengikut susunan jenis-jenis ayat partikel 了-le dari jenis pertama hingga jenis kelima seperti dalam Jadual 4.3 dan Jadual 4.4.

4.2.2.1. Jenis Ayat 1: ‘Kata Kerja + Partikel 了-le + Objek’

Seksyen ini menghuraikan keadaan penggunaan partikel 了-le bagi Kumpulan A dan Kumpulan B dalam Jenis Ayat 1, iaitu ‘Kata Kerja + Partikel 了-le + Objek’.


Jenis ayat ‘Kata Kerja + Partikel 了 *-le* + Objek’ ini menunjukkan suatu perbuatan telah selesai, dan partikel 了 *-le* wujud selepas kata kerja dalam konteks ayat tersebut. Dalam ujian bertulis, terdapat 22 soalan merupakan jenis ayat ini. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3 di atas, purata bilangan betul bagi Kumpulan A ialah sebanyak 18.6 soalan manakala Kumpulan B ialah sebanyak 16.7 soalan. Ini menunjukkan bahawa pelajar dari Kumpulan A adalah lebih mahir daripada Kumpulan B dalam penggunaan Jenis Ayat 1 ini.

Dengan merujuk kepada Jadual 4.4 di atas, didapati bahawa tahap pencapaian bagi Kumpulan A ialah ‘sangat tinggi’ (kekerapan betul ialah 84.5%) sedangkan Kumpulan B ialah ‘tinggi’ (kekerapan betul ialah 64.1%). Dalam erti kata lain, kedua-dua kumpulan pelajar Melayu adalah mahir menggunakan partikel 了 *-le* apabila bahagian predikat ayat tersebut terdapat objek yang jelas wujud selepas kata kerja. Berikut adalah contoh ayat yang dapat dijawab dengan betul:

(1)	Bahasa Mandarin	Shàng gè xīngqī tā kàn le liǎng bù diànyǐng。 : 上个星期他看了两部電影。
	Terjemahan Langsung	: Minggu lepas dia menonton (le) dua buah filem.
	Makna Bahasa Melayu	: Dia telah menonton dua buah filem pada minggu lepas.

(2)	Bahasa Mandarin	zuótiān wǒ hē le liǎng wǎn tāng。 : 昨天我喝了兩碗湯。
	Terjemahan Langsung	: Semalam saya minum (le) dua mangguk sup.
	Makna Bahasa Melayu	: Saya minum dua mangguk mangguk sup semalam.

Daripada contoh ayat 1 dan contoh ayat 2 di atas, didapati bahawa objek (penjodoh bilangan + kata nama) yang wujud selepas kata kerja adalah ringkas dan mudah. Objek yang wujud selepas kata kerja “看-*kàn*” merujuk kepada objek “电影-*di àn yǐng*” dan kata kerja “喝-*hē*” merujuk kepada objek “汤-*tāng*”. Struktur sintaksis bagi ayat berkenaan boleh dijelaskan seperti berikut:



Berdasarkan contoh ayat 1 dan 2 di atas, didapati bahawa Kumpulan A dan Kumpulan B adalah mahir menggunakan partikel 了-*le* dalam ayat yang mempunyai bahagian objek yang ringkas seperti “两部 电影-*liǎng bù di à yǐng*” dan “两碗 汤- *liǎng wǎn tāng*”. Apabila hanya satu frasa kata kerja wujud pada bahagian objek dalam ayat, pelajar dari Kumpulan A dapat

menggunakan kata kerja 了 *-le* dengan lebih tepat jika berbanding dengan pelajar dari Kumpulan B.

Walau bagaimanapun, tahap penguasaan bagi Kumpulan B dalam jenis ayat partikel 了 *-le* ini adalah kurang memuaskan apabila bahagian objek dalam ayat tersebut menjadi lebih rumit. Pelajar dalam Kumpulan A biasanya dapat menggunakan Jenis Ayat 1 dengan betul, seperti contoh ayat di bawah:

(3)	Bahasa Mandarin	Wǒ mǎi le cídiǎn zài qù mǎi yuánzhūbǐ。 : 我 买 了 词 典 再 去 买 圆 珠 笔。
	Terjemahan Langsung	: Saya beli (le) kamus lalu pergi beli pen.
	Makna Bahasa Melayu	: Setelah membeli kamus, saya pergi membeli pen lagi.

Dalam contoh ayat 3 ini, didapati bahawa bahagian objek dalam ayat adalah lebih rumit jika berbanding dengan contoh ayat 1 dan contoh ayat 2 yang dibincangkan tadi. Struktur sintaksis bagi ayat berkenaan boleh dijelaskan seperti berikut:


Subjek		Predikat					
		Frasa Kata Kerja			Frasa Kata Kerja		
Kata Ganti Nama	Kata Kerja	Parti -kel	Kata Nama	Kata Adver -ba	Kata Kerja	Kata Kerja	Kata Nama
↓	↓	↓	↓	↓	↓	↓	↓
wǒ 我	mǎi 买	le 了	cí diǎn 词 典	zài 再	qù 去	mǎi 买	yuánzhū 圆 珠 bǐ 笔

Dalam jenis ayat partikel 了 *-le* ini, terdapat dua frasa kata kerja wujud bersama dan menunjukkan makna ‘sebelum dan selepas’. Pemerhatian terhadap jawapan-jawapan dalam ujian bertulis menunjukkan bahawa Kumpulan A adalah lebih baik daripada Kumpulan B dalam menguasai jenis ayat partikel 了 *-le* seperti ini.

Di samping itu, apa yang dapat diperhatikan adalah Kumpulan A lebih mahir menggunakan partikel 了 *-le* apabila wujud kata pelengkap (*results complement*) “完 *-wán*” selepas kata kerja dalam konteks ayat. Berikut adalah contoh ayat berkenaan:

		Tā máng wán le gōngzuò , jiù jí máng gǎn : 他 忙 完 了 工 作 , 就 急 忙 赶 qù miànshì le 。 去 面 试 了。
(4)	Bahasa Mandarin	
	Terjemahan Langsung	: Dia sibuk habis (le) kerja, lalu tergesa-gesa pergi temu bual (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Selepas menyiapkan kerja, dia tergesa-gesa pergi menghadiri temu bual.

Struktur sintaksis bagi contoh ayat 4, iaitu kata pelengkap
“完 -wán” wujud selepas kata kerja boleh dijelaskan seperti
berikut:



Melalui pemerhatian terhadap jawapan yang diberi dalam ujian bertulis, didapati bahawa pelajar dari Kumpulan B adalah kurang mahir menggunakan kata kerja 了 -le jika berbanding dengan pelajar dari Kumpulan A. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan pelajar Melayu cemerlang dalam Kumpulan A lebih sensitif dengan makna ‘tamat’ bagi kata pelengkap 完 -wán. Oleh itu, tahap pencapaian bagi Kumpulan A adalah lebih tinggi daripada Kumpulan B dalam penggunaan Jenis Ayat 1 ini.

Seksyen berikutnya menjelaskan penggunaan partikel 了-
le dalam Jenis Ayat kedua, iaitu akhir ayat 了-*le* digunakan
 selepas frasa kata kerja.

4.2.2.2. Jenis Ayat 2: ‘Kata Kerja + Objek + Partikel 了-*le*’


Seksyen ini menghuraikan keadaan penggunaan partikel 了-*le*
 bagi Kumpulan A dan Kumpulan B dalam Jenis Ayat 2, iaitu
 ‘Kata Kerja + Objek + Partikel 了-*le*’.

Jenis Ayat 2 ini menerangkan sesuatu peristiwa atau
 perkara telah selesai dan partikel 了-*le* wujud pada akhir ayat.
 Daripada 10 soalan yang merupakan jenis ayat ini, purata
 bilangan betul bagi Kumpulan A ialah sebanyak 8.5 soalan dan
 Kumpulan B ialah sebanyak 6.4 soalan (seperti yang ditunjukkan
 dalam Jadual 4.3 di atas). Ini boleh dikatakan bahawa tahap
 pencapaian bagi Kumpulan A (kekerapan betul ialah 85%) juga
 lebih tinggi daripada Kumpulan B (kekerapan betul ialah 64%).

(1)	Bahasa Mandarin	Zuótiān wǒ gēn tā qù kàn diànyǐng 了。 : 昨天我跟他去看电影了。
	Terjemahan Langsung	: Semalam saya dengan dia pergi menonton wayang (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Saya pergi menonton wayang bersama dengan dia semalam.

Daripada pemerhatian, didapati bahawa Kumpulan B
 kurang mahir dalam penggunaan partikel 了-*le* seperti contoh

ayat di atas. Ini mungkin kerana mereka menghadapi kesukaran dalam penggunaan partikel 了 *-le* apabila bahagian objek dalam konteks ayat tersebut mempunyai dua kata kerja (iaitu kata kerja yang kedua wujud bersama dengan kata nama). Struktur sintaksis ayat tersebut adalah seperti di bawah:




Dalam contoh ayat seperti ini, pada umumnya pelajar dari Kumpulan A dapat meletakkan partikel 了 *-le* pada kedudukan yang tepat jika berbanding dengan pelajar dari Kumpulan B. Penggunaan akhir ayat 了 *-le* sering diabaikan oleh pelajar dari Kumpulan B. Akibatnya, tahap pencapaian dalam penggunaan akhir ayat 了 *-le* bagi Kumpulan B adalah kurang memuaskan berbanding dengan Kumpulan A.

Apabila wujudnya kata nama selepas kata kerja pertama dan kata kerja kedua dalam konteks ayat, akhir ayat 了 *-le* juga sering diabaikan. Contoh ayat ini adalah seperti berikut:

(2)	Bahasa Mandarin	Zuótiān , Húxīn hé Luósī nà qù gòuwù zhōng : 昨天, 胡新和罗思娜去购物中 xīn mǎi dōngxi le 。 心买东西了。
	Terjemahan Langsung	: Semalam, Hussin dan Rosnah pergi pusat membeli-belah membeli barang (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Hussin dan Rosnah telah pergi ke pusat membeli-belah membeli barang.

Dalam ayat ini, dua frasa kata kerja digunakan untuk menyampaikan makna berkenaan. Daripada pemerhatian yang dilakukan, didapati bahawa pelajar dari Kumpulan A dapat meletakkan partikel 了 *-le* pada kedudukan yang tepat, iaitu selepas frasa kata kerja kedua. Struktur sintaksisnya dapat dijelaskan seperti di bawah:



Dalam erti kata lain, pelajar dari Kumpulan A adalah lebih mahir dalam jenis ayat partikel 了-le seperti ini berbanding dengan pelajar dari Kumpulan B.

Seksyen berikutnya melihat kepada keadaan penggunaan partikel 了-le dalam Jenis Ayat 3, iaitu ‘Kata Kerja + Partikel 了-le’.

4.2.2.3. Jenis Ayat 3: ‘Kata Kerja + Partikel 了-le’


Dalam seksyen ini, huraian tertumpu kepada partikel 了-le yang digunakan oleh pelajar Kumpulan A dan Kumpulan B dalam Jenis Ayat 3, iaitu ‘Kata Kerja + Partikel 了-le’.

Dalam Jenis Ayat 3 (Kata Kerja + Partikel 了-le), partikel 了-le wujud pada akhir ayat (atau bahagian hujung predikat) untuk menerangkan sesuatu peristiwa atau situasi baru berlaku perubahan, ataupun sesuatu peristiwa atau situasi akan berlaku perubahan. Berikut adalah contoh ayat yang dapat dijawab dengan betul oleh semua pelajar dari Kumpulan A dan Kumpulan B:

(1)	Bahasa Mandarin	Nóng lì xīnnián kuài dào le 。
	Terjemahan Langsung	: Tahun Baru Cina cepat sampai (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Tahun Baru Cina akan tiba tidak lama lagi.

Dalam ayat tersebut, didapati bahawa penggunaan akhir ayat 了-le dalam ayat yang mempunyai kata adverba seperti “快-kuài” senang dikuasai oleh pelajar dari kedua-dua Kumpulan A

dan Kumpulan B. Kata adverba “快-*kuài*” ini wujud dalam bahagian predikat iaitu sebelum kata kerja “到-*dào*”. Dalam hal ini, kedua-dua kumpulan Melayu dapat menggunakan partikel 了-*le* dengan betul pada hujung ayat mungkin disebabkan struktur kata adverba ini merupakan ‘struktur tetap’. Struktur sintaksisnya adalah seperti berikut:




Di samping itu, Kumpulan A dapat menentukan kedudukan akhir ayat 了-*le* dengan lebih tepat apabila wujudnya kata adverba “就要-*jiù yào*” dalam ayat jika berbanding dengan Kumpulan B. Contoh ayat berkenaan adalah seperti di bawah:

(2)	Bahasa Mandarin	Míngtiān wǒ men jiù yào kǎoshì le 。
	Terjemahan Langsung	: Esok kita akan peperiksaan (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Kita akan menduduki peperiksaan esok.

Dalam contoh ayat 2 di atas, kata adverba “就要-*jiù yào*” menunjukkan bahawa situasi itu belum berlaku lagi, iaitu kata kerja yang dirujuk akan mengalami perubahan pada masa yang

akan datang. Berikut adalah struktur sintaksisnya bagi ayat tersebut:



Merujuk kepada Jadual 4.3 di atas, Kumpulan A mendapat purata bilangan betul sebanyak 5 soalan daripada 7 soalan dalam jenis ayat ini. Purata bilangan betul bagi Kumpulan B ialah sebanyak 3.4 soalan sahaja. Maka, ini jelas menunjukkan bahawa tahap pencapaian bagi Kumpulan A adalah tinggi (kekerapan betul ialah 71.4%) sedangkan Kumpulan B adalah sederhana (kekerapan betul ialah 48.6%) sahaja. Pendek kata, maklumat yang dipaparkan telah jelas menunjukkan bahawa pelajar dari Kumpulan A adalah lebih mahir daripada Kumpulan B dalam penggunaan partikel 了 *-le* selepas frasa kata kerja.

Seksyen berikut menerangkan keadaan penggunaan partikel 了 *-le* dalam Jenis Ayat 4, iaitu akhir ayat 了 *-le* digunakan selepas kata adjektif.

4.2.2.4. Jenis Ayat 4: ‘Kata Adjektif + Partikel 了-le’

Penerangan dalam seksyen ini berfokus kepada keadaan penggunaan partikel 了-le bagi Kumpulan A dan Kumpulan B dalam Jenis Ayat 4, iaitu ‘Kata Adjektif + Partikel 了-le’.


Dalam Jenis Ayat 4 (Kata Adjektif + Partikel 了-le) ini, partikel 了-le berfungsi sebagai ‘modal’ untuk menunjukkan makna ‘penegasan’ atau makna ‘perubahan’ dalam sesuatu situasi. Jenis Ayat 4 tersebut yang wujud bersama kata adverba “太-tài” dapat dikuasai oleh pelajar dari Kumpulan A dan Kumpulan B dengan baik. Contoh ayat ini adalah seperti berikut:

(1)	Bahasa Mandarin	Jiějie gěi wǒ jì lái de kǎpiàn tài yǒuqù le。 : 姐姐给我寄来的卡片太有趣了。
	Terjemahan Langsung	: Kakak bagi saya kirim kad yang terlalu menarik (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Kad yang kakak kirimkan kepada saya terlalu menarik.

alam contoh ayat di atas, kata adverba “太-tài” wujud sebelum kata adjektif “有趣-yǒu qù” dalam bahagian predikat. Struktur sintaksis tersebut adalah seperti ini:

(3)	Bahasa Mandarin	Qù nián , tā kāishǐ pàng le。
	Terjemahan Langsung	: Tahun lepas, dia mula gemuk (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Dia mula menjadi gemuk pada tahun lepas.

Daripada contoh-contoh ayat di atas, apa yang dapat diperhatikan adalah kata adjektif dalam bahagian predikat adalah mudah dan ringkas. Contoh ayat 3 di atas dapat dijelaskan dalam struktur sintaksis seperti berikut:



Daripada maklumat di atas, kata adjektif seperti “坏-*huài*” dan “胖-*pàng*” dalam bahagian predikat mempunyai struktur yang ringkas. Hal yang demikian dapat mendorong pelajar dalam Kumpulan A dapat menggunakan partikel 了-*le* dengan tepat. Akan tetapi, sebilangan pelajar dari Kumpulan B adalah kurang mahir menggunakan akhir ayat 了-*le* dalam konteks ayat yang tiada kata adverb “太-*tài*”.

Seperti yang maklumat yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3, Kumpulan A mendapat purata bilangan betul sebanyak 4.7 soalan daripada 5 soalan jenis ayat ini sedangkan Kumpulan B mendapat purata bilangan betul sebanyak 4.3 soalan. Sebenarnya, tahap pencapaian bagi Kumpulan A (kekerapan betul 92%) dan Kumpulan B (kekerapan betul ialah 86%) adalah hampir sama. Walaupun demikian, keadaan penggunaan akhir ayat 了 *-le* selepas kata adjektif yang diperhatikan dapat menerangkan bahawa pelajar dari Kumpulan A adalah lebih mahir daripada pelajar dari Kumpulan B dalam penggunaan akhir ayat 了 *-le*.

Dalam seksyen di bawah, penerangan mengenai Jenis Ayat 5 dijelaskan, iaitu akhir ayat 了 *-le* digunakan selepas kata nama.

4.2.2.5. Jenis Ayat 5: ‘Kata Nama + Partikel 了 *-le*’

Seksyen ini menerangkan keadaan partikel 了 *-le* digunakan selepas kata nama dalam konteks ayat berkenaan, iaitu seperti ‘Kata Nama + Partikel 了 *-le*’.


Jenis ayat 5 (Kata Nama + Partikel 了 *-le*) ini menunjukkan makna sesuatu perkara yang berlaku pada masa sekarang. Dalam erti kata lain, jenis ayat ini adalah berkaitan dengan keadaan semasa perkara itu yang berlaku. Daripada 5 soalan jenis ayat ini dalam ujian bertulis, apa yang dapat diperhatikan adalah purata bilangan betul bagi Kumpulan A ialah

sebanyak 2.4 soalan manakala Kumpulan B ialah sebanyak 1.3 soalan sahaja. Tahap pencapaian Kumpulan A adalah ‘sederhana’ (purata markah 48%) serta tahap pencapaian Kumpulan B adalah ‘rendah’ (purata markah 26%) dalam penggunaan Jenis Ayat 5 tersebut. Maka, keadaan ini bermakna pelajar-pelajar Melayu dari kedua-dua kumpulan adalah kurang mahir dalam penggunaan jenis ayat ini.

Apabila wujudnya kata adverba “已经 -yǐ jīng” dalam konteks ayat, sebahagian pelajar dari Kumpulan A dapat menggunakan akhir ayat 了 -le dengan betul:

D a(1) l a	Bahasa Mandarin	Zǎoshang Húxīn xǐng lái de shíhòu , yǐjīng qī diǎn sānshíwǔ fēn le 。 点 三 十 五 分 了 。
	Terjemahan Langsung	: Pagi Hussin bangun apabila, sudah pukul tujuh tiga puluh lima minit (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Apabila Hussin bangun pada waktu pagi, sudah pukul tujuh tiga puluh lima minit.

m contoh ayat di atas, bahagian predikatnya melibatkan kata adverba, kata nama masa dan diikuti dengan partikel 了 -le. Kewujudan kata adverba “已经 -yǐ jīng” adalah untuk menunjukkan ‘perubahan’ masa pada waktu itu, iaitu ‘sudah pukul tujuh tiga puluh minit’. Struktur sintaksis bagi ayat tersebut boleh dijelaskan seperti berikut:




Daripada pemerhatian yang dilakukan, ramai pelajar terutamanya pelajar dari Kumpulan B tidak dapat menggunakan akhir ayat 了 *-le* tersebut dengan betul. Ini mungkin disebabkan kewujudan kata adverba “已经-*yǐ jīng*” dalam ayat mengelirukan mereka. Akhirnya, markah pencapaian pelajar dari Kumpulan B adalah kurang memuaskan dalam jenis ayat ini.

Di samping itu, pelajar dari Kumpulan A dan Kumpulan B juga lemah dalam penggunaan akhir ayat 了 *-le* apabila kata adverba “已经-*yǐ jīng*” tidak wujud dalam ayat. Contoh ayat tersebut adalah seperti berikut:

(2)	Bahasa Mandarin	Shíèr diǎn le , kuài chí dào le 。 : 十二点 了, 快 迟 到了。
	Terjemahan Langsung	: Pukul dua belas (le), akan lewat (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Srkarang sudah pukul dua belas, akan lewat nanti.

Dalam contoh ayat di atas, akhir ayat 了 *-le* digunakan selepas kata nama masa “十二点 *-shí'èr diǎn*” sukar dikuasai oleh pelajar dari Kumpulan A dan Kumpulan B. Struktur sintaksis ini yang tiada kata adverbial adalah seperti di bawah:




Contoh ayat tersebut tidak mempunyai kata nama masa yang jelas menunjukkan ‘masa lampau’, maka ramai pelajar dari Kumpulan B tidak menggunakan akhir ayat 了 *-le* selepas “十二点 *-shí'èr diǎn*” dalam jenis ayat ini.

Apabila tiada masa akhiran yang dirujuk dan titik rujukan masa dalam ayat berkenaan telah bermula, kata nama tersebut patut diikuti dengan akhir ayat 了 *-le*. Penggunaan akhir ayat 了 *-le* selepas kata nama dapat menjelaskan perkara itu ‘mengalami perubahan’. Dalam pemerhatian yang dilakukan, didapati bahawa kedua-dua Kumpulan A dan Kumpulan B adalah kurang mahir menggunakan akhir ayat 了 *-le* dalam jenis ayat tersebut. Berikut adalah contoh ayat tersebut:

(3)	Bahasa Mandarin	Wǒ zhīdào tā de míngzì le。
	Terjemahan Langsung	: Saya tahu dia nama (le).
	Makna Bahasa Melayu	: Saya sudah tahu nama dia.

Dalam contoh ayat 3 di atas, akhir ayat 了 *-le* yang patut wujud selepas kata nama 名字- *míngzì* merupakan struktur yang spesifik dalam bahasa Mandarin. Struktur sintaksis bagi contoh ayat 3 adalah seperti di bawah:



Maklumat dalam pemerhatian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Melayu dari Kumpulan A dan juga Kumpulan B cenderung mengabaikan akhir ayat 了 *-le* yang digunakan selepas kata nama dalam konteks ayat seperti ini. Ini mungkin kerana struktur ayat yang rumit ini memang menyukarkan pelajar-pelajar Melayu. Akibatnya, penguasaan mereka dalam Jenis Ayat 5 ini adalah tidak baik.

Dengan merujuk kepada maklumat yang dihuraikan di atas, didapati bahawa pelajar Melayu cemerlang dari Kumpulan A juga tidak dapat menguasai partikel 了 *-le* dengan baik selain

daripada pelajar Melayu lemah dari Kumpulan B. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan mereka menghadapi pelbagai kesukaran apabila menggunakan partikel 了 *-le*. Seperti apa yang dikatakan oleh Xiong (1997), kesukaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu apabila menggunakan partikel 了 *-le* biasanya adalah kerana mereka sering berkeliru dengan penggunaan kata kerja 了 *-le* dan akhir ayat 了 *-le*.

Oleh itu, seksyen seterusnya memberi fokus dalam mengenal pasti jenis-jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu dalam penggunaan partikel 了 *-le*.

4.3. Kesilapan Pelajar-pelajar Melayu Apabila Menggunakan Partikel

了 *-le*


Seksyen ini menjawab persoalan kedua tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar Melayu cemerlang (Kumpulan A) dan pelajar Melayu lemah (Kumpulan B) apabila menggunakan partikel 了 *-le* dalam ujian bertulis kajian ini.

Hasil dapatan kajian dalam seksyen sebelum ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan partikel 了 *-le* adalah amat rumit dalam pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Berdasarkan maklumat-maklumat yang dihuraikan, apa yang dapat diperhatikan adalah kumpulan pelajar Melayu cemerlang juga menghadapi kesukaran apabila menggunakan partikel 了 *-le* dalam ujian bertulis selain daripada pelajar Melayu lemah.

Oleh yang demikian, pemerhatian terhadap jawapan yang diperolehi dalam ujian bertulis telah dilakukan secara teliti. Daripada ini, kesilapan yang wujud dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu dari Kumpulan A dan Kumpulan B apabila menggunakan partikel 了 *-le* adalah termasuk:²⁰

- (1) partikel 了 *-le* ditinggalkan atau diabaikan;
- (2) partikel 了 *-le* digunakan walaupun tidak diperlukan;
- (3) kedudukan partikel 了 *-le* tidak tepat.

Dengan menggunakan pengiraan yang mudah, satu perbandingan mengenai kekerapan kesilapan bagi pelajar-pelajar Melayu di antara Kumpulan A dan Kumpulan B telah dihasilkan dan ditunjukkan seperti dalam rajah di bawah:



Rajah 4.5: Kekerapan kesilapan Kumpulan A dan Kumpulan B dalam penggunaan partikel 了 *-le*

²⁰ Untuk maklumat mengenai jawapan yang mempunyai kesilapan daripada pelajar-pelajar Melayu, sila rujuk kepada Lampiran I.

Secara keseluruhan, Rajah 4.5 di atas telah menunjukkan bahawa Kumpulan A dan Kumpulan B lebih cenderung melakukan jenis kesilapan yang pertama, iaitu ‘partikel 了 *-le* ditinggalkan atau diabaikan’. Dalam hal ini, kekerapan kesilapan tersebut adalah agak tinggi, iaitu Kumpulan A sebanyak 48.9% dan Kumpulan B sebanyak 51.3%. Kesilapan kedua iaitu ‘partikel 了 *-le* digunakan walaupun tidak diperlukan’ juga berlaku di mana kekerapan kesilapan bagi Kumpulan A adalah lebih tinggi (34.7%) daripada Kumpulan B (31.7%). Bagi jenis kesilapan yang ketiga iaitu ‘kedudukan partikel 了 *-le* tidak tepat’, kekerapan kesilapan bagi kedua-dua Kumpulan A dan Kumpulan B adalah rendah, iaitu hanya mencatat sebanyak 16.3% dan 17.1% masing-masing dalam kajian ini.

Kesilapan-kesilapan ini boleh berlaku adalah mungkin akibat daripada faktor pemindahan bahasa ibunda pelajar-pelajar Melayu. Ini adalah kerana bahasa Melayu tiada struktur tatabahasa yang serupa dengan struktur partikel bahasa Mandarin 了 *-le*, terutamanya akhir ayat 了 *-le*. Untuk mengenal pasti masalah tersebut secara mendalam, seksyen di bawah membincangkan setiap kesilapan yang wujud dalam Kumpulan A dan Kumpulan B apabila mereka menggunakan partikel 了 *-le* dalam ujian bertulis.

4.3.1. Partikel 了-le ditinggalkan atau diabaikan

Seksyen ini menghuraikan kesilapan jenis pertama iaitu ‘partikel 了-le ditinggalkan atau diabaikan’ yang berlaku dalam Kumpulan A dan Kumpulan B apabila mereka menggunakan partikel 了-le dalam ujian bertulis. Jenis kesilapan ini telah mencatat kekerapan kesilapan yang paling tinggi di antara ketiga-tiga jenis kesilapan tersebut (sila rujuk Rajah 4.5 di atas).

Daripada keputusan data-data yang dikumpul, purata bilangan kali yang salah dalam kesilapan ‘partikel 了-le ditinggalkan atau diabaikan’ ditunjukkan seperti dalam Jadual 4.5 di bawah:

Jadual 4.5: Kekerapan kesilapan jenis ‘partikel 了-le ditinggalkan atau diabaikan’ dalam Kumpulan A dan Kumpulan B

Partikel 了-le	Kumpulan A		Kumpulan B	
	Purata Bilangan Kali Salah	Peratusan (%)	Purata Bilangan Salah	Peratusan (%)
Kata kerja 了-le	35	18.8	94	29.7
Akhir ayat 了-le	151	81.2	222	70.3
Jumlah	186	100	316	100

Berdasarkan maklumat yang dipaparkan di atas, purata bilangan kali bagi partikel 了-le ditinggalkan dalam Kumpulan A ialah sebanyak 186 kali (kata kerja 了-le sebanyak 35 kali dan akhir ayat 了-le sebanyak 151 kali) manakala Kumpulan B ialah sebanyak 316 kali (kata kerja 了-le sebanyak 94 kali dan akhir ayat 了-le sebanyak 222 kali). Dalam erti kata lain, pelajar

Melayu dari Kumpulan B lebih kerap meninggalkan atau mengabaikan partikel 了 *-le* dalam ujian bertulis terutamanya akhir ayat 了 *-le* jika berbanding dengan pelajar Melayu dari Kumpulan A. Walau bagaimanapun, kedua-dua kumpulan pelajar Melayu sering melakukan kesilapan ‘partikel 了 *-le* ditinggalkan atau diabaikan’. Keadaan ini berlaku boleh dikatakan bahawa pelajar Melayu berkeliru dengan penggunaan partikel 了 *-le* yang rumit dalam bahasa Mandarin.


Penggunaan akhir ayat 了 *-le* boleh dikatakan bahawa merupakan salah satu kesulitan kepada pelajar-pelajar Melayu dalam mempelajari bahasa Mandarin. Struktur sintaksis akhir ayat 了 *-le* tidak serupa dengan struktur sintaksis dalam bahasa ibunda mereka. Berikut adalah contoh jawapan yang mempunyai kesilapan (simbol ‘*’) ‘partikel 了 *-le* ditinggalkan atau diabaikan’ (simbol ‘Ø’):

	Ayat yang mempunyai kesilapan	Ayat dalam terjemahan bahasa Melayu
(1)	<div style="display: flex; align-items: center;"> <div style="margin-right: 10px;"> Wǒ zhīdào tā de míngzì * 我 知 道 他 的 名 字 </div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px;"> le 了 </div> <div style="margin-left: 10px;"> Ø。 Ø。 </div> </div>	Saya tahu nama dia.

Partikel 了 *-le* yang wujud di akhir ayat membawa makna ‘perubahan’ dalam konteks ayat tersebut. Daripada contoh ayat yang mempunyai kesilapan di atas, didapati bahawa pelajar-pelajar Melayu dari Kumpulan A dan Kumpulan B sering meninggalkan partikel 了 *-le* pada hujung ayat tersebut. Dalam contoh ayat ini, perkara yang dibincangkan adalah bermula dari

masa pertuturan dalam konteks ayat tersebut dan perkara yang dirujuk itu akan terus berlaku sehingga tiada titik akhiran masanya. Keadaan ini boleh dijelaskan seperti di bawah:

Wǒ zhīdào tā de míngzì le。
我 知 道 他 的 名 字 了 。



Titik rujukan masa (masa pertuturan)

Makna dalam contoh ayat ini adalah ‘saya tahu namanya’ bermula dari masa pertuturan dan situasi “知道他的名字-*zhī dào tā de míng zì*” (tahu namanya) akan berterusan dan masa yang dirujuk tiada titik akhirannya. Dalam hal ini, makna asasnya akan berubah jika akhir ayat 了-*le* tertinggal dalam ayat tersebut. Jika akhir ayat 了-*le* tidak digunakan, situasi “知道他的名字-*zhī dào tā de míng zì*” mungkin bukan merujuk kepada keadaan semasa yang berterusan selepas masa pertuturan tersebut. Apabila tiada petunjuk masa lampau tentang perkara dalam konteks ayat, pelajar-pelajar Melayu berkeliru dengan penggunaan akhir 了-*le* ayat. Struktur sintaksis yang begitu rumit menyebabkan mereka tidak dapat menguasai akhir ayat 了-*le* dengan baik.

Apabila kata adverba “已经-*yǐ jīng*” wujud dalam konteks ayat berkenaan, partikel 了-*le* yang patut digunakan di akhir ayat juga sering diabaikan. Keadaan ini kerap berlaku dalam kalangan

pelajar yang lemah (Kumpulan B). Hal ini berlaku mungkin adalah akibat daripada pengaruh pemindahan bahasa ibunda yang negatif. Ini boleh ditunjukkan dalam contoh ayat yang berikut:

	Ayat yang mempunyai kesilapan	Ayat dalam terjemahan bahasa Melayu
(2)	Tā yǐjīng yǒu yí gè xīn de Ø。 * 他已经有一个新的 Ø。	Dia sudah ada satu yang baru.

Daripada contoh ayat kesilapan ini, didapati bahawa akhir ayat 了 *-le* akan diabaikan apabila kata adverba 已经 *-yǐ jīng* wujud dalam ayat tersebut. Keadaan ini dapat diterangkan apabila contoh ayat kesilapan tersebut dirujuk kepada struktur tatabahasa dalam bahasa Melayu.

Dari segi semantik, kata bantu aspek ‘sudah’ sebenarnya adalah serupa dengan kata adverba “已经 *-yǐ jīng*” dalam bahasa Mandarin. Akan tetapi, penggunaan kata adverba “已经 *-yǐ jīng*” biasanya diikuti dengan partikel 了 *-le* pada hujung ayat dalam bahasa Mandarin, iaitu wujud dalam struktur tetap “已经 *-yǐ jīng*..... 了 *-le*” untuk menyempurnakan makna ‘selesai’ dalam ayat tersebut. Kewujudan perbezaan struktur tatabahawa di antara bahasa Melayu dan bahasa Mandarin menyusahkan pelajar Melayu lemah dalam menggunakan partikel 了 *-le*. Akibatnya, mereka cenderung meninggalkan partikel 了 *-le* pada hujung ayat. Keadaan seperti ini juga berlaku dalam kalangan pelajar Melayu cemerlang.

Di samping itu, pemerhatian menunjukkan bahawa partikel 了 *-le* selepas kata kerja juga ditinggalkan oleh pelajar Melayu lemah. Hal yang demikian wujud dalam ayat yang tiada kata nama masa ‘lampau’ dirujuk, iaitu seperti “昨天 *-zuó tiān*” (semalam), “上个星期 *-shàng gè xīng qī*” (minggu lepas) dan lain-lain. Misalnya:

	Ayat yang mempunyai kesilapan	Ayat dalam terjemahan bahasa Melayu
(3)	Měi gè rén dōu mǎi Ø yī běn Huá * 每个人都买 Ø 一本华 yǔ cí diǎn 语词典。	Setiap orang semua membeli sebuah bahasa Cina kamus.
(4)	Tā gěi bàba mǎi Ø yī běn shū , * 她给爸爸买 Ø 一本书 , gěi māma mǎi Ø yī zhī shǒubiǎo , 给妈妈买 Ø 一只手表 , yě gěi dìdì mǎi Ø yí gè dà shū bāo 。 也给弟弟买 Ø 一个大书包。	Dia bagi ayah membeli sebuah buku, bagi ibu membeli sebuah jam tangan, juga bagi adik membeli sebuah besar beg.

Kesilapan seperti dalam contoh ayat 3 dan contoh ayat 4 di atas hanya berlaku dalam kalangan pelajar dari Kumpulan B. Kadang-kala, pelajar dari Kumpulan B lupa akan menggunakan partikel 了 *-le* apabila konteks ayat itu tiada petunjuk masa ‘lampau’ yang jelas. Fenomena ini dapat menerangkan bahawa penguasaan partikel 了 *-le* bagi Kumpulan B adalah masih dalam tahap penguasaan yang lemah. Maka, mereka juga tidak dapat menguasai penggunaan kata kerja 了 *-le* selain daripada akhir ayat 了 *-le*.

Daripada penjelasan yang dihuraikan di atas, didapati bahawa kesilapan jenis pertama ini (partikel 了 *-le* ditinggalkan

atau diabaikan) sering berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu dari Kumpulan A dan Kumpulan B. Melalui pemerhatian yang dilakukan, didapati bahawa ramai pelajar Melayu amat bergantung kepada struktur tatabahasa bahasa ibunda mereka apabila memahami ayat dalam bahasa Mandarin.

Seksyen berikut menjelaskan kesilapan jenis kedua iaitu ‘partikel 了 *-le* digunakan walaupun tidak diperlukan’.

4.3.2. Partikel 了 *-le* digunakan walaupun tidak diperlukan

Seksyen ini menghuraikan kesilapan ‘partikel 了 *-le* digunakan walaupun tidak diperlukan’ yang wujud dalam Kumpulan A dan Kumpulan B apabila mereka menggunakan partikel 了 *-le* dalam ujian bertulis. Dalam penggunaan partikel 了 *-le*, kekerapan peratusan kesilapan jenis ini adalah lebih rendah daripada kesilapan pertama di atas.

Daripada keputusan data-data yang dikumpul, purata bilangan kali yang salah dalam kesilapan ‘partikel 了 *-le* digunakan walaupun tidak diperlukan’ ditunjukkan seperti dalam Jadual 4.6 berikut:

Jadual 4.6: Kekerapan kesilapan jenis ‘partikel 了-le digunakan walaupun tidak diperlukan’ dalam Kumpulan A dan Kumpulan B

Partikel 了-le	Kumpulan A		Kumpulan B	
	Purata Bilangan Kali Salah	Peratusan (%)	Purata Bilangan Salah	Peratusan (%)
Kata kerja 了-le	108	81.8	176	90.3
Akhir ayat 了-le	24	18.2	19	9.7
Jumlah	132	100	195	100

Merujuk kepada Jadual 4.6 di atas, purata bilangan kali salah bagi ‘partikel 了-le digunakan walaupun tidak diperlukan’ dalam Kumpulan A ialah sebanyak 132 kali (kata kerja 了-le sebanyak 108 kali dan akhir ayat 了-le sebanyak 24 kali) manakala Kumpulan B ialah sebanyak 195 kali (kata kerja 了-le sebanyak 176 kali dan akhir ayat 了-le sebanyak 19 kali). Kedua-dua kumpulan pelajar Melayu boleh dikatakan bahawa cenderung menggunakan partikel 了-le selepas kata kerja walaupun partikel 了-le tidak diperlukan.

Apabila wujudnya syarat-syarat penggunaan partikel 了-le yang perlu dipatuhi, pelajar-pelajar Melayu dari Kumpulan A dan Kumpulan B tidak dapat menentukan keperluan penggunaan partikel 了-le dalam ayat tersebut. Contoh ayat yang mempunyai kesilapan tersebut adalah seperti berikut:

	Ayat yang mempunyai kesilapan	Ayat dalam terjemahan bahasa Melayu
(1)	Wǒ cóng shàng dàxué kāishǐ * 我 从 上 大 学 开 始 , yìzhí xué le hànyǔ。 一 直 学 了 汉 语。	Saya dari universiti mula, selalu belajar (le) bahasa Mandarin.
(2)	Gāng dào Jílóngpō de shíhòu , * 刚 到 吉 隆 坡 的 时 候 , tā chángcháng qù le gòuwù 他 常 常 去 了 购 物 zhōngxīn。 中 心。	Baru tiba Kuala Lumpur semasa, dia sering pergi (le) pusat membeli-belah.

Merujuk kepada contoh ayat kesilapan di atas, keadaan konflik dari segi makna akan berlaku apabila kata adverba “一直-yī zhī” (kerap) dan “常常-cháng cháng” (selalu) wujud dalam ayat yang mempunyai partikel 了-le. Dalam bahasa Mandarin, partikel 了-le tidak perlu digunakan selepas kata kerja jika kata adverba “一直-yī zhī” dan “常常-cháng cháng” wujud dalam ayat tersebut. Keadaan konflik berlaku adalah kerana ayat tersebut menerangkan perkara yang berlaku pada masa lampau dan pada masa yang sama wujudnya kata adverba yang membawa makna ‘berulang-ulangan’ atau ‘berkali-kali’ (Li, 1996, hlm. 93).

Daripada pemerhatian terhadap jawapan dalam ujian bertulis, pelajar dari Kumpulan A dan Kumpulan B juga melakukan kesilapan seperti ini:

	Ayat yang mempunyai kesilapan	Ayat dalam terjemahan bahasa Melayu
(3)	Wǒ dǎsuan le xiàkè jiù huíjiā。 * 我 打 算 了 下 课 就 回 家。	Saya merancang (le) kelas tamat lalu balik rumah.

Dalam contoh ayat kesilapan di atas, kata kerja “打算-*dǎ su àn*” (merancang) menerangkan keadaan mental seseorang adalah ‘berulangan’ atau ‘berterusan’. Perkataan “打算-*dǎ su àn*” bukan kata kerja yang biasa merujuk kepada sesuatu tindakan atau perbuatan. Di sini, kata kerja “打算-*dǎ su àn*” tidak merujuk kepada perbuatan yang jelas dan ia juga tiada makna yang sempurna. Oleh itu, partikel 了-*le* tidak boleh digunakan selepas kata kerja “打算-*dǎ su àn*”. Kesulitan tersebut berlaku mungkin disebabkan pelajar dari Kumpulan A dan Kumpulan B berkeliru dengan syarat penggunaan partikel 了-*le* yang pelbagai.

Oleh itu, pemerhatian dapat menerangkan bahawa kedua-dua Kumpulan A dan Kumpulan B memang menghadapi masalah dalam jenis kesilapan ‘partikel 了-*le* digunakan walaupun tidak diperlukan’. Pelajar-pelajar Melayu mungkin beranggapan bahawa partikel 了-*le* patut wujud selepas kata kerja apabila perkara berlaku pada masa ‘lampau’ atau ‘sebelum sekarang’ serta perkara yang dirujuk telah ‘selesai’. Dalam erti kata lain, pelajar tersebut mungkin masih belum sedar akan syarat penggunaan partikel 了-*le* yang pelbagai dalam makna penyampaian ayat bahasa Mandarin.

Seksyen berikut menerangkan kesilapan jenis ketiga iaitu ‘kedudukan partikel 了-le tidak tepat’.

4.3.3. Kedudukan partikel 了-le tidak tepat

Seksyen ini menghuraikan kesilapan ‘kedudukan partikel 了-le tidak tepat’ yang berlaku dalam Kumpulan A dan Kumpulan B apabila mereka menggunakan partikel 了-le dalam ujian bertulis. Dalam penggunaan partikel 了-le, kesilapan jenis ini telah mencatat kekerapan kesilapan yang paling rendah berbanding dengan kesilapan-kesilapan di atas.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, purata bilangan kali yang salah dalam kesilapan jenis ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.7 berikut:

Jadual 4.7: Kekerapan kesilapan jenis ‘kedudukan partikel 了-le tidak tepat’ dalam Kumpulan A dan Kumpulan B

Partikel 了-le	Kumpulan A		Kumpulan B	
	Purata Bilangan Kali Salah	Peratusan (%)	Purata Bilangan Salah	Peratusan (%)
Kata kerja 了-le	38	61.3	64	61.0
Akhir ayat 了-le	24	38.7	41	39.0
Jumlah	62	100	105	100

Merujuk kepada Jadual 4.7 di atas, purata bilangan kali salah bagi ‘kedudukan partikel 了-le tidak tepat’ dalam Kumpulan B ialah sebanyak 105 kali (kata kerja 了-le sebanyak

64 kali dan akhir ayat 了 *-le* sebanyak 41 kali) manakala Kumpulan A ialah sebanyak 62 kali (kata kerja 了 *-le* sebanyak 38 kali dan akhir ayat 了 *-le* sebanyak 24 kali). Maklumat yang dipaparkan ini menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan pelajar Melayu juga menghadapi masalah tentang tidak dapat menentukan kedudukan partikel 了 *-le* dengan tepat.

Dalam pemerhatian yang dilakukan, didapati bahawa pelajar dari kedua-dua Kumpulan A dan Kumpulan B tidak dapat mengenal pasti perbezaan di antara kata kerja 了 *-le* dengan akhir ayat 了 *-le*. Pelajar-pelajar Melayu mengandaikan bahawa partikel 了 *-le* yang digunakan selepas kata kerja atau partikel 了 *-le* yang digunakan pada hujung ayat adalah tiada perbezaan. Keadaan ini serupa dengan apa yang dijelaskan oleh Lu (2010, hlm. 175).

Menurut Lu (2010), pelajar-pelajar bahasa kedua sering berkeliru dengan kedudukan partikel 了 *-le* yang tepat dalam konteks ayat lalu melakukan kesilapan. Berikut adalah ayat yang mempunyai kesilapan dalam ujian bertulis kajian ini:

	Ayat yang mempunyai kesilapan	Ayat dalam terjemahan bahasa Melayu
(1)	Zuótiān wǒ gēntā qù le * 昨天我跟他去了 kàn diànyǐng。 看电影。	Semalam saya dengan dia pergi (le) menonton wayang.
(2)	zuótiān wǒ qù le yī yuàn * 昨天我去了医院 kàn yīshēng。 看医生。	Semalam saya pergi (le) hospital jumpa doktor.
(3)	Zuótiān , Húxīn hé Luó sī * 昨天，胡新和罗思 nà qù le gòuwù zhōngxīn 娜去了购物中心 mǎi dōng xī。 买东西。	Semalam, Hussin dan Rosnah pergi (le) pusat membeli-belah membeli barang.

Ketiga-tiga contoh jawapan di atas merupakan ayat yang mempunyai dua kata kerja (atau frasa kata kerja). Kata kerja (atau frasa kata kerja) yang kedua menerangkan tujuan bagi tindakan atau perbuatan yang sebelumnya. Walaupun wujudnya dua kata kerja (frasa kata kerja), penjelasannya dalam konteks ayat tersebut masih fokus terhadap satu perkara yang sama. Perkara yang dirujuk ini hanya dapat dicapai oleh kata kerja (frasa kata kerja) yang kedua.

Merujuk kepada contoh ayat 2, perbuatan “看医生-*kàn yī shēng*” (jumpa doktor) hanya dapat dicapai jika tindakan “去医院-*qù yī yuàn*” (pergi hospital) dilakukan. Keadaan juga sama dalam contoh ayat 3 di mana perbuatan “买东西-*mǎi dōng xī*” (membeli barang) hanya dapat dicapai jika tindakan “去购物中心-*qù gòu wù zhōng xīn*” (pergi pusat membeli-belah) dilakukan.

Maka, partikel 了 *-le* harus digunakan pada akhir ayat selepas frasa kata kerja dan bukannya selepas kata kerja pertama yang berada pada awal ayat. Menurut penjelasan daripada Li (1996, hlm. 95) dan Wang, Y. (2011, hlm. 18), kata kerja 了 *-le* tidak wujud selepas kata kerja yang pertama jika situasi konteks ayat adalah serupa dengan apa yang dibincangkan di atas. Ini adalah kerana fokus makna dalam ayat tersebut bukan kata kerja pertama, sama ada perkara yang dirujuk telah ‘selesai’ ataupun ‘belum’.

Di samping itu, partikel 了 *-le* patut digunakan selepas kata kerja pertama apabila masa berlaku suatu perbuatan tidak berkaitan dengan perkara tersebut. Dalam erti kata lain, penggunaan kata kerja 了 *-le* adalah untuk menerangkan dua perkara yang mempunyai hubungan ‘sebelum dan selepas’. Penggunaan kata kerja 了 *-le* tidak menerangkan perkara itu sudah ‘lepas’ atau ‘selesai’ atau ‘lampau’ dari segi masa. Dalam hal ini, pelajar dari Kumpulan A dan Kumpulan B tidak dapat menentukan kedudukan partikel 了 *-le* dengan tepat:

	Ayat yang mempunyai kesilapan	Ayat dalam terjemahan bahasa Melayu
B (4)	Wǒ dǎsuan xiàkè jiù huíjiā le。 * 我打算 下课就 回家了。	Saya merancang kelas tamat lalu balik rumah (le).
I (5)	Wǒ dǎsuan xiàkè le jiù huíjiā。 * 我打算 下课了 就 回家。	Saya merancang kelas tamat (le) lalu balik rumah.

a

Biasanya pelajar dari Kumpulan A memberi jawapan seperti contoh jawapan 4 dan contoh jawapan 5. Manakala contoh

jawapan bagi pelajar dari Kumpulan B adalah seperti contoh jawapan 5.

Berdasarkan contoh jawapan 4 di atas, partikel 了 *-le* tidak boleh diletakkan pada hujung ayat (seperti contoh jawapan 4). Ini adalah kerana makna ayat tersebut adalah berdasarkan makna ‘selesai’ bagi perkara pertama (下课 *-xi à k ě*) untuk menerangkan masa berlakunya perkara yang kedua (回家 *-hu í jiā*). Oleh yang demikian, keadaan seperti ini selalu digunakan untuk menunjukkan hubungan perkara tersebut adalah dalam situasi ‘sekarang’ atau ‘dari sekarang sehingga masa depan’.

Akan tetapi, kata kerja 了 *-le* tidak boleh diletakkan selepas kata kerja “下课 *-xi à k ě*” malah ia sepatutnya digunakan di tengah kata kerja “下课 *-xi à k ě*” dalam ayat tersebut, iaitu “下了课 *-xi à le k ě*”. Hal ini demikian adalah perkataan “下课 *-xi à k ě*” merupakan ‘separable word’ (离合词 *-l í h é c ħ*) yang bermaksud ‘kelas tamat’ (*finish class*). Di sini, kata kerja adalah “下 *-xi ě*” maka partikel 了 *-le* harus digunakan selepas “下 *-xi ě*” iaitu di tengah “下课 *-xi à k ě*”. Ramai pelajar dari Kumpulan A dan Kumpulan B menghadapi masalah dalam kata kerja yang boleh diasingkan seperti ini. Oleh itu, kesilapan ayat seperti contoh jawapan 5 di atas sering berlaku dalam ujian bertulis yang dijalankan.

Selain daripada ini, kesilapan dalam penggunaan partikel 了 *-le* juga sering berlaku apabila kata bantu aspek “已经 *-yǐ jīng*” tidak wujud dalam konteks ayat berkenaan. Pelajar dari Kumpulan A dan Kumpulan B selalu berkeliru dengan kedudukan partikel 了 *-le* dalam ayat tersebut. Majoriti pelajar Melayu (sama ada dari Kumpulan A atau Kumpulan B) membuat andaian bahawa partikel 了 *-le* adalah hampir sama dengan kata bantu aspek ‘sudah’ seperti dalam bahasa Melayu. Maka, kesilapan ayat seperti berikut wujud dalam ujian bertulis:

	Ayat yang mempunyai kesilapan	Ayat dalam terjemahan bahasa Melayu
(6)	Tā yí gè xīng qī le méiyǒu * 他一个星期了没有 lái shàngkè 。 来上课。	Dia satu minggu (le) tidak datang kelas.

Walaupun kata adverba “已经 *-yǐ jīng*” tidak wujud dalam ayat, makna ayat tersebut (tiada kata adverba “已经 *-yǐ jīng*”) dengan makna ayat yang mempunyai “已经 *-yǐ jīng*” adalah tetap sama, iaitu bermakna ‘sudah’ atau ‘telah’ jika partikel 了 *-le* digunakan pada hujung ayat.


Sebenarnya kata adverba “已经 *-yǐ jīng*” adalah wujud sebelum frasa kata nama iaitu “一个星期 *-yí gè xīng qī*” (seminggu), tetapi ramai pelajar Melayu cenderung meletakkan partikel 了 *-le* selepas frasa “一个星期 *-yí gè xīng qī*” untuk menggantikan makna ‘sudah’. Hal ini berlaku mungkin kerana

mereka kurang memahami struktur tetap “已经-*yǐ jīng*..... 了-*le*”.

Struktur seperti ini boleh wujud merujuk kepada partikel 了-*le* patut digunakan pada hujung bahagian predikat untuk menunjukkan ‘perubahan baru’ berlaku.

Secara ringkas, maklumat di atas adalah jelas menunjukkan bahawa ketiga-tiga jenis kesilapan ini memang wujud apabila pelajar-pelajar Melayu sama ada pelajar cemerlang (Kumpulan A) atau pelajar lemah (Kumpulan B) menggunakan partikel 了-*le*. Fenomena kesilapan yang wujud dalam ujian bertulis kajian ini dapat diringkaskan dan disimpulkan seperti carta di bawah ini:

Carta 1: Purata kekerapan kesilapan pelajar-pelajar Melayu dalam penggunaan partikel 了-*le* secara keseluruhan



Keadaan kesilapan seperti ini memberi gambaran bahawa pelajar-pelajar Melayu dalam kajian ini masih berada pada tahap awal dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Pelajar-pelajar Melayu tersebut dipercayai belum memahami '*sense of language*' bahasa Mandarin dengan bagus. Pelajar-pelajar ini adalah amat bergantung kepada pengetahuan bahasa ibunda dalam proses pemerolehan bahasa Mandarin.

Seksyen seterusnya membincangkan hasil dapatan daripada borang soal selidik dan temubual berstruktur yang telah dijalankan bersama dengan pelajar-pelajar Melayu tersebut. Perbincangan ini adalah bertujuan untuk meninjau keadaan penggunaan yang sebenar apabila mereka menggunakan partikel 了 *-le* dalam ujian bertulis kajian ini.

BAB 5

Perbincangan

5. Pengenalan

Bab ini bertujuan untuk membincangkan persoalan ketiga dan persoalan keempat dalam kajian ini, iaitu:

- i. Bagaimana cara pembelajaran penggunaan partikel ㄟ-le bagi kumpulan pelajar cemerlang dan kumpulan pelajar lemah? Adakah terdapat hubungan kolerasi di antara cara pembelajaran penggunaan partikel ㄟ-le dengan keputusan markah ujian bertulis? (Seksyen 5.1)
- ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu tidak dapat menggunakan partikel ㄟ-le dengan tepat? Adakah faktor pemindahan bahasa ibunda merupakan faktor utama? Mengapa? (Seksyen 5.2)

Dengan merujuk kepada borang soal selidik yang dikumpul balik dan maklum balas daripada temubual berstruktur, cara pembelajaran pelajar-pelajar Melayu apabila mereka menggunakan partikel ㄟ-le dalam ujian bertulis dibincangkan dalam Seksyen 5.1 secara terperinci. Dalam Seksyen 5.2 pula, faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu apabila mereka menggunakan partikel ㄟ-le dibincangkan dan dihuraikan berdasarkan pemerhatian terhadap hasil dapatan kajian ini. Tambahan lagi, satu perbincangan mengenai penggunaan partikel ㄟ-le dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu juga akan dihuraikan secara keseluruhan dalam Seksyen 5.3.

5.1. Cara Pembelajaran Pelajar-pelajar Melayu Dalam Penggunaan Partikel 了-le

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada borang soal selidik, seksyen ini memberi penerangan lanjut tentang keadaan sebenar cara pembelajaran pelajar-pelajar Melayu (Kumpulan A dan Kumpulan B) dalam penggunaan partikel 了-le semasa mereka menjawab soalan ujian bertulis. Kemudian, maklum balas daripada 5 orang pelajar dalam kumpulan cemerlang (Kumpulan A) dan 5 orang pelajar dalam kumpulan lemah (Kumpulan B) dibincangkan. Huraian diberi fokus kepada cara pembelajaran yang paling kerap digunakan oleh Kumpulan A dan Kumpulan B masing-masing.

5.1.1. Hasil Dapatan Borang Soal Selidik

Daripada pemerhatian yang dilakukan terhadap hasil dapatan soal selidik, pelajar-pelajar Melayu menggunakan beberapa cara pembelajaran untuk menyelesaikan masalah dalam konteks ayat yang mempunyai partikel 了-le. Antara cara pembelajaran yang terlibat adalah memindahkan pengetahuan bahasa ibunda, merujuk kepada petunjuk mengenai makna tatabahasa, merujuk kepada petunjuk mengenai perkembangan konteks ayat, dan bergantung kepada pemahaman naluri bahasa sendiri.

Cara-cara pembelajaran mereka ini boleh dikatakan merupakan cara penyelesaian masalah mereka tersendiri apabila menemui struktur partikel 了-le yang begitu rumit. Dari segi

bentuk luaran, kata kerja 了-le dan akhir ayat 了-le adalah sama. Akan tetapi, cara pembelajaran bagi pelajar Kumpulan A dan Kumpulan B adalah agak berlainan dalam penggunaan kata kerja 了-le dan akhir ayat 了-le.

Daripada soal selidik yang dijalankan, satu ringkasan statistik deskriptif mengenai cara pembelajaran pelajar-pelajar Melayu dalam penggunaan partikel 了-le dihasilkan dengan menggunakan SPSS, iaitu seperti Jadual 5.1 di bawah:

Jadual 5.1: Ringkasan statistik deskriptif tentang cara pembelajaran pelajar-pelajar Melayu dalam penggunaan partikel 了-le

Cara Pembelajaran Dalam Penggunaan Partikel 了-le		Kumpulan A (n=20)		Kumpulan B (n=20)	
		Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)
IBUNDA	Memindahkan pengetahuan bahasa ibunda	3.06	0.67	3.46	0.62
MAKNA	Merujuk kepada petunjuk mengenai makna bahasa	4.10	0.49	3.19	0.61
KONTEKS	Merujuk kepada petunjuk mengenai perkembangan konteks ayat	3.75	0.73	2.30	0.74
NALURI	Bergantung kepada pemahaman naluri bahasa sendiri	3.08	0.55	3.28	0.73

(Nilai Skala *Likert*: 1=Paling tidak benar, 2=Tidak benar, 3=Neutral, 4=Benar, 5=Paling benar)

Dalam Jadual 5.1 di atas, purata nilai skala *Likert* daripada borang soal selidik yang ditunjukkan. Daripada atas, didapati bahawa cara pembelajaran ‘merujuk kepada petunjuk mengenai makna tatabahasa’ (M=4.10) paling menepati situasi pelajar Melayu dari Kumpulan A apabila mereka menggunakan

partikel 了 *-le* dalam ayat. Seterusnya, cara pembelajaran yang menepati situasi pelajar dari Kumpulan A adalah diikuti dengan ‘merujuk kepada petunjuk mengenai perkembangan konteks ayat’ (M=3.75), ‘bergantung kepada pemahaman naluri bahasa sendiri’ (M=3.08) serta ‘memindahkan pengetahuan bahasa ibunda’ (M=3.06).

Bagi pelajar dari Kumpulan B, cara pembelajaran ‘memindahkan pengetahuan bahasa ibunda’ (M=3.46) paling menepati situasi mereka apabila menggunakan partikel 了 *-le* dalam ayat. Kemudian, cara pembelajaran yang menepati situasi pelajar dari Kumpulan B adalah diikuti dengan ‘bergantung kepada pemahaman naluri bahasa sendiri’ (M=3.28), ‘merujuk kepada petunjuk mengenai makna tatabahasa’ (M=3.19) serta ‘merujuk kepada petunjuk mengenai perkembangan konteks ayat’ (M=2.30).

Dalam proses pemerolehan partikel 了 *-le*, kedua-dua kumpulan pelajar Melayu (Kumpulan A dan Kumpulan B) seolah-olahnya cenderung ‘menggunakan pengalaman dan pengetahuan umum sendiri’ untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam struktur ayat partikel 了 *-le*. Ini bermakna penguasaan pelajar-pelajar Melayu terhadap partikel 了 *-le* bukan hanya bergantung kepada pengetahuan dalam kelas sahaja. Pada pendapat pengkaji, mereka cenderung menerokai bahasa itu

sendiri dan lebih bergantung kepada '*sense of language*' masing-masing.

Maka, keupayaan '*sense of language*' dan kesedaran bahasa (*language awareness*) boleh dikatakan memainkan peranan yang agak penting dalam proses pemerolehan bahasa kedua. Namun, kesedaran seperti ini memang merupakan suatu keadaan yang rumit. Pembelajaran melalui keupayaan '*sense of language*' dan kesedaran bahasa juga menyebabkan kesilapan berlaku dalam penggunaan partikel ㄟ-le.

Daripada pemerhatian terhadap item-item dalam borang soal selidik²¹, apa yang dapat diperhatikan adalah pelajar Melayu dari Kumpulan A menggunakan cara pembelajaran partikel ㄟ-le yang berbeza dengan pelajar Melayu dari Kumpulan B. Dalam erti kata lain, kedua-dua kumpulan pelajar Melayu menggunakan cara pembelajaran partikel ㄟ-le yang berlainan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi apabila menjawab soalan ujian bertulis. Cara pembelajaran yang 'paling benar' situasinya dan menepati keadaan penggunaan partikel ㄟ-le Kumpulan A adalah seperti Jadual 5.2 di bawah:

²¹ Sila rujuk kepada Lampiran E.

Jadual 5.2: Cara pembelajaran paling menepati keadaan penggunaan partikel 了 *-le* Kumpulan A

Cara Pembelajaran Dalam Penggunaan Partikel 了 <i>-le</i>		Kumpulan A (n=20)	
		Min (M)	Sisihan Piawai (SD)
(Item 14) NALURI-1	Saya menggunakan pengalaman dan pengetahuan umum sendiri untuk memahami makna ayat partikel 了 <i>-le</i> .	4.65	0.49
(Item 6) MAKNA-1	Saya menggunakan partikel 了 <i>-le</i> jika terdapat kata nama masa seperti 昨天 <i>-zuó tiān</i> (semalam), 上个月 <i>-shàng gè yuè</i> (bulan lepas), dan lain-lain dalam ayat tersebut.	4.65	0.49
(Item 12) KONTEKS-2	Saya menggunakan partikel 了 <i>-le</i> selepas kata adjektif jika terdapat kata adverba seperti 太 <i>-tài</i> dalam konteks ayat tersebut.	4.25	0.72

Daripada Jadual 5.2 di atas, didapati bahawa pelajar dari Kumpulan A paling kerap dalam menggunakan pengalaman dan pengetahuan umum sendiri untuk memahami makna ayat partikel 了 *-le* (NALURI-1: M=4.65) dan merujuk kepada petunjuk mengenai kata nama masa (MAKNA1: M=4.65). Selain itu, mereka juga biasa dengan cara pembelajaran yang merujuk kepada petunjuk mengenai struktur kata adverba dalam konteks ayat (KONTEKS-2: M=4.25) apabila menjawab soalan partikel 了 *-le* dalam ujian bertulis.

Cara pembelajaran yang ‘paling benar’ situasinya dan menepati keadaan penggunaan partikel 了 *-le* bagi Kumpulan B adalah seperti Jadual 5.3 di bawah:

Jadual 5.3: Cara pembelajaran paling menepati keadaan penggunaan partikel 了-le Kumpulan B

Cara Pembelajaran Dalam Penggunaan Partikel 了-le		Kumpulan B (n=20)	
		Min (M)	Sisihan Piawai (SD)
(Item 1) IBUNDA-1	Saya menggunakan bahasa ibunda untuk memahami makna bahasa Mandarin dalam konteks ayat partikel 了-le.	3.95	0.60
(Item 2) IBUNDA-2	Saya mencari perkataan-perkataan yang serupa dengan bahasa ibunda dalam ayat bahasa Mandarin apabila memahami ayat partikel 了-le.	3.80	0.77
(Item 14) NALURI-1	Saya menggunakan pengalaman dan pengetahuan umum sendiri untuk memahami makna ayat partikel 了-le.	3.75	0.64

Seperti Jadual 5.3 di atas, pelajar-pelajar Melayu dari Kumpulan B paling kerap merujuk kepada bahasa ibunda untuk memahami makna bahasa Mandarin dalam konteks ayat partikel 了-le (IBUNDA-1: M=3.95). Kemudian, mereka juga sering mencari perkataan-perkataan yang serupa dengan bahasa ibunda dalam ayat bahasa Mandarin apabila memahami ayat partikel 了-le (IBUNDA-2: M=3.80). Maklumat yang dipaparkan juga menunjukkan bahawa mereka biasa dengan menggunakan pengalaman dan pengetahuan umum sendiri untuk menggunakan partikel 了-le (NALURI-1 M=3.75).

Berdasarkan maklumat yang ditunjukkan di atas, dapat disimpulkan bahawa pelajar-pelajar Melayu dari Kumpulan B amat bergantung kepada pengetahuan bahasa ibunda selain daripada bergantung kepada pengalaman dan pengetahuan umum sendiri apabila menggunakan partikel 了-le dalam ujian bertulis.

Bagi pelajar-pelajar Melayu dari Kumpulan A pula, mereka amat bergantung kepada pengalaman dan pengetahuan umum sendiri selain daripada merujuk kepada petunjuk mengenai makna bahasa dan perkembangan dalam konteks ayat berkenaan apabila menggunakan partikel 了 *-le* dalam ujian bertulis.

5.1.2. Hasil Dapatan Temubual Berstruktur

Untuk mengetahui keadaan penggunaan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu secara terperinci, satu sesi temubual berstruktur bersama dengan 5 orang pelajar dari Kumpulan A dan 5 orang pelajar dari Kumpulan B telah dijalankan. Melalui temubual ini, keadaan pelajar-pelajar Melayu apabila menggunakan partikel 了 *-le* dapat dijelaskan secara mendalam.

Merujuk kepada keputusan nilai daripada borang soal selidik, tiga soalan dipilih untuk ditanya kepada pelajar dari Kumpulan A. Ketiga-tiga soalan ini adalah dibina berdasarkan hasil dapatan daripada Jadual 5.2 di atas. Soalan-soalan tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Mengapa anda menggunakan pengalaman dan pengetahuan umum sendiri untuk memahami makna ayat partikel 了 *-le*? (Item 14)
- 2) Bagaimana anda menggunakan partikel 了 *-le* apabila terdapat kata nama masa seperti 昨天 *-zuó tiān* (semalam), 上个月 *-shàng gè yuè* (bulan lepas) dalam ayat tersebut? (Item 6)

- 3) Bagaimana anda menggunakan partikel 了 *-le* selepas kata adjektif jika terdapat kata adverba seperti 太 *-tài* dalam konteks ayat tersebut? (Item 12)

Bagi pelajar dari Kumpulan B, tiga soalan dipilih untuk ditanya adalah berdasarkan hasil dapatan daripada Jadual 5.3 di atas. Soalan-soalan tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Bagaimana anda menggunakan bahasa ibunda untuk memahami makna bahasa Mandarin dalam konteks ayat partikel 了 *-le*? (Item 1)
- 2) Bagaimana anda mencari perkataan-perkataan yang serupa dengan bahasa ibunda dalam ayat bahasa Mandarin apabila memahami ayat partikel 了 *-le*? (Item 2)
- 3) Mengapa anda menggunakan pengalaman dan pengetahuan umum sendiri untuk memahami makna ayat partikel 了 *-le*? (Item 14)

Dalam sesi temubual tersebut, pelajar-pelajar dari Kumpulan A dan Kumpulan B ditanya soalan mengenai item 14 dalam borang soal selidik, iaitu NALURI-1 (*Saya menggunakan pengalaman dan pengetahuan umum sendiri untuk memahami makna ayat partikel 了 *-le**). Maklumat yang diperolehi daripada pelajar-pelajar Melayu dalam sesi temubual adalah seperti berikut:

Item 14: Mengapa anda menggunakan pengalaman dan pengetahuan umum sendiri untuk memahami makna ayat partikel 了-le?

Bagi Item 14, semua pelajar iaitu Kumpulan A (n=5) dan Kumpulan B (n=5) turut menyatakan bahawa cara ini merupakan cara alternatif yang paling berkesan dalam pembelajaran bahasa asing.

Pelajar H menerangkan bahawa dia sering memahami makna ayat itu dengan pengetahuan umumnya. Dia berkata lagi, cara ini dapat membantunya untuk menjawab soalan.

Pelajar J menjelaskan bahawa dia terpaksa menggunakan pengetahuan umum sendiri kerana pemahamannya terhadap bahasa sasaran adalah lemah. Dia juga mencadangkan penambahan jumlah waktu bertemu bagi kelas bahasa Mandarin. Ini adalah kerana jumlah waktu bertemu 2 jam seminggu memang tidak cukup.

Pelajar E memberi penjelasan bahawa dia baru mempelajari bahasa Mandarin dua semester. Dia hanya dapat menguasai bahasa Mandarin yang asas dalam tempoh masa lebih kurang lapan bulan sahaja. Pada pendapatnya, cara menggunakan pengalaman dan pengetahuan umum sendiri untuk memahami ayat bahasa Mandarin merupakan cara yang paling berguna jika tidak dapat menjawab soalan berkaitan.

Dalam hal ini, pelajar B menuntut bahawa peluang menggunakan bahasa Mandarin dalam kelas bahasa Mandarin

amat kurang. Ini disebabkan pelajar hanya dapat belajar pengetahuan baru dalam waktu kelas. Namun, mereka tidak sempat mengaplikasikan pengetahuan yang baru dipelajari dalam kelas.

Bagi pelajar-pelajar dari Kumpulan A, mereka juga ditanya soalan mengenai item 6 dalam borang soal selidik, iaitu MAKNA-1 (*Saya menggunakan partikel 了-le jika terdapat kata nama masa seperti 昨天-zuó tiān (semalam), 上个月-shàng gè yuè (bulan lepas), dan lain-lain dalam ayat tersebut*). Maklumat yang telah dikumpul adalah seperti di bawah:

Item 6: Bagaimana anda menggunakan partikel 了-le apabila terdapat kata nama masa seperti 昨天-zuó tiān (semalam), 上个月-shàng gè yuè (bulan lepas) dalam ayat tersebut?

Dalam item 6, semua pelajar Melayu Kumpulan A (n=5) mengakui bahawa mereka beranggapan makna bahasa bagi kata nama masa seperti “昨天-zuó tiān” (semalam) dan “上个月-shàng gè yuè” (bulan lepas) adalah hampir serupa dengan makna bahasa Melayu iaitu bahasa ibunda mereka.

Pelajar A mengatakan bahawa makna perkataan seperti “昨天-zuó tiān” (semalam) adalah jelas menunjukkan perkara itu berlaku pada hari semalam, maka partikel 了-le harus digunakan.

Pelajar C berkata pula, ayat yang mempunyai perkataan “昨天-zuó tiān” (semalam) bermakna perkara yang dirujuk sudah

lepas, dan perkataan tersebut hampir sama dengan ‘*past tense*’ dalam bahasa Inggeris.

Pelajar D menghuraikan lagi, penggunaan partikel 了-*le* dalam ayat yang mempunyai perkataan “昨天-*zuó tiān*” adalah seperti ‘*yesterday*’ dalam struktur ayat bahasa Inggeris. Perkataan ini telah memberi ‘*tips*’ bahawa kita perlu menggunakan ‘-*ed*’ (*past tense*).

Bagi item 12 dalam borang soal selidik, iaitu KONTEKS-1 (*Saya menggunakan partikel 了-*le* selepas kata adjektif jika terdapat kata adverbial seperti 太-*tài* dalam konteks ayat tersebut*).

Maklumat yang dikumpul adalah seperti berikut:

Item 12: Bagaimana anda menggunakan partikel 了-*le* selepas kata adjektif jika terdapat kata adverbial seperti 太-*tài* dalam konteks ayat tersebut?

Bagi item 12, semua pelajar Melayu dalam Kumpulan A (n=5) mengatakan bahawa cara penyelesaian masalah dalam ayat partikel 了-*le* adalah merujuk kepada perkembangan konteks ayat tersebut apabila isi kandungan berkenaan sukar difahami.

Apa yang diperolehi daripada pandangan pelajar I adalah dia selalu mendapat dengar rakan berbangsa Cina menggunakan struktur “太肥了- *tài fā le*” (terlalu gemuk) dalam pertuturan harian mereka. Oleh yang demikian, pelajar A dapat menguasai

jenis struktur kata adverba “太……了 -*tài.....le*” yang tetap tersebut.

Pelajar B menjelaskan bahawa dia masih dapat mengingat guru bahasa Mandarin selalu menggunakan kata pujian “太好了 - *tài hǎo le*” (amat baik) dalam kelas bahasa. Maka, dia boleh menentukan kedudukan partikel 了 -*le* patut diletakkan selepas kata adjektif dalam jenis struktur kata adverba tersebut, misalnya “太有趣了 -*tài yǒu qù le*” (*so funny*).

Pelajar D pula menegaskan bahawa dia masih ingat bahawa dia pernah jumpa struktur tetap partikel ini dalam buku teks dan latihan tubi bahasa Mandarin.

Bagi pelajar-pelajar dari Kumpulan B, mereka juga ditanya soalan mengenai item 1 dalam borang soal selidik, iaitu IBUNDA-1 (*Saya menggunakan bahasa ibunda untuk memahami makna bahasa Mandarin dalam konteks ayat partikel 了 -le*). Maklum balas mereka adalah seperti berikut:

Item 1: Bagaimana anda menggunakan bahasa ibunda untuk memahami makna bahasa Mandarin dalam konteks ayat partikel 了 -le?

Dalam Kumpulan B, didapati bahawa pelajar-pelajar Melayu lebih bergantung kepada pengetahuan bahasa ibunda mereka. Bagi item 1 ini, semua pelajar Kumpulan B (n=5) memberi penjelasan bahawa cara pemindahan bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa Mandarin adalah paling senang.

Tambahan pula, cara tersebut tidak perlu mengambil masa yang panjang untuk menentukan jawapan dalam bahasa Mandarin.

Pelajar F mengatakan bahawa kedudukan partikel 了 *-le* dalam ayat memang sukar ditentukan. Dia selalu menentukan kedudukan partikel 了 *-le* yang sesuai selepas terjemahan dilakukan.

Pelajar I menghuraikan lagi, kadang-kala dia lupa akan menggunakan partikel 了 *-le* selepas membuat terjemahan daripada bahasa Melayu. Akibatnya, partikel 了 *-le* tidak digunakan dalam ayat itu.

Pelajar G menerangkan bahawa dia memindahkan pengetahuan bahasa Melayu apabila menggunakan ayat yang mempunyai partikel 了 *-le*. Ini adalah kerana dia tidak faham maksud perkataan dalam ayat tersebut.

Bagi item 2 dalam borang soal selidik, iaitu IBUNDA-2 (*Saya mencari perkataan-perkataan yang serupa dengan bahasa ibunda dalam ayat bahasa Mandarin apabila memahami ayat partikel 了 *-le**). Maklum balas daripada mereka adalah seperti di bawah ini:

Item 2: Bagaimana anda mencari perkataan-perkataan yang serupa dengan bahasa ibunda dalam ayat bahasa Mandarin apabila memahami ayat partikel 了-le?

Bagi item 2, semua pelajar Kumpulan B (n=5) melaporkan bahawa mereka cenderung mencari terjemahan perkataan-perkataan dalam bahasa ibunda apabila menemui ayat dalam bahasa Mandarin.

Pelajar J menjelaskan bahawa dia mesti memahami maksud ayat bahasa Mandarin satu perkataan demi satu perkataan sebelum menjawab soalnya. Oleh sebab itu, dia sering mencari perkataan-perkataan yang serupa dengan bahasa Melayu untuk memahami ayat bahasa Mandarin.

Pelajar H berkata lagi, perkataan seperti “了-le” adalah hampir serupa dengan perkataan ‘sudah’. Ini dapat membantunya dalam memahami makna ayat berkenaan.

Dengan merujuk kepada maklumat yang diperolehi di atas, kedua-dua kumpulan pelajar-pelajar Melayu (Kumpulan A dan Kumpulan B) seolah-olahnya cenderung menggunakan pengalaman dan pengetahuan umum sendiri untuk menggunakan partikel 了-le. Dalam proses pemerolehan partikel 了-le, penguasaan pelajar-pelajar Melayu terhadap partikel 了-le bukan hanya bergantung kepada pengetahuan dalam kelas, malah mereka cenderung menerokai bahasa sasaran itu sendiri dan lebih bergantung kepada keupayaan ‘sense of language’.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Melayu cemerlang (Kumpulan A) lebih bergantung kepada makna tatabahasa untuk menggunakan partikel 了 *-le*. Ini dapat diperhatikan dalam ayat yang mempunyai kata nama masa, seperti “昨天-*zuó tiān*” (semalam) dan “上个月-*shàng gè yuè*” (bulan lepas) yang menunjukkan masa lampau.

Apabila masa rujukan adalah jelas menunjukkan makna ‘lampau’ dalam ayat tersebut, pelajar-pelajar Melayu cemerlang (Kumpulan A) dapat menggunakan partikel 了 *-le* dalam ayat dengan tepat. Daripada maklum balas pelajar Melayu di atas, apa yang dapat diperhatikan adalah makna “昨天-*zuó tiān*” (semalam) jelas menunjukkan ‘perkara telah berlaku’. Sebilangan pelajar Melayu mengandaikan bahawa kata kerja 了 *-le* tidak perlu digunakan jika tiada makna ‘masa lampau’ dalam ayat itu. Dalam hal ini, pelajar Melayu dari Kumpulan A dapat menunjukkan bahawa keadaan spesifik ini perlu menggunakan partikel 了 *-le* disebabkan makna kata nama masa ‘lampau’ adalah serupa dengan bahasa Inggeris.

Apabila menggunakan partikel 了 *-le* dalam ayat, pelajar-pelajar Melayu cemerlang dalam Kumpulan A juga merujuk kepada petunjuk mengenai perkembangan konteks ayat, iaitu seperti jenis ayat ‘kata adjektif + 了 *-le*’. Pelajar-pelajar Melayu cemerlang amat bergantung kepada petunjuk kata adverba “太-*tài*” apabila menggunakan partikel 了 *-le* dalam ayat. Ini adalah

kerana mereka menghubungkan kait “太-*tǎi*” dengan akhir ayat 了-*le*. Maka, mereka dapat menggunakan akhir ayat 了-*le* dalam ayat yang mempunyai struktur tetap “太-*tǎi*.....了-*le*” dengan tepat.

Di samping itu, cara memindahkan pengetahuan bahasa ibunda apabila menggunakan partikel 了-*le* juga merupakan salah satu cara pembelajaran yang utama bagi pelajar-pelajar Melayu lemah dari Kumpulan B. Daripada maklum balas dalam sesi temubual yang dijalankan, pelajar-pelajar tersebut menjelaskan bahawa cara memindahkan bahasa ibunda atau membuat terjemahan langsung boleh mendapat pemahaman yang asas terhadap makna ayat bahasa Mandarin sebelum mereka menggunakan partikel 了-*le*.

Sebenarnya, bahasa Mandarin adalah tidak sama dengan bahasa Melayu walaupun kedua-dua bahasa mempunyai tanda ‘aspek’ (*aspect*) dan tiada sistem kala (*tense*). Bahasa Mandarin mempunyai kata adverba “已经-*yǐ jīng*” yang serupa dengan kata bantu aspek bahasa Melayu ‘sudah’ atau ‘telah’. Selain itu, bahasa Mandarin juga terdapat partikel 了-*le* yang merujuk kepada konsep ‘aspek’ yang boleh digunakan dalam keadaan ‘masa lampau’, ‘keadaan semasa’ dan ‘masa depan’.

Kebanyakan perbuatan yang selesai biasanya berlaku pada masa lampau. Maka, kesan positif pemindahan bahasa ibunda dapat membantu pelajar-pelajar Melayu menggunakan partikel 了-*le* dalam ayat dengan betul. Namun, keadaan

bagaimana pelajar-pelajar Melayu menguasai kata kerja 了 *-le* adalah sukar ditentukan. Hal ini berlaku adalah kerana kita tidak dapat menentukan cara pembelajaran mereka dalam penggunaan partikel 了 *-le*. Apabila menggunakan partikel 了 *-le*, mereka sama ada merujuk kepada petunjuk makna kata nama masa “昨天-*zuó tiān*” ataupun mereka memang sudah menguasai konsep ‘selesai’ bagi kata kerja 了 *-le*?

Dalam kajian ini, pelajar-pelajar Melayu dari Kumpulan A cenderung menghubungkan partikel 了 *-le* dengan segala perkara dan perbuatan yang berlaku pada masa lampau. Pada halnya, penguasaan mereka dalam penggunaan partikel kata kerja 了 *-le* boleh dikatakan adalah merujuk kepada konsep ‘aspek’ dalam bahasa Melayu. Akan tetapi, cara pembelajaran yang merujuk kepada konsep ‘aspek’ ini juga boleh dijadikan sebagai cara memindahkan pengetahuan bahasa ibunda mereka.

Apabila pelajar-pelajar Melayu dari Kumpulan A menemui konteks ayat yang merujuk kepada perkara berlaku pada masa depan, mereka cenderung mengabaikan penggunaan partikel 了 *-le*. Keadaan ‘partikel 了 *-le* tidak digunakan walaupun diperlukan’ paling biasa berlaku (seperti yang ditunjukkan dalam seksyen 4.3) menerangkan bahawa pelajar-pelajar Melayu memindahkan pengetahuan bahasa pertama mereka dalam penggunaan partikel 了 *-le*. Ini kerana bahasa pertama mereka

tiada komposisi tatabahasa yang serupa dengan bahasa sasaran seperti partikel 了 *-le* sehingga pelbagai kesilapan berlaku.

Pendek kata, cara penyelesaian masalah dalam penggunaan partikel 了 *-le* seperti pelajar-pelajar Melayu ini memang tidak dapat dielakkan. Gangguan daripada bahasa ibunda juga tidak harus dilihat sebagai satu halangan dalam proses pemerolehan partikel 了 *-le*. Pengaruh bahasa pertama terhadap bahasa kedua sepatutnya dilihat sebagai salah satu cara pembelajaran dalam kalangan pelajar bahasa kedua.

5.1.3. Hubungan Kolerasi Cara Pembelajaran Penggunaan Partikel 了 *-le* Dengan Keputusan Markah Ujian Bertulis

Memandangkan cara penyelesaian masalah dalam pembelajaran bahasa kedua tidak dapat dielakkan, maka cara pembelajaran dalam penggunaan partikel 了 *-le* patut dilihat sebagai salah satu cara pembelajaran yang penting dalam proses pemerolehan partikel 了 *-le*. Seperti yang dibincangkan dalam seksyen di atas, keadaan bagaimana pelajar-pelajar Melayu menguasai kata kerja 了 *-le* dan akhir ayat 了 *-le* adalah sukar ditentukan. Kadang-kala, kesan positif pemindahan bahasa ibunda dapat membantu pelajar-pelajar Melayu menggunakan partikel 了 *-le* dalam ayat dengan betul. Namun, kesilapan dalam penggunaan partikel 了 *-le* juga mungkin disebabkan oleh cara pemindahan bahasa ibunda.

Oleh yang demikian, bagaimana cara-cara pembelajaran dalam penggunaan partikel *了-le* berhubung kait dengan keputusan markah dalam Kumpulan A dan Kumpulan B masing-masing adalah perlu dikaji. Untuk melihat hubungan korelasi di antara cara pembelajaran penggunaan partikel *了-le* dengan keputusan markah ujian bertulis, satu analisis dengan menggunakan korelasi Pearson (*Pearson Correlation*) telah dijalankan. Berdasarkan analisis dalam SPSS, hubungan korelasi di antara cara pembelajaran dalam penggunaan partikel *了-le* dengan keputusan markah ujian bertulis telah dihasilkan seperti berikut:

Jadual 5.4: Korelasi *Pearson* di antara cara pembelajaran penggunaan partikel *了-le* dengan keputusan markah ujian bertulis bagi Kumpulan A dan Kumpulan B

Cara Pembelajaran Penggunaan Partikel <i>了-le</i>		Keputusan Markah Ujian Bertulis	
		Kumpulan A (n=20)	Kumpulan B (n=20)
IBUNDA-1	<i>Pearson Correlation</i>	.032	.646(**)
IBUNDA-2	<i>Pearson Correlation</i>	.365	.537(*)
IBUNDA-3	<i>Pearson Correlation</i>	.070	.331
IBUNDA-4	<i>Pearson Correlation</i>	.256	.433
IBUNDA-5	<i>Pearson Correlation</i>	.441	-.194
MAKNA-1	<i>Pearson Correlation</i>	.072	.434
MAKNA-2	<i>Pearson Correlation</i>	-.087	.340
MAKNA-3	<i>Pearson Correlation</i>	.150	.577(**)
MAKNA-4	<i>Pearson Correlation</i>	-.058	.622(**)
MAKNA-5	<i>Pearson Correlation</i>	-.106	.063
KONTEKS-1	<i>Pearson Correlation</i>	.535(*)	.489(*)
KONTEKS-2	<i>Pearson Correlation</i>	.388	.473(*)
KONTEKS-3	<i>Pearson Correlation</i>	.314	-.118
NALURI-1	<i>Pearson Correlation</i>	.013	.373
NALURI-2	<i>Pearson Correlation</i>	.032	.646(**)
NALURI-3	<i>Pearson Correlation</i>	-.063	.551(*)

(*). *Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).*

(**). *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).*

Merujuk kepada Jadual 5.4 di atas, hubungan di antara cara pembelajaran dalam penggunaan partikel 了 *-le* dengan keputusan markah ujian bertulis bagi Kumpulan A dan Kumpulan B adalah jelas ditunjukkan. Secara keseluruhannya, Kumpulan A menunjukkan wujudnya hubungan korelasi yang amat signifikan di antara KONTEKS (merujuk kepada petunjuk mengenai perkembangan konteks ayat) dengan keputusan markah ujian bertulis. Bagi Kumpulan B, nilai korelasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara NALURI (bergantung kepada pemahaman naluri bahasa sendiri), IBUNDA (memindahkan bahasa ibunda), MAKNA (merujuk kepada petunjuk mengenai makna bahasa) dan KONTEKS (merujuk kepada petunjuk mengenai perkembangan konteks ayat) dengan keputusan markah ujian bertulis.

Dalam Kumpulan A, hubungan korelasi di antara konteks ayat partikel 了 *-le* (*KONTEKS-1: Saya menggunakan partikel 了 *-le* pada hujung ayat apabila terdapat kata bantu aspek seperti 已经 *-yǐ jīng* dalam konteks ayat tersebut*) dengan keputusan markah ujian bertulis adalah sangat signifikan, iaitu $r(20) = 0.535$, $p < 0.05$. Hal ini menunjukkan bahawa kewujudan kata bantu aspek “已经 *-yǐ jīng*” dalam konteks ayat merupakan petunjuk utama menggunakan partikel 了 *-le*. Kewujudan “已经 *-yǐ jīng*” menyebabkan partikel 了 *-le* sering diabaikan. Kemudian,

penggunaan partikel 了 *-le* mempengaruhi keputusan markah ujian bertulis bagi kumpulan pelajar cemerlang.

Dalam aspek KONTEKS, hubungan kolerasi di antara konteks ayat partikel 了 *-le* dengan keputusan markah ujian bertulis dalam Kumpulan B juga amat bersignifikasi. Dalam Kumpulan B, KONTEKS-1 (*Saya menggunakan partikel 了 *-le* pada hujung ayat apabila terdapat kata bantu aspek seperti 已经 *-yǐ jīng* dalam konteks ayat tersebut.*) mempunyai nilai korelasi $r(20) = 0.489$, $p < 0.05$ dan KONTEKS-2 (*Saya menggunakan partikel 了 *-le* selepas kata adjektif jika terdapat kata adverba seperti 太 *-tài* dalam konteks ayat tersebut.*) mempunyai nilai korelasi $r(20) = 0.473$, $p < 0.05$. Nilai kolerasi ini menunjukkan bahawa penggunaan partikel 了 *-le* bagi kumpulan pelajar lemah juga dipengaruhi oleh kewujudan petunjuk seperti kata bantu aspek “已经 *-yǐ jīng*” dan kata adverba “太 *-tài*” dalam konteks ayat berkenaan.

Sebagai contoh, pelajar Melayu yang berupaya merujuk kepada kata adverba “太 *-tài*” dalam konteks ayat seperti “太好了 *- tài hǎo le*” (amat baik) dan “太有趣了 *-tài yǒu qù le*” (*so funny*) dapat menjawab soalan dengan betul. Oleh kerana mereka menghubungkan “太 *-tài*” dengan akhir ayat 了 *-le*, maka mereka dapat menggunakan akhir ayat 了 *-le* dalam ayat afirmatif (*affirmative sentence*) dengan betul. Ini bermakna pelajar Melayu

boleh menggunakan partikel 了 *-le* dengan betul jika mereka dapat menggolongkan penggunaan partikel 了 *-le* dalam situasi tertentu berdasarkan konteks ayat atau makna dalam ayat. Sebaliknya, pelajar Melayu tidak menggunakan partikel 了 *-le* jika partikel 了 *-le* tiada petunjuk yang khas dirujuk dalam konteks ayat tersebut. Dalam erti kata lain, penggunaan partikel 了 *-le* juga akan mempengaruhi keputusan ujian bertulis di samping cara pembelajaran dalam penggunaan partikel 了 *-le*.

Dalam kategori NALURI, Kumpulan B menunjukkan hubungan korelasi yang signifikan di antara naluri bahasa sendiri dengan keputusan markah ujian bertulis. Nilai korelasi bagi NALURI-3 (*Pada pendapat saya, partikel 了 *-le* yang digunakan selepas kata kerja dan partikel 了 *-le* yang digunakan pada hujung ayat adalah sama, kedua-dua tiada perbezaan*) ialah $r(20) = 0.551$, $p < 0.05$ serta NALURI-2 (*Saya menggunakan pengetahuan sendiri terhadap topik itu untuk memahami ayat partikel 了 *-le**) ialah $r(20) = 0.646$, $p < 0.01$. Hal ini menunjukkan bahawa kumpulan pelajar lemah amat bergantung kepada cara pembelajaran penggunaan partikel 了 *-le* melalui naluri bahasa sendiri. Sebaliknya, nilai korelasi bagi kategori NALURI yang hampir 0 dalam Kumpulan A menerangkan bahawa kumpulan pelajar cemerlang jarang bergantung kepada naluri bahasa sendiri apabila menjawab soalan partikel 了 *-le* ujian bertulis. Keadaan

ini menjelaskan bahawa guna atau tidak guna partikel 了 *-le* boleh dipengaruhi cara pembelajaran NALURI dan seterusnya mempengaruhi keputusan ujian bertulis.

Maklumat di atas juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan kolerasi yang signifikan di antara IBUNDA dengan keputusan markah ujian bertulis dalam Kumpulan B. Ini dapat ditunjukkan dalam nilai kolerasi IBUNDA-2 (*Saya mencari perkataan-perkataan yang serupa dengan bahasa ibunda dalam ayat bahasa Mandarin apabila memahami ayat partikel 了 *-le**), iaitu $r(20) = 0.537$, $p < 0.05$ serta nilai kolerasi IBUNDA-1 (*Saya menggunakan bahasa ibunda untuk memahami makna bahasa Mandarin dalam konteks ayat partikel 了 *-le**) iaitu $r(20) = 0.646$, $p < 0.01$. Keadaan nilai korelasi kategori IBUNDA yang tinggi dalam Kumpulan B dapat menerangkan bahawa kumpulan pelajar lemah adalah lebih cenderung memindahkan bahasa ibunda dalam penggunaan partikel 了 *-le* berbanding dengan kumpulan pelajar cemerlang.

Daripada maklumat yang dipaparkan di atas tidak menunjukkan terdapat hubungan korelasi yang signifikan di antara IBUNDA dengan keputusan markah ujian bertulis dalam Kumpulan A. Namun, apa yang dapat diperhatikan adalah Kumpulan A mempunyai nilai korelasi sebanyak 0.365 dalam kategori IBUNDA-2 (*Saya mencari perkataan-perkataan yang serupa dengan bahasa ibunda dalam ayat bahasa Mandarin*

apabila memahami ayat partikel 了-le). Ini bermakna kumpulan pelajar cemerlang juga tidak dapat mengelakkan diri sendiri untuk memindahkan pengetahuan bahasa ibunda dalam proses pemerolehan partikel 了-le. Pada halnya, data-data yang ditunjukkan dapat menerangkan bahawa pelajar dari Kumpulan A sebenarnya cuba mengelakkan daripada menterjemah perkataan bahasa sasaran apabila menggunakan partikel 了-le dalam soalan. Hal ini dapat ditunjukkan dalam nilai korelasi 0.441 adalah lebih daripada 0 dalam kategori IBUNDA-5 (*Saya cuba tidak menterjemah satu perkataan demi satu perkataan apabila memahami ayat partikel 了-le*).

Dapatan kajian menjelaskan bahawa fenomena pemindahan bahasa ibunda wujud dalam kalangan pelajar dari Kumpulan B adalah kerana partikel 了-le ‘tiada *markedness*’ dalam bahasa ibunda mereka dan ‘ada *markedness*’ dalam bahasa sasaran berkenaan. Hal ini adalah serupa dengan penjelasan daripada Hyltenstam (1986, hlm. 67). Pelajar-pelajar tersebut dipercayai masih dalam tahap pembelajaran awal dan belum mendapat ‘*sense of language*’ dalam bahasa sasaran. Akhirnya, mereka lebih bergantung kepada cara pembelajaran yang memindahkan bahasa ibunda ke dalam bahasa sasaran (Wang, 2010, hlm. 77).

Seperti pandangan daripada Li (2007, hlm. 30), pelajar dari Kumpulan A yang mempunyai tahap pencapaian lebih tinggi

kurang bergantung kepada bahasa ibunda daripada pelajar dari Kumpulan B. Hasil dapatan kajian ini boleh dikatakan bahawa pelajar-pelajar Melayu memerlukan lebih banyak masa untuk menguasai bahasa Mandarin seperti yang dicadangkan oleh Li (2007, hlm. 30-31). Ini adalah kerana kedua-dua bahasa mempunyai perbezaan yang terlalu ketara.

Selain itu, nilai korelasi dalam Kumpulan B juga menunjukkan bahawa wujudnya hubungan korelasi yang signifikan di antara MAKNA dengan keputusan markah ujian bertulis. Maklumat tersebut menunjukkan bahawa nilai korelasi MAKNA-4 (*Saya menggunakan partikel 了-le jika wujudnya tanda 'tamat' sesuatu perbuatan dalam ayat tersebut mempunyai makna yang jelas, seperti 忘-wàng (lupa) dan 不见-bùjiàn (hilang)*) ialah $r(20) = 0.622$, $p < 0.01$ serta MAKNA-3 (*Saya tidak menggunakan partikel 了-le jika terdapat kata adverba masa seperti 以后-yǐhòu (selepas) dalam ayat tersebut*) ialah $r(20) = 0.577$, $p < 0.01$. Hal ini menunjukkan cara merujuk kepada petunjuk makna bahasa partikel 了-le juga memainkan peranan dalam memberi kesan terhadap keputusan markah ujian bertulis kajian ini. Apabila makna partikel 了-le lebih jelas, penggunaan partikel 了-le akan memberi kesan positif kepada keputusan ujian bertulis.

Dalam kategori MAKNA-5 (*Saya meletakkan partikel 了-le selepas kata kerja pertama jika terdapat dua kata kerja dalam*

ayat tersebut), didapati bahawa nilai korelasi Kumpulan A menunjukkan nilai $r(20) = -0.106$, $p < 0$ dan Kumpulan B menunjukkan nilai $r(20) = 0.063$, $p > 0$. Kesamaan seperti ini wujud menunjukkan tiada hubungan yang signifikan wujud dalam Kumpulan A dan Kumpulan B. Namun begitu, nilai korelasi yang ditunjukkan memang menerangkan bahawa keputusan markah ujian partikel 了-le bagi kumpulan pelajar lemah amat dipengaruhi oleh petunjuk yang jelas menunjukkan makna 'tamat' dalam ayat partikel 了-le.

Dengan merujuk kepada perbincangan mengenai hubungan korelasi di atas, dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa cara pembelajaran penggunaan partikel 了-le bagi pelajar-pelajar Melayu akan mempengaruhi keputusan mereka dalam ujian bertulis partikel 了-le. Dalam penggunaan partikel 了-le, pelajar-pelajar Melayu yang menggunakan cara pembelajaran KONTEKS boleh dikatakan dapat menjawab soalan partikel 了-le dengan tepat dan lebih senang memperolehi keputusan ujian bertulis yang cemerlang. Ini disebabkan partikel 了-le mempunyai struktur tatabahasa yang rumit dan penggunaannya amat bergantung kepada perkembangan konteks ayat dan makna topiknya dalam ayat tersebut.

Sebenarnya, dapatan kajian juga mendapati bahawa hubungan korelasi yang dihasilkan tersebut adalah amat dipengaruhi oleh penggunaan partikel 了-le. Apabila soalan

partikel 了 *-le* dijawab dengan menggunakan cara pembelajaran IBUNDA, kekerapan betul soalan ujian adalah rendah dan penggunaan partikel 了 *-le* itu mungkin memberi kesan pengaruh yang negatif dalam keputusan ujian pelajar Melayu. Hal ini kerana wujudnya perbezaan yang begitu ketara antara kedua-dua bahasa Mandarin dan bahasa Melayu mengenai struktur tatabahasa partikel 了 *-le*. Pelajar-pelajar Melayu juga belum mendapat naluri bahasa Mandarin pada tahap awal pembelajaran, maka cara pembelajaran NALURI digunakan untuk menjawab soalan ujian bertulis sukar mendapat kekerapan betul soalan ujian yang tinggi dan akhirnya keputusan ujian bertulis mereka adalah kurang memuaskan.

Dalam erti kata lain, jenis partikel 了 *-le* yang wujud dalam soalan ujian bertulis akan mempengaruhi cara pembelajaran penggunaan partikel 了 *-le* bagi pelajar-pelajar Melayu. Pelajar Melayu yang berbeza mungkin menggunakan cara pembelajaran yang berlainan apabila menemui soalan ujian partikel 了 *-le* yang sama. Hal yang demikian menyebabkan partikel 了 *-le* mempengaruhi cara pembelajaran partikel 了 *-le* pelajar-pelajar Melayu dan juga keputusan ujian bertulis partikel 了 *-le* mereka. Ini bermakna hubungan korelasi di antara cara pembelajaran penggunaan partikel 了 *-le* dengan keputusan ujian bertulis adalah amat dipengaruhi partikel 了 *-le*.

5.2. Faktor-Faktor Mempengaruhi Pelajar-pelajar Melayu Dalam Penggunaan Partikel 了-le

Dengan merujuk kepada hasil dapatan yang diperolehi dalam Seksyen 4.3 di atas, kajian adalah senang didapati bahawa faktor-faktor kesilapan yang berlaku dalam penggunaan partikel 了-le. Antara kesilapan tersebut adalah termasuk cara penggunaan partikel 了-le yang amat rumit dan pelbagai syarat dalam penggunaan partikel 了-le, iaitu seperti hasil dapatan yang dibuktikan dalam kajian Sun (1993).

Daripada hasil dapatan kajian ini, boleh dikatakan bahawa penguasaan partikel 了-le bagi majoriti pelajar Melayu adalah bergantung kepada pemahaman naluri mereka, seterusnya mereka tidak sedar tentang syarat-syarat penggunaan partikel 了-le. Tambahan lagi, pelajar-pelajar dari negara yang berlainan juga mempunyai masalah-masalah yang tersendiri apabila mereka mempelajari partikel 了-le bahasa Mandarin.

Melalui pemerhatian terhadap jawapan pelajar-pelajar Melayu dalam ujian bertulis yang telah dilakukan, didapati bahawa partikel 了-le memang sukar dikuasai oleh pelajar-pelajar Melayu tanpa mengira sama ada kumpulan pelajar cemerlang atau kumpulan pelajar lemah. Berikut adalah faktor-faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar Melayu kurang mahir dalam penggunaan partikel 了-le.

5.2.1. Pengaruh Pemindahan Bahasa Ibunda

Dalam kajian ini mendapati bahawa struktur tatabahasa bahasa Melayu adalah tidak sama atau tidak serupa dengan struktur partikel 了 *-le* dalam bahasa Mandarin. Pada halnya, kata bantu aspek ‘sudah’ atau ‘telah’ dalam bahasa Melayu boleh dikatakan hampir serupa dengan partikel 了 *-le* dalam bahasa Mandarin. Kata bantu aspek ‘sudah’ atau ‘telah’ biasanya diletakkan sebelum kata kerja untuk menerangkan sesuatu perkara telah berlaku pada masa ‘lampau’ ataupun sesuatu perkara telah ‘selesai’. Kata nama masa seperti ‘semalam’ atau kata adverba ‘tadi’ juga boleh ditambah dalam ayat untuk menjelaskan makna masa ‘lampau’.

Akan tetapi, partikel 了 *-le* dalam bahasa Mandarin boleh wujud dalam keadaan yang tiada hubungan dengan ‘masa’. Partikel 了 *-le* boleh membawa makna sebagai ‘*modal*’ dalam konteks ayat di samping makna ‘lampau’ atau ‘selesai’. Hal ini kerana partikel 了 *-le* boleh merujuk kepada sesuatu yang berlaku ‘pada masa sekarang’ atau ‘pada masa depan’ untuk menerangkan situasi perubahan perkara itu.

Apabila bahasa ibunda dan bahasa sasaran tidak mempunyai bahagian yang sama, pelajar akan menghadapi halangan dalam pembelajaran bahasa sasaran. Keadaan ini dikenali sebagai pengaruh pemindahan bahasa ibunda yang negatif (Odlin, 1989, hlm. 27; Li, 2007, hlm. 30). Dalam kajian


ini, didapati bahawa pelajar-pelajar Melayu cenderung menghubungkan partikel 了 *-le* dengan kata bantu aspek dan kata nama masa yang merujuk kepada masa lampau dalam bahasa ibunda mereka apabila menggunakan partikel 了 *-le*. Akibatnya, pelajar-pelajar Melayu cenderung menggunakan partikel 了 *-le* dengan merujuk kepada struktur tatabahasa bahasa ibunda mereka. Maka, partikel 了 *-le* sering tertinggal dalam konteks ayat berkenaan.

Dengan merujuk kepada data-data yang diperolehi, kajian juga mendapati bahawa jenis kesilapan ‘partikel 了 *-le* diabaikan atau ditinggalkan’ paling biasa berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu (sila rujuk Seksyen 4.3). Hal yang demikian adalah serupa dengan apa yang dikatakan oleh Li & Thompson (1981, hlm. 288), iaitu kesilapan ‘partikel 了 *-le* diabaikan’ paling biasa berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar bahasa asing. Fenomena ‘partikel 了 *-le* diabaikan’ tersebut menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Melayu cenderung memindahkan pengetahuan bahasa pertama dalam pembelajaran bahasa kedua (bahasa Mandarin).

Sebagai contoh, partikel 了 *-le* sering dilupakan oleh pelajar-pelajar Melayu terutamanya Kumpulan B dengan tidak sengaja apabila kata adverba “已经 *-yǐ jīng*” wujud dalam ayat tersebut. Kedua-dua kumpulan pelajar Melayu juga senang mengabaikan partikel 了 *-le* apabila wujudnya kata nama masa

yang menunjukkan makna ‘lampau’ dalam ayat. Tambahan lagi, kedua-dua kumpulan pelajar Melayu tidak dapat menggunakan partikel 了 *-le* dengan tepat apabila ayat tersebut tiada kata kerja yang menerangkan sesuatu perbuatan telah selesai dilakukan. Mereka juga tidak dapat menentukan kedudukan partikel 了 *-le* apabila kata adverba “已经 *-yǐ jīng*” tidak wujud dalam ayat tersebut.

Seperti yang dikemukakan oleh Eckman (1977) dan Hyltenstam (1986), fenomena pemindahan bahasa ibunda biasanya berlaku dalam keadaan di mana tiada *markedness* dalam bahasa ibunda sedangkan terdapat *markedness* dalam bahasa sasaran. Dalam kajian ini, pelajar-pelajar Melayu boleh dikatakan adalah berada dalam situasi seperti berikut apabila menggunakan partikel 了 *-le*:



Kata bantu aspek ‘sudah’ atau ‘telah’ dikategorikan sebagai ‘tiada *markedness*’ dalam bahasa ibunda pelajar-pelajar Melayu. Ini kerana bahasa Melayu tiada ciri-ciri yang spesifik, misalnya makna semantik yang jelas atau struktur tatabahasanya tidak sangat rumit. Dalam bahasa Mandarin, partikel 了 *-le* dikategorikan sebagai ‘ada *markedness*’. Ini disebabkan oleh bahasa Mandarin mempunyai ciri-ciri spesifik seperti struktur yang jarang wujud dalam bahasa lain, syarat penggunaan yang pelbagai, semantik yang kurang jelas atau struktur yang rumit. Maka, bahasa Mandarin yang dihasilkan oleh pelajar Melayu adalah lebih mendekati keadaan ‘tiada *markedness*’ yang serupa dengan bahasa ibunda mereka.

Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa fenomena pemindahan bahasa ibunda bukan sahaja wujud dalam penggunaan kata kerja 了 *-le* dan juga dalam penggunaan akhir ayat 了 *-le* dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu. Keadaan seperti ini menerangkan bahawa kedua-dua kumpulan pelajar Melayu masih belum dapat menguasai kedua-dua jenis partikel 了 *-le*, terutama makna ‘masa yang akan datang’ atau makna ‘*modal*’ dirujuk dalam ayat. Hal yang demikian adalah kerana bahasa ibunda mereka tiada struktur seperti bahasa Mandarin. Akibatnya, partikel 了 *-le* cenderung ‘diabaikan’ dalam ujian bertulis.

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pemindahan bahasa ibunda merupakan salah satu faktor utama yang mempengaruhi penguasaan dan pencapaian pelajar-pelajar Melayu dalam penggunaan partikel 了 *-le*. Ini kerana struktur partikel 了 *-le* yang ‘ada *markedness*’ mengelirukan pelajar Melayu. Pada tahap awal dalam pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua, mereka cenderung menggunakan cara penyelesaian masalah ‘memindahkan pengetahuan bahasa ibunda’ apabila mereka menghadapi kesukaran.

5.2.2. Syarat-syarat Penggunaan Partikel 了 *-le* Yang Rumit

Dalam bahasa Mandarin, tanda ‘selesai’ boleh dijelaskan dengan penggunaan partikel 了 *-le*. Tanda ‘selesai’ juga boleh diterangkan melalui struktur tatabahasa yang lain. Misalnya, kata nama masa yang menunjukkan masa lampau (昨天 *-zuó tiān*), kata adverba masa (已经 *-yǐ jīng*), kata pelengkap (完 *-wán*) dan lain-lain. Selain itu, penggunaan 了 *-le* juga berkait rapat dengan persekitaran pertuturan dan konteks ayat dalam teks tersebut.

Jika konteks ayat telah menerangkan sesuatu perbuatan dalam keadaan ‘selesai’, maka partikel 了 *-le* boleh ‘diabaikan’. Jika penutur tidak menegaskan perbuatan ‘selesai’, partikel 了 *-le* tidak perlu digunakan. Misalnya:

Bahasa Mandarin	Wǒ zuótiān zǎoshang hē kāfēi , xiàwǔ hē kāfēi , wǎnshang hái shì hē kāfēi 。 我 昨 天 早 上 喝 咖 啡 ， 下 午 喝 咖 啡 ， 晚 上 还 是 喝 咖 啡 。
Terjemahan Langsung	: Saya semalam pagi minum kopi, petang minum kopi, malam juga minum kopi.
Makna Bahasa Melayu	: Saya minum kopi pada waktu pagi semalam, saya juga minum kopi pada waktu petang semalam, dan saya minum kopi lagi pada waktu malam semalam.

Sebenarnya, terdapat pelajar Melayu yang sedar bahawa penggunaan partikel 了 *-le* bukan semuanya sama seperti konsep ‘lampau’ atau ‘selesai’ dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Namun demikian, penggunaan partikel 了 *-le* masih amat sukar dikuasai oleh pelajar-pelajar Melayu.

Di samping partikel 了 *-le* yang merujuk kepada aspek perfektif, bahasa Mandarin juga mempunyai partikel 了 *-le* yang digunakan pada akhir ayat. Akhir ayat 了 *-le* biasanya merujuk kepada perubahan sesuatu situasi. Akhir ayat 了 *-le* boleh wujud dalam struktur tatabahasa tetap seperti “已经- *yǐ jīng*.....了 *-le*”, “快-*kuài*.....了 *-le*”, “太-*tài*.....了 *-le*” yang menunjukkan makna ‘*modal*’ dalam konteks ayat. Keadaan penggunaan akhir ayat 了 *-le* yang seperti ini menyebabkan pelajar-pelajar tidak dapat membezakan kata kerja 了 *-le* dan akhir ayat 了 *-le* pada tahap awal pembelajaran bahasa Mandarin.

Kesilapan jenis ‘partikel 了 *-le* diabaikan’ berlaku adalah kerana pelajar-pelajar Melayu beranggapan bahawa partikel 了 *-le* tersebut merupakan tanda masa ‘lampau’ seperti bahasa ibunda

mereka. Oleh yang demikian, pelajar kurang sensitif untuk menggunakan partikel 了 *-le* yang merujuk kepada makna ‘masa depan’. Daripada ini, boleh dikatakan bahawa struktur-struktur tatabahasa partikel 了 *-le* tersebut (seperti “已经- *yǐ jīng*…… 了 *-le*”, “快-*ku ài*…… 了 *-le*”, “太-*tài*…… 了 *-le*”) patut diingat oleh pelajar-pelajar Melayu untuk mengelakkan kesilapan sedemikian berlaku.

Kajian menunjukkan bahawa sampel kajian yang merupakan pelajar-pelajar Melayu masih dalam tahap awal pembelajaran bahasa kedua. Dalam erti kata lain, tempoh masa menggunakan bahasa Mandarin adalah singkat. Mereka boleh dikatakan belum mendapat pemahaman naluri bahasa Mandarin atau ‘*sense of language*’ bahasa Mandarin. Oleh itu, kebanyakan masa mereka menentukan kedudukan partikel 了 *-le* dalam ayat adalah berdasarkan syarat-syarat atau pengetahuan yang pernah dipelajari.

Akan tetapi, syarat-syarat penggunaan partikel 了 *-le* ini terdapat pengecualian dan sering mempunyai pelbagai keadaan yang khas dan rumit. Bagi pelajar bahasa Mandarin (bahasa ibunda bukan bahasa Mandarin), mereka adalah sukar menguasai penggunaan partikel 了 *-le* kerana bahasa pertama amat berbeza dengan bahasa sasaran (Eckman, 1987, hlm. 61). Kemudian, mereka cenderung melakukan kesilapan dalam penggunaan partikel 了 *-le* (Wardhaugh, 1970, hlm. 7-8).

5.2.3. Pengaruh Bahan Pengajaran Dan Cara Pengajaran

Dari segi bahan pengajaran dan cara pengajaran dalam kelas, penerangan dan latihan dalam proses pengajaran juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar Melayu melakukan kesilapan dalam ujian bertulis partikel 了-le.

Majoriti pelajar Melayu di UMP hanya bergantung kepada penerangan dalam dua buku teks universiti yang bertajuk *Beginners Mandarin* dan *Intermediate Mandarin* untuk memahami partikel 了-le. Pelajar-pelajar tersebut tidak merujuk kepada bahan-bahan pembelajaran bahasa Mandarin yang lain. Pengkaji juga mendapati bahawa pemahaman partikel 了-le dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu adalah melalui pembelajaran dalam kelas. Dalam pengetahuan mereka, partikel 了-le boleh menunjukkan ‘masa lampau’ atau ‘selesai’, dan juga boleh menunjukkan sesuatu situasi mengalami ‘perubahan’.

Daripada pemerhatian yang dilakukan, didapati bahawa penerangan dalam kedua-dua buku teks adalah kurang terperinci. Latihan yang tertumpu kepada kata kerja 了-le dan akhir ayat 了-le juga tidak mencukupi. Hal ini menyebabkan pelajar-pelajar Melayu tidak sedar tentang kerumitan penggunaan partikel 了-le dalam konteks ayat bahasa Mandarin. Akhirnya, mereka tidak dapat menguasai penggunaan partikel 了-le dengan tepat. Justeru itu, pengajar bahasa Mandarin terpaksa memberi penerangan

yang lebih jelas dan terperinci tentang struktur partikel 了 *-le* berdasarkan tahap pencapaian pelajar.

Dari segi pengajaran, perancangan pengajaran amat mempengaruhi pelajar-pelajar. Merujuk kepada ciri-ciri pelajar, latihan dan ulangkaji yang berkesan serta penerangan tambahan daripada pengajar adalah begitu penting kepada pelajar-pelajar. Dalam proses pengajaran, ia tidak boleh dinafikan bahawa pengajar bahasa Mandarin di UMP adalah kurang memberi penerangan kepada struktur tatabahasa partikel 了 *-le* secara mendalam.

Untuk menjelaskan partikel 了 *-le*, pengajar bahasa Mandarin biasanya memberi penerangan secara bandingan di antara bahasa Mandarin dengan bahasa Melayu dan membuat terjemahan dari bahasa Mandarin kepada bahasa Melayu. Ini bermakna teknik pengajaran dalam kelas seperti ini juga mungkin merupakan salah satu sebab yang mengakibatkan pelajar-pelajar Melayu melakukan kesilapan yang pelbagai jenis dalam kajian ini. Pada halnya, teknik pengajaran seperti ini mungkin menyebabkan pelajar-pelajar Melayu senang beranggapan bahawa bahasa Mandarin mempunyai banyak persamaan yang serupa dengan bahasa Melayu. Kemudian, mereka tidak sedar bahawa terdapat perbezaan yang rumit di antara kedua-dua bahasa sasaran dan bahasa ibunda mereka.

Oleh itu, teknik pengajaran secara bandingan boleh dikatakan merupakan salah satu teknik yang bagus untuk

menerangkan tatabahasa bahasa Mandarin dalam kelas bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Akan tetapi, teknik tersebut juga mungkin membawa kesulitan yang tidak dapat diramal dalam penggunaan partikel 了 *-le*. Akhirnya, pelajar-pelajar Melayu tidak dapat menggunakan partikel 了 *-le* dengan tepat.

5.2.4. Masalah Pelajar Sendiri

Dalam perspektif pembelajaran, pengaruh ciri-ciri pelajar yang tersendiri terhadap kesan pengajaran juga amat penting. Ciri-ciri tersebut merangkumi motivasi pembelajaran, keperluan komunikasi, sikap pembelajaran, strategi pembelajaran dan lain-lain.

Daripada maklumat latar belakang pelajar yang diperolehi, didapati bahawa pelajar-pelajar Melayu dalam Kumpulan A menggunakan sekurang-kurangnya satu jam untuk mengulangkaji bahasa Mandarin dalam seminggu. Bagi pelajar-pelajar Melayu dalam Kumpulan B, mereka hampir tidak membuat ulangkaji selepas waktu kelas bahasa Mandarin. Dalam kumpulan pelajar cemerlang, terdapat 3 orang pelajar mendapat keputusan cemerlang (markah di antara 81% hingga 100%) dalam ujian bertulis. Namun, tiada pelajar dari Kumpulan B mendapat keputusan cemerlang (markah di antara 81% hingga 100%) dalam ujian bertulis. Hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh pelajar-pelajar Melayu lemah tidak mempunyai sikap yang aktif dan positif dalam mempelajari bahasa Mandarin.

Lagipun, pengkaji mendapati bahawa pelajar-pelajar Melayu jarang menggunakan bahasa Mandarin dalam pertuturan harian walaupun terdapat persekitaran bahasa sasaran dalam kampus universiti. Pelajar Melayu yang inisiatif menggunakan bahasa Mandarin yang asas untuk berkomunikasi dengan orang Cina adalah sangat kurang. Oleh sebab itu, pelajar-pelajar Melayu adalah sukar menguasai struktur tata bahasa bahasa Mandarin dengan bagus. Lagipun, struktur partikel 了 *-le* ini memang merupakan salah satu kesulitan tata bahasa terhadap pelajar-pelajar Melayu dalam mempelajari bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua.

Pendek kata, perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa faktor pemindahan bahasa merupakan salah satu faktor utama yang mempengaruhi keputusan markah ujian bertulis partikel 了 *-le*. Namun, dapatan kajian ini tidak boleh dinafikan bahawa syarat penggunaan partikel 了 *-le* yang rumit memang menyukarkan proses pemerolehan partikel 了 *-le* dan akhirnya mempengaruhi tahap pencapaian pelajar-pelajar Melayu dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Pengaruh lain seperti cara pengajaran, bahan pengajaran, masalah pelajar sendiri dan lain-lain juga merupakan faktor-faktor yang tidak boleh diabaikan. Ini kerana pengaruh tersebut boleh juga mempengaruhi pemerolehan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu.

5.3. Keadaan Penggunaan Partikel 了 *-le* Dalam Kalangan Pelajar-pelajar Melayu

Dengan merujuk kepada analisis data dalam Seksyen 4 di atas, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan kata kerja 了 *-le* adalah lebih mudah daripada penggunaan akhir ayat 了 *-le* dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu. Apabila satu perbandingan dari aspek pengkelasan partikel 了 *-le* dipaparkan (seperti dalam Rajah 4.4), didapati bahawa 85.7% pelajar-pelajar Melayu cemerlang (Kumpulan A) dan 71.1% pelajar-pelajar Melayu lemah (Kumpulan B) adalah mahir dalam penggunaan kata kerja 了 *-le*.

Dalam hal ini, Erbaugh (1985, hlm. 56) pernah menunjukkan bahawa pemerolehan kata kerja 了 *-le* bagi kanak-kanak yang berbahasa Mandarin sebagai bahasa ibunda adalah lebih awal daripada pemerolehan akhir ayat 了 *-le*. Beliau juga membuktikan bahawa kanak-kanak yang mempelajari bahasa Mandarin (bahasa Inggeris sebagai bahasa ibunda) dapat menguasai kata kerja 了 *-le* terlebih dahulu, kemudian mereka baru dapat menguasai akhir ayat 了 *-le*. Hasil dapatan kajian ini juga menerangkan bahawa akhir ayat 了 *-le* mengandungi pelbagai kesulitan yang memang mencabarkan pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Mandarin. Dalam kajian ini, keputusan yang ditunjukkan boleh menyimpulkan bahawa keadaan penggunaan partikel 了 *-le* dalam kalangan pelajar Melayu adalah serupa dengan hasil dapatan kajian lepas.

Dari segi kata kerja, pelajar-pelajar Melayu seolah-olahnya lebih sensitif dengan kata kerja apabila suatu perkara sahaja dirujuk dalam

topik ayat itu. Dalam erti kata lain, mereka kurang memberi perhatian kepada keseluruhan konteks ayat tersebut. Keadaan yang paling biasa dijumpai dalam ayat seperti ini adalah satu kata kerja atau struktur kata kerja yang asas digunakan dalam penyampaian makna. Misalnya “买-*mǎi*” (beli), “喝-*hē*” (minum), “看电影-*kàn diàn yǐng*” (menonton wayang), “吃早餐-*chī zǎo cān*” (makan sarapan) dan lain-lain. Dalam hal ini, kedua-dua kumpulan pelajar Melayu adalah mahir dalam penggunaan kata kerja 了-*le* apabila penjodoh bilangan wujud selepas kata kerja dalam ayat tersebut. Ini telah dijelaskan dalam bahagian analisis data mengenai jenis ayat pertama iaitu ‘kata kerja + 了-*le* + objek’ di Seksyen 4.2.2.

Jika terdapat dua kata kerja apabila suatu perkara sahaja dirujuk dalam konteks ayat, penggunaan kata kerja 了-*le* atau akhir ayat 了-*le* adalah bergantung kepada bahagian predikat ayat berkenaan. Daripada pemerhatian dalam analisis data, pelajar-pelajar Melayu cenderung menggunakan kata kerja 了-*le* bukannya akhir ayat 了-*le* apabila “去-*qù*” (pergi) dan “看电影-*kàn diàn yǐng*” (menonton wayang) wujud dalam konteks ayat. Sebenarnya, kedua-dua struktur kata kerja ini hanya menerangkan satu perkara sahaja iaitu perbuatan kedua “看电影-*kàn diàn yǐng*” (menonton wayang). Akibatnya, kesilapan menggunakan partikel 了-*le* pada kedudukan yang tidak tepat sering berlaku dalam kalangan pelajar Melayu terutamanya dalam Kumpulan B.

Apabila suatu konteks ayat melibatkan dua perkara, partikel 了-*le* digunakan selepas kata kerja pertama. Ini bermaksud makna ‘tamat’

perkara pertama menerangkan ‘masa’ menjalankan perkara kedua, iaitu menunjukkan hubungan ‘sebelum dan selepas’. Dalam konteks ayat seperti ini, pelajar-pelajar Melayu tidak dapat menggunakan kata kerja 了 *-le* pada kedudukan yang tepat. Hal ini kerana perkara dalam konteks ayat tersebut sering merujuk kepada situasi masa ‘sekarang’ atau ‘masa depan’.

Dalam hal ini, terdapat sebahagian pelajar Melayu yang cemerlang (Kumpulan A) boleh dikatakan adalah mahir dalam menggunakan kata kerja 了 *-le* tetapi kedudukannya tidak tepat. Sebagai contoh, kedudukan partikel 了 *-le* diletakkan pada kedudukan selepas “下课 *- xi à k ě*”. Sebenarnya, partikel 了 *-le* harus diletakkan di antara “下课 *- xi à k ě*” seperti ayat ini “我打算下了课就回家 *- Wǒ dǎ suàn xià le kè jiù huí jiā*” (Saya telah merancang balik ke rumah selepas kelas). Pelajar-pelajar Melayu lemah (Kumpulan B) cenderung melakukan kesilapan ‘kedudukan partikel 了 *-le* tidak tepat’ dan ‘partikel 了 *-le* tidak digunakan walaupun diperlukan’ dalam konteks ayat tersebut.

Dalam konteks ayat merujuk kepada suatu perkara dan bahagian predikatnya mempunyai kata adverba “已经 *-yǐ jīng*” sebelum kata kerja, pelajar-pelajar Melayu cenderung mengabaikan penggunaan akhir ayat 了 *-le*. Dalam struktur sintaksis yang mempunyai kata adverba tersebut, partikel 了 *-le* diletakkan di akhir ayat adalah untuk menyampaikan makna perkara yang dirujuk adalah ‘tamat dan selesai pada masa lampau’. Kedua-dua kumpulan pelajar Melayu kurang mahir dalam penggunaan akhir ayat 了 *-le*. Begitu juga dengan kata kerja 了 *-le*, pelajar-pelajar

Melayu dipengaruhi oleh makna kata adverba tersebut. Akhirnya, mereka tidak menggunakan partikel 了-le dalam ayat berkenaan.

Dari segi semantik, makna bagi kata kerja 了-le adalah lebih khusus dan jarang wujud perubahan jika berbanding dengan akhir ayat 了-le. Kata kerja 了-le dan kata kerja adalah berhubung kait antara satu sama lain dalam suatu ayat. Ini bermakna kata kerja yang wujud dapat dihubungkan dengan makna ‘perbuatan yang selesai’ dalam konteks ayat tersebut. Seperti penjelasan daripada Li & Thompson (1981, hlm. 238), konsep semantik bagi kata kerja 了-le adalah jelas menunjukkan makna ‘selesai’.

Daripada ini, kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar Melayu (Kumpulan A dan Kumpulan B) lebih mahir dalam menggunakan kata kerja 了-le (seperti hasil dapatan kajian yang ditunjukkan dalam Seksyen 4.2.1). Hal ini mungkin disebabkan oleh makna kata kerja 了-le adalah serupa dengan makna kata bantu aspek dalam bahasa Melayu. Sebaliknya, akhir ayat 了-le yang menunjukkan makna ‘modal’ mempunyai pelbagai makna mengikut situasi pertuturan yang berlainan. Hal ini menyebabkan pelajar-pelajar Melayu tidak dapat menguasai akhir ayat 了-le dengan mahir.

Akhir ayat 了-le boleh menandakan suatu topik perbualan bagi seseorang penutur telah tamat. Dalam konteks seperti ini, akhir ayat 了-le juga boleh berfungsi sebagai tanda ‘tamat’. Li & Thompson (1981, hlm. 288) mendapati bahawa dalam bahasa dari negara Barat tiada komposisi

yang sama dengan akhir ayat 了 *-le* dalam bahasa Mandarin. Beliau menghuraikan bahawa bahasa lain menyampaikan makna dan fungsi berkenaan melalui perubahan dalam bentuk kata kerja, bukannya dengan cara menambah partikel 了 *-le* pada akhir ayat.

Dalam bahasa Melayu, struktur tatabahasa juga memang tiada komposisi yang serupa dengan akhir ayat 了 *-le* dalam bahasa Mandarin. Dalam kajian ini, didapati bahawa pelajar-pelajar Melayu menghadapi kesukaran dan sering melakukan kesilapan apabila menggunakan akhir ayat 了 *-le* (seperti dalam Seksyen 4.3). Ciri-ciri akhir ayat 了 *-le* yang begitu spesifik ini menyukarkan pelajar-pelajar Melayu dalam mempelajari akhir ayat 了 *-le*. Hal yang demikian adalah seperti apa yang dikemukakan oleh Eubaugh (1985) mengenai hubungan di antara bahasa pertama dan bahasa sasaran.

Secara keseluruhan, hasil dapatan kajian membuktikan bahawa pelajar-pelajar Melayu cemerlang (Kumpulan A) dan pelajar-pelajar Melayu lemah (Kumpulan B) adalah lebih mahir dalam penggunaan kata kerja 了 *-le*. Dalam aspek penggunaan akhir ayat 了 *-le*, pelajar-pelajar Melayu lemah adalah kurang mahir menggunakan akhir ayat 了 *-le* jika berbanding dengan pelajar-pelajar Melayu cemerlang. Dalam erti kata lain, pelajar-pelajar Melayu cemerlang dapat menguasai penggunaan kata kerja 了 *-le* dengan lebih baik jika berbanding dengan pelajar-pelajar Melayu lemah. Selain itu, pelajar-pelajar Melayu adalah lebih mahir dalam penggunaan kata kerja 了 *-le* berbanding dengan penggunaan akhir ayat 了 *-le* dalam ujian bertulis kajian ini.

BAB 6

Kesimpulan

6. Pengenalan

Bab ini merumuskan dapatan yang penting daripada analisis data, dan seterusnya membincangkan implikasi daripada dapatan kajian serta memberi cadangan mengenai kajian lanjutan.

6.1. Rumusan Kajian

Partikel 了-*le* yang mempunyai frekuensi penggunaan yang agak tinggi dan struktur penggunaan yang amat rumit sering mengelirukan pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua, terutamanya dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu di UMP. Penemuan awal dalam kajian rintis menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Melayu menghadapi kesukaran apabila menggunakan partikel 了-*le*. Untuk mengetahui sama ada penemuan ini adalah fenomena yang biasa berlaku, kajian ini memberi fokus terhadap penggunaan partikel 了-*le* dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu yang telah tamat mengikuti kursus bahasa Mandarin di UMP.

Dalam kajian ini, 20 orang pelajar Melayu cemerlang dan 20 orang pelajar Melayu lemah dipilih untuk mengkaji keadaan penggunaan partikel 了-*le* dari aspek pengkelasan partikel 了-*le* dan jenis-jenis ayat partikel 了-*le* melalui ujian bertulis. Jenis-jenis kesilapan yang dilakukan telah dianalisis berdasarkan jawapan yang diperolehi daripada pelajar-

pelajar Melayu dalam ujian bertulis. Selain itu, cara pembelajaran pelajar-pelajar Melayu apabila menggunakan partikel ㄟ-le dalam ujian bertulis juga dikaji dan dikenal pasti melalui borang soal selidik dan temubual berstruktur. Kajian juga meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu apabila mereka menggunakan partikel ㄟ-le dalam ujian bertulis.

Dengan menggunakan pengiraan yang mudah, kajian menganalisis kekerapan betul kata kerja ㄟ-le dan akhir ayat ㄟ-le dari aspek pengkelasan partikel ㄟ-le serta kekerapan betul penggunaan partikel ㄟ-le dari aspek jenis-jenis ayat partikel ㄟ-le. Seterusnya, jenis-jenis kesilapan yang wujud apabila pelajar-pelajar Melayu menggunakan partikel ㄟ-le juga dianalisis dengan menggunakan pengiraan peratusan yang mudah. Dengan menggunakan perisian SPSS, hubungan kolerasi di antara cara pembelajaran penggunaan partikel ㄟ-le dengan keputusan markah ujian bertulis ditentukan melalui *Pearson Correlations*.

Berdasarkan dapatan kajian yang dilaporkan dalam Bab 4, kajian ini dapat disimpulkan bahawa penggunaan partikel ㄟ-le dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu merupakan satu proses pemerolehan bahasa kedua yang agak rumit. Dalam proses pemerolehan partikel ㄟ-le, pelajar-pelajar Melayu sentiasa diiringi dengan pelbagai kesilapan. Fenomena ini merupakan proses yang tidak dapat dielakkan. Partikel ㄟ-le mempunyai struktur dan syarat penggunaan yang spesifik dan rumit, maka tahap penguasaan pelajar Melayu dalam kedua-dua jenis partikel ㄟ-le ini juga berlainan.

Apabila pelajar-pelajar Melayu mempelajari kata kerja 了 *-le*, mereka adalah bergantung kepada konsep makna seperti ‘selesai’ dan ‘berlaku pada masa lampau’. Mereka juga memindahkan konsep ‘masa lampau’ bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Cara pemindahan bahasa ibunda seperti ini sering mendatangkan kesan ‘positif’ kerana kebanyakan perkara yang selesai adalah berlaku pada masa lampau. Namun, suatu perkara atau perbuatan yang selesai juga boleh berlaku pada keadaan semasa dan pada masa depan. Dalam keadaan ini, kesilapan mungkin berlaku dalam kalangan pelajar pada tahap pembelajaran awal bahasa Mandarin. Ini disebabkan mereka mengabaikan atau meninggalkan penggunaan partikel 了 *-le* dalam konteks ayat bahasa Mandarin.

Namun, kajian ini memang tidak dapat dinafikan bahawa pelajar-pelajar Melayu juga mungkin dipengaruhi oleh struktur tatabahasa dalam bahasa Inggeris. Kesan pengaruh daripada bahasa Inggeris adalah kurang menonjol berbanding dengan kesan pengaruh daripada bahasa ibunda mereka. Hal ini kerana bahasa Melayu ialah bahasa ibunda dan bahasa pertama bagi pelajar-pelajar Melayu. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa yang paling cekap mereka gunakan. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua boleh disimpulkan bahawa pengaruh daripada bahasa ibunda mereka adalah amat besar. Hal ini juga dapat diperhatikan dalam hasil dapatan kajian ini.

Dari segi semantik dan syarat penggunaan partikel 了 *-le*, kata kerja 了 *-le* yang menjelaskan suatu perbuatan yang selesai adalah tidak

begitu kompleks berbanding dengan akhir ayat 了 *-le*. Namun, akhir ayat 了 *-le* mempunyai ciri-ciri '*markedness*' yang jelas. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar Melayu sering menghadapi kesukaran apabila menggunakan akhir ayat 了 *-le*. Syarat penggunaan akhir ayat 了 *-le* adalah bergantung kepada maklumat dalam konteks ayat tersebut. Akhir ayat 了 *-le* mempunyai makna '*modal*' dan fungsinya adalah berbeza dalam konteks ayat berlainan. Pada tahap pemerolehan awal dalam pembelajaran bahasa Mandarin, pelajar-pelajar Melayu sebagai pelajar bahasa kedua memang menghadapi masalah apabila menggunakan akhir ayat 了 *-le*. Akibatnya, mereka cenderung memindahkan pengetahuan bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua.

Seperti mana yang ditunjukkan dalam Bab 5, pelajar-pelajar Melayu menggunakan cara pembelajaran tertentu apabila menggunakan partikel 了 *-le* dalam ujian bertulis. Pelajar-pelajar Melayu cemerlang lebih menggunakan cara pembelajaran melalui MAKNA (merujuk kepada petunjuk mengenai makna tatabahasa) manakala pelajar-pelajar Melayu lemah lebih bergantung cara pembelajaran melalui IBUNDA (memindahkan pengetahuan bahasa ibunda) apabila menggunakan partikel 了 *-le* dalam ujian bertulis. Daripada ini, kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar Melayu cemerlang adalah lebih mahir daripada pelajar-pelajar Melayu lemah dalam penggunaan partikel 了 *-le*. Hal ini dapat dibuktikan melalui hubungan kolerasi yang signifikan di antara

cara pembelajaran penggunaan partikel 了-*le* dengan keputusan markah dalam ujian bertulis.

Dalam analisis hubungan korelasi dua variabel tersebut, nilai korelasi yang dipaparkan menunjukkan bahawa keputusan markah ujian bertulis bagi pelajar-pelajar Melayu cemerlang (Kumpulan A) mempunyai hubungan yang signifikan dengan cara pembelajaran melalui KONTEKS (merujuk kepada petunjuk mengenai perkembangan konteks ayat). Manakala nilai korelasi yang didapati menunjukkan bahawa keputusan markah ujian bertulis bagi pelajar-pelajar Melayu lemah (Kumpulan B) mempunyai hubungan yang signifikan dengan cara pembelajaran melalui IBUNDA (memindahkan pengetahuan bahasa ibunda) dan NALURI (bergantung kepada pemahaman naluri bahasa sendiri), kemudian diikuti dengan MAKNA (merujuk kepada petunjuk mengenai makna tatabahasa) dan KONTEKS (merujuk kepada petunjuk mengenai perkembangan konteks ayat). Dalam erti kata lain, keputusan markah bagi pelajar-pelajar cemerlang dalam ujian bertulis yang lebih tinggi adalah disebabkan cara pembelajaran mereka yang bergantung kepada KONTEKS. Pelajar-pelajar lemah yang lebih bergantung kepada cara pembelajaran melalui IBUNDA dan NALURI menyebabkan keputusan markah ujian bertulis adalah kurang memuaskan.

Dapatan kajian tentang hubungan korelasi tersebut telah menerangkan bahawa hubungan korelasi di antara cara pembelajaran penggunaan partikel 了-*le* dengan keputusan ujian bertulis partikel 了-*le* juga dipengaruhi oleh partikel 了-*le*. Ini adalah kerana partikel 了-*le* mempunyai struktur tatabahasa yang rumit dan penggunaannya amat

bergantung kepada perkembangan konteks ayat dan makna topiknya dalam ayat tersebut. Oleh itu, cara pembelajaran yang berbeza mungkin digunakan oleh pelajar Melayu yang berlainan apabila menemui soalan ujian partikel ㄟ-le yang sama.

Dalam proses penggunaan partikel ㄟ-le, pelajar Melayu yang dapat menggolongkan jenis partikel ㄟ-le dalam situasi tertentu berdasarkan konteks ayat (cara pembelajaran KONTEKS) atau makna (cara pembelajaran MAKNA) dalam ayat akan dapat menjawab soalan ujian partikel ㄟ-le dengan tepat seterusnya mendapat keputusan ujian yang memuaskan. Sebaliknya, pelajar Melayu tidak dapat menggunakan partikel ㄟ-le dengan betul apabila soalan ujian partikel ㄟ-le tiada petunjuk yang khas dirujuk atau makna ‘tamat’ yang jelas dalam konteks ayat tersebut. Keadaan ini menjelaskan bahawa hubungan korelasi di antara cara pembelajaran partikel ㄟ-le dengan keputusan ujian bertulis partikel ㄟ-le yang signifikan amat dipengaruhi oleh penggunaan partikel ㄟ-le dalam kalangan pelajar Melayu.

Sebenarnya, cara pembelajaran dalam penggunaan partikel ㄟ-le patut dilihat sebagai salah satu cara pembelajaran yang penting dalam proses pemerolehan partikel ㄟ-le. Pelajar-pelajar Melayu sama ada pelajar cemerlang atau pelajar lemah mempunyai cara pembelajaran tersendiri dalam penggunaan partikel ㄟ-le yang begitu rumit strukturnya. Analisis dari segi hubungan korelasi ini menerangkan bahawa pelajar-pelajar Melayu cemerlang dan pelajar-pelajar Melayu lemah dapat

menggunakan cara pembelajaran tertentu untuk menguasai kata kerja 了-*le* dan akhir ayat 了-*le* dalam konteks ayat yang berlainan. Ini bermakna penggunaan partikel 了-*le* dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu bukan sahaja bergantung kepada pemindahan pengetahuan bahasa ibunda dan pemahaman naluri bahasa sendiri, tetapi juga berkait rapat dengan makna tatabahasa dan petunjuk dalam konteks ayat tersebut.

Secara ringkasnya, bahasa ibunda boleh dikatakan dapat ‘mendorong’ pelajar-pelajar Melayu menguasai kata kerja 了-*le* dengan lebih awal berbanding dengan akhir ayat 了-*le*. Seperti yang dikemukakan oleh Ellis (1985, hlm. 19-21), pemerolehan bahasa kedua memang kuat dipengaruhi oleh bahasa pertama. Oleh itu, kajian ini boleh membuat kesimpulan bahawa pengaruh pemindahan bahasa ibunda dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu memang tidak dapat dinafikan dan tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, gangguan daripada bahasa pertama terhadap bahasa kedua tidak patut dianggap sebagai satu halangan dalam proses pembelajaran bahasa kedua. Sebaliknya, gangguan tersebut patut dilihat sebagai salah satu cara pembelajaran bagi pelajar bahasa kedua untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi sebelum mencapai kejayaan dalam pembelajaran bahasa kedua.

6.2. Implikasi Dapatan Dan Cadangan Kajian

Kajian ini telah menunjukkan bahawa pemerolehan partikel 了-*le* merupakan salah satu kesulitan yang sukar dikuasai oleh pelajar-pelajar Melayu terutamanya pada tahap awal pembelajaran bahasa Mandarin

sebagai bahasa kedua. Hasil dapatan kajian ini telah memberi mesej bahawa bahan pengajaran dan cara pengajaran memainkan peranan yang agak penting dalam proses pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua.

Dalam aspek bahan pengajaran, penerangan terhadap partikel 了-*le* yang ringkas menyebabkan pelbagai kesulitan wujud dalam kalangan pelajar Melayu apabila mereka menggunakan partikel 了-*le*. Sebenarnya, majoriti pelajar Melayu masih belum dapat menguasai partikel 了-*le* dalam tempoh masa pembelajaran selama dua semester, lebih-lebih lagi menggunakan partikel 了-*le* dengan mahir. Pada pendapat pengkaji, penerangan terhadap partikel 了-*le* dalam buku teks bahasa Mandarin UMP harus diperbaiki. Penerangan tentang partikel 了-*le* harus diberi bersama dengan contoh-contoh ayat yang berkaitan secara terperinci. Selain itu, penerangan seperti ‘bila partikel 了-*le* mesti digunakan’, ‘bila partikel 了-*le* tidak perlu digunakan’, dan ‘bila partikel 了-*le* boleh digunakan dan diabaikan’ adalah perlu dihuraikan dengan jelas.

Dalam hal ini, bahan pengajaran bahasa Mandarin seharusnya sentiasa memberi penjelasan tentang keadaan yang tidak perlu menggunakan partikel 了-*le* dalam ayat. Penerangannya bukan hanya diterangkan secara keseluruhan dalam sekali, tetapi makna dan syarat penggunaan partikel 了-*le* harus dijelaskan secara beransur-ansuran dalam bab-bab yang berlainan. Bagi kata kerja yang membawa makna ‘sering kali’ atau ‘berturutan’ seperti “一直-*yízhí*” dan “常常-*chángcháng*”, partikel 了-*le* tidak perlu digunakan dalam konteks ayat. Ayat

yang mempunyai kata nafi seperti “没-*mǎi*” (tidak) atau “没有-*mǎi you*” (tiada) juga harus diterangkan. Kedudukan kata kerja 了-*le* dalam ayat yang mempunyai dua kata kerja (frasa kerja) juga perlu dijelaskan. Selain itu, bahan pengajaran boleh menjelaskan dan membandingkan kedua-dua penggunaan kata kerja 了-*le* dan akhir ayat 了-*le* bersama dengan contoh-contoh ayat supaya pelajar-pelajar mempunyai pemahaman yang lebih jelas dan mendalam tentang kedua-dua partikel tersebut.

Dalam bahan pengajaran bahasa Mandarin UMP, akhir ayat 了-*le* (wujud pertama kali dalam Bab 3 buku *Mandarin For Beginners*) wujud sebelum kata kerja 了-*le* (wujud pertama kali dalam Bab 7 buku *Mandarin For Beginners*). Keadaan ini menimbulkan pelbagai pertanyaan dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu, apakah perbezaan di antara partikel 了-*le* yang wujud di tengah ayat dengan partikel 了-*le* yang wujud di akhir ayat? Hal ini menyebabkan pelajar-pelajar Melayu beranggapan bahawa bahasa Mandarin sukar dipelajari dan dikuasai, serta peraturan-peraturan tatabahasa sukar untuk dikesan.

Kewujudan akhir ayat 了-*le* sebelum kata kerja 了-*le* juga menyebabkan pengajar tidak boleh memberi penerangan secara bandingan dengan bahasa ibunda mereka. Maka, pengkaji berpendapat bahawa struktur kata kerja 了-*le* yang membawa makna ‘perbuatan selesai pada masa lampau’ patut wujud dahulu, kemudian diikuti dengan ‘perbuatan selesai pada keadaan semasa atau masa depan’ dan akhirnya baru wujud struktur akhir ayat 了-*le* yang menerangkan ‘perubahan sesuatu situasi’ serta makna ‘*modal*’.

Di samping itu, didapati bahawa latihan tentang penggunaan partikel 了-le dalam bahan pengajaran adalah tidak mencukupi dan tidak begitu fokus kepada partikel 了-le. Kekurangan latihan menyebabkan pelajar-pelajar Melayu tidak mempunyai peluang yang lebih untuk memahami kata kerja 了-le dan akhir ayat 了-le dengan baik. Dalam buku teks tahap *Intermediate*, satu rumusan yang ringkas mengenai partikel 了-le yang pernah dipelajari patut dimasukkan sebelum teks pertama agar pelajar-pelajar dapat mengulang kaji semula struktur tatabahasa partikel 了-le yang pernah dipelajari pada tahap *Beginners*. Seterusnya, penerangan partikel 了-le dalam tahap *Intermediate* harus memberi fokus dalam perenggan ayat dan wacana di samping ayat tunggal. Ini adalah kerana penggunaan partikel 了-le amat bergantung kepada konteks ‘sebelum dan selepas’ bagi ayat berkenaan untuk menentukan kedudukan partikel 了-le yang tepat dan menentukan sama ada kata kerja 了-le atau akhir ayat 了-le yang perlu digunakan.

Dalam aspek pengajaran, penggunaan cara pengajaran secara bandingan yang sesuai dapat memanfaatkan proses pengajaran jika pengajar mempunyai pengetahuan yang baik tentang bahasa ibunda pelajar-pelajar bahasa kedua. Apabila membuat penerangan terhadap partikel 了-le, pengajar harus mengetahui bahasa ibunda pelajar-pelajar yang mungkin menyebabkan berlakunya pemindahan bahasa ibunda. Jika struktur tatabahasa bagi bahasa sasaran adalah serupa dengan bahasa ibunda mereka, pengajar boleh memberi penerangan secara ringkas. Jika struktur tatabahasa bagi bahasa sasaran adalah berbeza dengan bahasa

ibunda mereka, pengajar dikehendaki memberi penerangan yang lebih terperinci untuk membantu mereka supaya kesilapan akibat daripada pemindahan bahasa ibunda dapat dielakkan. Selain itu, pengajar adalah digalakkan menerangkan syarat-syarat penggunaan kata kerja 了 *-le* dan akhir ayat 了 *-le* secara terperinci di samping menjelaskan makna bagi kedua-dua partikel 了 *-le* untuk mengelakkan daripada pelajar-pelajar hanya ‘faham’ tetapi ‘tidak tahu menggunakannya’.

Selain itu, pengajar juga digalakkan menggunakan konsep ‘kata kerja 了 *-le*’ dan ‘akhir ayat 了 *-le*’ kerana ia senang difahami apabila pelajar-pelajar menggunakan partikel 了 *-le*. Dalam hal ini, pengajar patut memberi fokus mengenai penggunaan partikel 了 *-le* pada tahap awal pembelajaran bahasa Mandarin. Kemudian, penggunaan partikel 了 *-le* dalam konteks wacana harus diberi tumpuan yang lebih selepas tahap awal pembelajaran bahasa Mandarin. Dalam erti kata lain, pengajaran selepas tahap awal harus lebih mendekati konteks perbualan atau latar belakang kehidupan harian pelajar-pelajar.

Para pengajar juga harus mengingati bahawa pembetulan secara langsung apabila mendapati pelajar-pelajar melakukan kesilapan adalah tidak digalakkan. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua, peluang diberi kepada pelajar-pelajar untuk memahami kesilapan sendiri adalah sangat penting. Sebagai contoh, pengajar boleh mengulang kaji isi kandungan bab berkenaan agar pelajar-pelajar dapat memahami kesilapan sendiri melalui ulang kaji tersebut. Melalui proses ‘mengetahui-memahami-memahami lagi’, pelajar-pelajar dapat

memahami dan menguasai struktur tatabahasa yang rumit dengan lebih mendalam.

Sebagai kesimpulan, bahan pengajaran dan cara pengajaran memberi implikasi yang berkesan dalam penggunaan partikel 了 *-le* bagi pelajar-pelajar bahasa kedua seperti pelajar-pelajar Melayu dalam kajian ini. Melalui kajian ini, diharapkan pihak pendidikan dan para pengajar dalam bidang bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua dapat mengambil tindakan yang sewajarnya supaya prestasi bahasa Mandarin pelajar-pelajar bahasa kedua dapat dipertingkatkan.

6.3. Cadangan Untuk Kajian Lanjutan

Kajian kes ini adalah terbatas dari segi subjek kajian yang hanya terdiri daripada pelajar-pelajar Melayu di UMP. Selain mengkaji pelajar-pelajar Melayu di UMP, kajian masa depan boleh juga mengkaji penemuan penyelidikan ini terhadap pelajar-pelajar India yang mempelajari bahasa Mandarin di UMP. Penemuan penyelidikan akan lebih bermakna jika kajian berfokus kepada subjek terdiri daripada pelajar-pelajar bahasa kedua di semua universiti tempatan Malaysia dan mereka telah tamat mempelajari kursus bahasa Mandarin.

Selain itu, kebanyakan jawapan yang diperolehi daripada ujian bertulis yang direka adalah berbentuk ayat tunggal. Sebenarnya, ayat majmuk dalam dialog atau esei juga merupakan kesulitan pelajar-pelajar Melayu apabila mereka menggunakan partikel 了 *-le*. Oleh itu, kajian dari segi ayat majmuk boleh dipertimbang supaya masalah kajian dapat dikaji dan ditinjau dengan lebih mendalam.

Dapatan penyelidikan ini juga menunjukkan hubungan korelasi wujud di antara cara pembelajaran partikel 了-*le* dengan keputusan atau pencapaian seseorang dalam pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Namun, adalah lebih baik penyelidikan masa depan dicadangkan untuk menekankan lagi bagaimana dapatan seperti ini adalah berkait rapat dengan partikel 了-*le* dan hanya dengan partikel 了-*le* sahaja. Maka, penyelidikan terhadap penggunaan partikel 了-*le* akan menjadi lebih mendalam, terperinci, dan bermakna.

Rujukan

- Alison, M. (2006). Second language acquisition. Dlm. Ralph, W. F. & Jeffren, C. L., *An introduction to language and linguistics* (hlm. 433-463). Cambridge: Cambridge University Press.
- Ananda, K. P. (2009). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Selangor: Pearson Malaysia Sd. Bhd.
- Ang, L. H. (2008). Chinese learning by Malaysian and Indian students at University Putra Malaysia: An survey and analysis. *Journal of Oversea Chinese Education*, 46 (1), 65-70.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bai, X. H. & Zhao, W. (2007). *汉语虚词 15 讲 [15 Lectures on Chinese Function Words]*. Beijing: Beijing Language University Press.
- Beijing Language & Culture University. (1986). *现代汉语词频辞典 [Dictionary of frequency modern Chinese words]*. Beijing: Beijing Language & Culture University Press.
- Brown, H. D. (1993). *Principle of language learning and teaching*. Prentice Hall Regents.
- Chao, Y. R. (1968). *汉语口语语法 [A grammar of spoken Chinese]*. Beijing: Commercial Press.
- Chen, C. F. (2004). Discussion on problem encountered by Thai students in learning ‘le’ – A structural word of Modern Chinese. *Journal of School of Chinese Language and Culture Nanjing Normal University*, 2, 173-175.
- Chen, F. F. (2005). 标记假说与汉语二语习得中的母语迁移现象及习得难度 [Hypothesis of markedness and phenomenon of mother language transfer in second language acquisition and its learning difficulty]. Dlm. The 8th International Chinese Teaching Seminar Selected Paper Editing Committee (Ed.), *第八届国际汉语教学讨论会论文选 [The 8th International Chinese Teaching Seminar Selected Paper]* (hlm. 521-530). Beijing: Higher Education Press.

- Chen, X. H. (2010). On that 'le' does not occur alone in a sentence. *Chinese Language Learning*, 177 (3), 54-63.
- Chen, T. S. & Zhuang, L. R. (2009). *HSK 常用虚词例释 [The explanation of common function words in HSK]*. Beijing: Beijing Language And Culture University Press.
- Cheun, H. H., Ho, W. C. & Hoe, F. T. (2009). A Study of Mandarin Sentence Grammar Mistake Made by Non-native Speaker. *School of Language Studies & Linguistics International Conference 2009* (hlm. 105-116). Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cheun, H. H. (1998). *Masalah pembelajaran tulisan Cina di kalangan pelajar Institusi Teknologi Shah Alam*. Kertas Projek Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Cheun, H. H. & et. al. (2002). *Attitude towards the learning of Chinese Characters among students in Universiti Teknologi Mara*. Kertas Projek. IRDC (Biro Penyelidikan dan Perundingan) UiTM Shah Alam.
- Cheun, H. H. & et. al. (2005). *Strategi pengajaran aspek sebutan bahasa Mandarin di kalangan pelajar UiTM*. Kertas Projek, IRDC (Biro Penyelidikan dan Perundingan) UiTM Shah Alam.
- Cheun, H. H. & et. al. (2008). *Masalah pembelajaran urutan kata dalam ayat bahasa Mandarin di kalangan pelajar bukan penutur asli*. Kertas Projek, RMI (Institusi Pengurusan Penyelidikan) UiTM Shah Alam.
- Chong, A. K. (2007). *初级汉语 [Beginners Mandarin]*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang, Malaysia.
- Chong, A. K. (2009). *中级汉语 [Mandarin for Intermediate]*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang, Malaysia.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan*. Selangor: McGraw Hill Education.
- Corder, S. P. (1983). A role of the mother tongue. Dlm. S. & Gass, *Language Transfer in Language Learning* (hlm. 85-97). Rowley, Mass: Newbury House Publishers.
- Cui, L. B. (2005). *韩国学生对“了”的误用及其原因 [The misuse and its causes when Korean students using 'le']*. *Applied Linguistics*, 21-23.

- Cui, S. (1998). *Strategies used by successful learners*. Chicago, IL.: Paper presented at the 1998 American Council on Teaching Foreign Language (ACTFL) Conference.
- Dai, W. D. & Wang, D. (2002). 语言迁移研究：问题与思考 [Study on language transfer: questions and reflections]. *Foreign Language*, (6), 1-9.
- Deng, J. (2011). Pragmatic meaning realized through equivalent translation – a preliminary research on the translation strategies of ‘le₂’ from Chinese into English. *Foreign Language Research*, 159 (2), 124-126.
- Ding, G. X. (1990). 关于外国人学习汉语助词“了”的几个问题 [Questions on learning Chinese particle ‘le’ among foreign students]. *Journal of Hunan Normal University*, 2, 1-5.
- Eckman, F. (1977). Markedness and the contrastive analysis hypothesis. *Language Learning*, 27 (2), 315-330.
- Eckman, F. (1987). ‘Markedness and the contrastive analysis hypothesis’. Dlm. G. Ioup & S.H. Weinberger (Eds.), *Interlanguage Phonology. The Acquisition of a Second Language Sound System* (hlm. 55-69), Cambridge: Newbury House Publishers.
- Ellis, R. (1985). *Understanding of second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Erbaugh, M. (1985). Personal involvement and the development of language for time-aspect. *Papers and Reports on Child Language Development*, 24, 54-61.
- Fu, H. Y. (2007). 汉语教与学必备：教什么？怎么教？（上）什么篇：语用与语法走廊 [Chinese essentials: What & how (volume one) - What: A functional of grammatical walkthrough]. Beijing: Beijing Language University Press.
- Gao, M. B. (2001). 论运用第一语言（L₁）来学第二语言（L₂）的学习策略 [On the strategies use of first language (L₁) to learn second language]. Dlm. Li, X. Q. & Zhang D. X., 对英语为母语者的汉语教学研究：牛津研讨论文集 [A study on English native speaker in teaching and learning Chinese: Proceeding of Oxford seminar] (hlm. 296-308).

- Gao, Y. D., Li, G. Q. & Guo, X. (1993). *外国人学习与使用情况汉语调查研究报告* [A report on the investigation and study of foreigners learning and using Chinese]. Beijing: Beijing Language Institute Press.
- Gass, S. M. & Selinker, L. (Eds.). (1983). *Language Transfer in Language Learning*. Rowley, Mass: Newbury House Publishers.
- Gass, S. M. & Selinker, L. (2008). *Second language acquisition: An introductory course (3rd ed.)*. New York: Routledge.
- Gass, S. M. (1996). Second language acquisition and linguistics theory: the role of language transfer. Dlm. W. & Ritchie, *Handbook of second language acquisition*. San Diego: Academic Press.
- Gu, Y. & Johnson, R. K. (1996). Vocabulary learning strategies and language learning outcomes. *Language Learning*, 46, 643-679.
